



ADIL PROFESSIONAL BIJAKSANA

**LAPORAN TAHUNAN
JABATAN AUDIT NEGARA
2018**





**LAPORAN TAHUNAN
JABATAN AUDIT NEGARA
2018**

Kandungan

RASIONAL TEMA	4		
1 PERUTUSAN KETUA AUDIT NEGARA MALAYSIA (KANM)	5		
2 SEPINTAS LALU	13		
2.1 Sejarah dan Evolusi Jabatan Audit Negara (JAN)			
2.2 Mantan Ketua Audit Negara Malaysia			
2.3 Maklumat Korporat Jabatan Audit Negara			
3 PENGURUSAN JABATAN AUDIT NEGARA	23		
3.1 Carta Organisasi JAN			
3.2 Pengurusan JAN			
4 PEJABAT KETUA AUDIT NEGARA MALAYSIA	33		
5 MEMPERTINGKATKAN AKAUNTABILITI SEKTOR AWAM DI MALAYSIA	39		
5.1 Sepintas Lalu			
5.2 Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara			
5.3 Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara & Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri			
5.4 Pengauditan Kewangan			
5.4.1 Pengauditan Penyata Kewangan			
5.4.2 Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI)			
5.4.3 Lain-lain Pengauditan Kewangan			
5.4.3.1 Pengurusan Kewangan Pejabat Perwakilan Malaysia di Luar Negara			
5.4.3.2 Pengauditan Secara Mengejut			
5.5 Pengauditan Prestasi			
5.6 Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan			
6 MEMACU PEMANTAPAN PENGAUDITAN	111		
Penerangan ringkas mengenai Pemantapan Pengauditan JAN			
6.1 Arahan KANM			
Bilangan dan tajuk arahan KANM Pada Tahun 2018			
6.2 Penyelidikan			
6.3 Penilaian Jaminan Kualiti (<i>Quality Assurance Review - QAR</i>)			
			Penerangan ringkas mengenai QAR dan aktiviti yang dijalankan serta pencapaiannya
		6.4	Pasukan Rujukan (<i>Subject Matters Experts - SME</i>)
		6.5	Pengukuhan Unit Audit Dalam (UAD)
		6.6	Pengauditan Susulan
		6.7	Khidmat Nasihat Teknikal JAN
		6.8	Aplikasi Pengurusan Audit
			Penerangan aplikasi pengauditan utama yang digunakan di JAN
		7. MEMPERKUKUH PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN	133
		7.1	Pengurusan Kewangan dan Pentadbiran
		7.2	Pembangunan Modal Insan
			Maklumat mengenai Perjawatan dan Personel
		7.3	Program Pembangunan Kapasiti JAN
		7.4	Pembangunan Kerjaya
			Penerangan ringkas mengenai Pembangunan Kerjaya di JAN
			Bilangan warga JAN melanjutkan pelajaran
		7.5	Pengurusan Kompetensi
			Penerangan ringkas aspek pengurusan kompetensi Juruaudit di JAN
		7.6	Pelaksanaan Intergriti JAN
		8 MENINGKAT JALINAN ANTARABANGSA	155
		9 ARTIKEL	177
		10 AKTIVITI SOSIAL JABATAN	195
		11 MENGIMBAS PERJALANAN TAHUN 2018	227
		11.1	Imbasan Peristiwa (Gambar dan <i>caption</i>)
		11.2	Anugerah dan Pengiktirafan
			Senarai nama dan gambar warga audit yang penerima darjah kebesaran di peringkat Persekutuan atau Negeri
		11.3	Penerbitan
		11.4	Jasamu Dikenang
		12. PENUTUP	293

Rasional Tema



"Adil, Bijaksana dan Profesional"

Jabatan Audit Negara adalah sebuah institusi yang bebas yang tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak atau individu. Pengauditan dan pelaporan dilaksanakan dengan adil dan saksama tanpa sebarang sifat prejudis dan berat sebelah. Juruaudit perlu bijaksana dalam memenuhi keperluan dan harapan pihak-pihak berkepentingan. Pengauditan hendaklah dilaksanakan dengan profesional berdasarkan mandat yang ditetapkan dan standard pengauditan antarabangsa.



Perutusan
Ketua Audit Negara Malaysia



PERUTUSAN KETUA AUDIT NEGARA

*Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum Warahmatullahi wabarokatuh
dan Salam Sejahtera.*

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya Laporan Tahunan Jabatan Audit Negara (JAN) Tahun 2018 telah berjaya diterbitkan. Syabas diucapkan kepada Sidang Redaksi yang telah bertungkus lumus menyiapkan Laporan Tahunan ini. Saya juga merakamkan penghargaan kepada seluruh warga JAN kerana memberikan kerjasama dan koordinasi yang baik bagi menerbitkan Laporan Tahunan ini. Laporan Tahunan ini merupakan medium untuk kita merakamkan sumbangan, kejayaan dan pencapaian pelbagai aktiviti JAN sepanjang tahun 2018.

Tahun 2018 merupakan tahun yang mencabar bagi JAN dalam menyempurnakan amanah dan aspirasi rakyat dalam era Malaysia baharu. JAN perlu bergerak seiring dengan dasar dan hala tuju yang dibawa oleh pentadbiran Kerajaan baharu yang menekankan prinsip tadbir urus yang baik, *rule of law*, integriti dan akauntabiliti yang tinggi bagi mengelak berlaku ketirisan, penyelewengan dan salah guna kuasa. Agenda "Mereformasi Tadbir Urus Ke Arah Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam" adalah tonggak pertama dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-11 yang telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri pada



18 Oktober 2018 di Parlimen. Langkah ini dapat menjadikan pengurusan kewangan awam lebih cekap dan berkesan dan memperkukuhkan sistem penyampaian Perkhidmatan Awam.

Tahap profesionalisme dan akauntabiliti pegawai JAN perlu dipertingkatkan bagi memastikan Laporan Ketua Audit Negara yang dikeluarkan adalah adil dan tepat serta mempunyai cadangan penyelesaian yang boleh dilaksanakan. Pegawai JAN perlu mempunyai integriti yang tinggi dengan memastikan setiap peraturan dipatuhi di samping memastikan orang lain mematuhi peraturan.

JAN sedang mengambil langkah untuk memperkasakan kebebasan institusi Audit daripada kawalan cabang eksekutif dan mendapat autonomi dari segi pengurusan sumber manusia dan bajet dengan membuat kajian pindaan dan penambahbaikan terhadap Akta Audit 1957. Kajian pindaan dan penambahbaikan Akta Audit 1957 mengambil contoh Akta Audit di negara-negara lain khususnya negara Komanwel yang mempunyai kerangka kerja yang sama dengan Malaysia, iaitu model *Westminster*. Satu pembentangan bertajuk *Establishing the Independence of the Auditor General's Office of Malaysia* telah dibentangkan kepada YAB Perdana Menteri dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) pada 13 Ogos 2018.

Sepanjang tahun 2018, JAN telah berjaya melaporkan dua (2) siri Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) dan telah dibentangkan di Parlimen serta Dewan Undangan Negeri. Sejumlah 474 laporan

pengauditan pengesahan penyata kewangan peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah dilaporkan, JAN juga telah melaporkan hasil Pengauditan Pengurusan Kewangan (AI) bagi tahun kewangan 2017 terhadap 263 Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Pengauditan secara mengejut juga telah dijalankan di 338 Pusat Tanggungjawab (PTJ)/ Pusat Kos (PK) Kementerian/ Jabatan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan Jabatan/ Agensi Kerajaan Negeri. Sebanyak 80 Pengauditan Prestasi program/ aktiviti/ projek di bawah Kementerian/ Jabatan/ Badan Berkanun Persekutuan dan Kementerian/ Jabatan/ Agensi Negeri dilaporkan dan 40 laporan pengauditan dibentangkan bagi Pengurusan Syarikat Kerajaan yang menerima geran/ pinjaman dari Kerajaan Persekutuan/ Negeri. Secara keseluruhannya sebanyak 541 syor telah dikeluarkan bagi memperbaiki kelemahan yang dilaporkan dalam LKAN Tahun 2017 Siri 1 dan Siri 2.

Bagi meningkatkan kompetensi dan profesionalisme warga JAN, Akademi Audit Negara (AAN) dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Sektor Pengurusan telah melaksanakan 91 kursus terdiri daripada 65 kursus fungsional (pengauditan, perakaunan dan teknologi maklumat) dan 26 kursus generik (program pengurusan). Kursus-kursus ini telah dihadiri oleh 2,373 peserta terdiri dari pegawai pelbagai gred jawatan. Disamping itu, 78 orang pegawai JAN telah dibiayai oleh AAN untuk menghadiri kursus/ seminar/ persidangan berkaitan dengan pengauditan forensik, standard perakaunan, teknologi maklumat, pengurusan risiko

serta tadbir urus di institut latihan awam/ swasta dan badan profesional. Saya amat berbangga kerana AAN diberi kepercayaan dan pengiktirafan oleh agensi luar seperti PERKESO, MAIWP, KPKT dan KPDNHEP untuk melaksanakan kursus dan latihan kepada pegawai mereka dalam bidang pengauditan dan teknologi maklumat.

JAN sentiasa berusaha mengemas kini maklumat dan menambah baik kaedah, proses dan prosedur pengauditan melalui garis panduan dan standard prosedur operasi terkini. Pada tahun 2018, pihak JAN telah menerbitkan Garis Panduan Siasatan, *Handbook* Pelaburan, *Nomenclature* Rumusan Audit Prestasi, Pelan Strategik Teknologi Maklumat 2018 – 2020 dan *Standard Operating Procedure* (SOP) Bahagian Teknikal, Sektor Audit Prestasi. Diharap buku yang diterbitkan dapat membantu pegawai JAN menjalankan tugas dengan lebih baik dan profesional.

JAN merupakan ahli kepada Pertubuhan Audit Negara Asia Tenggara (ASEANSAI), Pertubuhan Audit Negara Asia (ASOSAI) dan Pertubuhan Audit Negara Antarabangsa (INTOSAI). Ketua Audit Negara Malaysia (KANM) telah diberi kepercayaan untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai Pengerusi ASOSAI bagi tempoh 2015 hingga 2018. Malaysia juga adalah ahli *ex-officio* ASOSAI *Governing Board* bagi tempoh 2018 hingga 2024. KANM juga merupakan Timbalan Pengerusi ASEANSAI untuk tempoh 2017 hingga 2019. JAN juga menjadi ahli *Working Group on IT Audit*, *Working Group of Fight Against Corruption and Money Laundering* dan *Working Group of*

Environmental Audit. Di samping itu, JAN juga giat menjalinkan hubungan dua hala dengan Badan Pemeriksa Keuangan Republik Indonesia dalam bidang pengauditan sektor awam. Mesyuarat Teknikal Kali ke-18 telah diadakan di Yogyakarta, Indonesia pada 17 hingga 20 Disember 2018.

Pada tahun 2018, AAN telah diiktiraf sebagai Pusat Latihan Pertubuhan Audit Negara Asia. Pengiktirafan ini menaikkan imej JAN dalam kalangan institut audit negara Asia dan ASEAN. AAN juga melaksanakan program-program pembangunan kapasiti atas permintaan institusi audit negara luar. Seramai 465 orang pegawai audit dari Sri Lanka telah mengikuti Kursus Pengauditan Prestasi yang telah diadakan sebanyak 6 siri. Di samping itu, seramai 10 orang pegawai audit dari Afghanistan juga mengikuti Kursus Pengauditan Prestasi di AAN. AAN juga diamanahkan untuk menganjurkan kursus di bawah program ASOSAI dan Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP).

JAN tidak hanya tertumpu menjalinkan kerjasama serantau dan antarabangsa. JAN juga menjalinkan kerjasama dengan badan profesional dalam bidang pengauditan, penyelidikan dan latihan seperti Malaysian Institute of Accountants (MIA), The Institute of Internal Auditors Malaysia (IIAM), Association of Certified Fraud Examiner (ACFE) dan lain-lain badan profesional. JAN menghantar pegawai mengikuti program anjuran mereka, menjemput badan profesional memberi kursus/ latihan/ ceramah kepada warga JAN serta menganjurkan program bersama bagi meningkatkan profesionalisme warga

JAN. Pada 2018, JAN mengorak selangkah lagi apabila menjalinkan kerjasama dengan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) sebagai penyumbang maklumat bagi pangkalan data BERNAMA Library & Infolink Service (BLIS) – <http://blis.bernama.com>. JAN akan berkongsi Laporan Ketua Audit Negara yang sedia ada dalam portal JAN dari tahun 2000 untuk dimuat naik ke dalam pangkalan data BLIS. Sebagai timbal balas JAN diberi akses kepada pelbagai maklumat yang boleh membantu pegawai JAN melaksanakan pengauditan dan penyelidikan.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga JAN atas segala sumbangan jasa bakti dan komitmen yang diberikan demi memastikan JAN sentiasa berada di landasan betul dalam mencapai misi dan visi serta objektifnya. Adalah menjadi harapan saya, agar JAN terus maju ke hadapan menyumbang kepada matlamat reformasi negara seiring dengan gelombang Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0). Saya ingin menekankan bahawa JAN selaku ejen kawalan dalaman kerajaan memainkan peranan penting bagi memantapkan akauntabiliti dan integriti perkhidmatan awam antaranya dari segi mengamalkan perbelanjaan berhemat dan mementingkan *value for money* dalam perbelanjaan awam yang memfokus kepada *outcome* dan impak yang positif. Semoga Allah SWT memberi kekuatan kepada kita dalam menghadapi cabaran yang mendatang.

Terima kasih.



Dato' Nik Azman Nik Abdul Majid
Ketua Audit Negara Malaysia



SEKALUNG PENGHARGAAN

*Kaulah Srikanthi pertama di persada pertiwi,
Sukses menerajui setiap segi,
Bukan hanya juara berteorii,
Mamun tangkas beraksi mencari solusi,
Ketegasan dan integriti tetap berdiri.*

*Walaupun seketika mempromerkan aksi,
Tempahat sejarah menjadi legasi,
Idea mu terus mengalir berumbi,
Karya mu tidak mungkin terketepi,
Didalami untuk lebih terampil berisi.*

*Perjuangan mu mekar kekal di sisi,
Setiap langkah mu kami yakin beraksi,
Kasih pada mu tak mungkin terganti,
Berbisik di hati agar dikau sentiasa diberkati,
Terima Kasih Srikanthi, Kau Tetap di hati.*

*Terima Kasih
Y.Bhg. Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad
Ketua Audit Negara Malaysia
2017-2019*





Sepintas Lalu

Sejarah dan Evolusi

Institusi Audit telah wujud di Tanah Melayu sejak pentadbiran penjajah British pada awal abad ke-19. Pada ketika itu, institusi Audit wujud secara berasingan mengikut negeri iaitu Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri Selat. Institusi Ketua Audit Negara bagi Semenanjung Tanah Melayu wujud pada tahun 1906 apabila pelantikan *Auditor General pertama* Negeri Melayu Bersekutu pertama dilantik. Beliau bertanggungjawab terhadap fungsi audit bagi 4 negeri yang berpusat di Kuala Lumpur. Pada tahun 1932, kedua-dua Institusi ini digabungkan dan diletakkan di bawah kawalan *Director of Colonial Audit* yang berpusat di London. Tugas pengauditan dipertanggungjawabkan kepada *Auditor of the Straits Settlements and the Federated Malay States*, berpusat di Kuala Lumpur. Menjelang kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957, jawatan *Director of Audit Malaya* ditukar kepada nama Ketua Audit Negara (KAN). Pelantikan KAN serta tanggungjawabnya termaktub di bawah Perkara 105, 106, 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957. Sungguhpun Persekutuan Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan daripada pihak Inggeris, sebahagian besar jawatan tertinggi Kerajaan pada ketika itu termasuklah jawatan KAN masih lagi disandang oleh pegawai-pegawai Inggeris. Hanya pada tahun 1963, jawatan KAN telah disandang oleh anak tempatan iaitu Encik S. Kandiah memandangkan sebelum tahun ini jawatan tersebut dilantik di kalangan pegawai *British Colonial Audit Service*.

1906-1946

Pengauditan pada masa itu lebih tertumpu pada aspek transaksi bagi mengukuhkan lagi sistem pentadbiran kewangan pihak penjajah sehinggalah penubuhan *Malayan Union*.

Pada tahun 1934 bentuk Laporan Audit telah dipinda dan dibahagikan kepada dua Bahagian iaitu Bahagian 1 mengenai pengesahan terhadap akaun dan Bahagian 2 mengenai hasil pengauditan yang dijalankan terhadap pengendalian akaun dan penyimpanan rekod.

1948-1956

Pada tahun 1948, kandungan Laporan Audit mula mengasingkan Laporan Audit Persekutuan dan Laporan Audit Negeri. Format Laporan Audit lebih berbentuk pengesahan penyata dan pengurusan kewangan.

Mulai tahun 1956, selain daripada pengesahan kepada penyata kewangan, Laporan Audit membangkitkan isu mengenai kelewatan penyerahan penyata, kawalan dalaman, penyelewengan, kehilangan dan juga melaporkan pengurusan kewangan di Jabatan dan Kementerian.

1957

Pendekatan audit berdasarkan kuasa yang diperuntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957. Pendekatan lebih tertumpu pada aspek kewangan dan pematuhan.

Selepas merdeka, bentuk pengauditan masih menekankan kepada pengesahan penyata kewangan dan pematuhan kepada peraturan dan undang-undang.

1960-1968

Mulai tahun 1960, Laporan Audit disediakan dalam dwibahasa iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu.

Program and Performance Budgeting System diperkenalkan. Pendekatan audit pada masa ini mula memberi penekanan terhadap pelaksanaan projek Kerajaan. Oleh itu, pendekatan audit berorientasikan pencapaian mula dilakukan walaupun tidak ada peruntukan undang-undang.

1978-1983

Pendekatan audit telah diperluaskan lagi dengan pindaan Akta Audit 1957 pada tahun 1978 dan 1983 iaitu untuk melaksanakan pengauditan prestasi terutama terhadap pelaksanaan projek Kerajaan.

1986

Pengauditan kewangan terhadap Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan mula diswastakan kepada Firma Audit Swasta.

2000-2005

Pendekatan pengauditan yang mesra auditi diperkenalkan melalui Program Pembaharuan Jabatan. Beberapa perubahan dari segi pendekatan audit diperkenalkan untuk membantu pihak auditi seperti: Program Anak Angkat, Khidmat Nasihat terhadap Sistem Kawalan Dalaman, Pengauditan Pengurusan dan Pembangunan Sistem ICT dan Projek Alam Sekitar, Forensik dan Sistem ICT. Warta dikeluarkan untuk pengauditan berlangsung oleh Jabatan terhadap 496 buah Syarikat dan anak Syarikat Kerajaan.

Pembinaan Akademi Audit Negara pada tahun 2005 sebagai landasan untuk mempertingkatkan imej dan profesionalisme juruaudit sektor awam.

2006-2011

Bermula pada tahun 2006, Jabatan telah mengeluarkan dua LKAN yang berasingan iaitu LKAN mengenai Aktiviti dan Pengurusan Syarikat bagi Kerajaan Persekutuan dan negeri.

Penstrukturan semula JAN yang dibuat pada tahun 2007 dengan penubuhan Sektor Audit Khas & Penyelidikan yang merangkumi bahagian pengkhususan seperti Pengurusan Air, Alam Sekitar, Kajian Khas dan ICT.

Tahun 2007 juga telah diperkenalkan Indeks Akauntabiliti bagi mengukur prestasi pengurusan kewangan kementerian, jabatan dan agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri.

Pada tahun 2009, Kerajaan telah bersetuju dengan pengkaderan jawatan Juruaudit dalam di kementerian/jabatan di mana Juruaudit JAN telah ditempatkan di Unit Audit Dalam yang berkenaan.

Budaya perkongsian pengetahuan dan pengalaman melalui penulisan mula diterapkan pada awal tahun 2011 dengan penerbitan dua edisi Jurnal Pengauditan Sektor Awam setahun.

2013-2015

Penubuhan 13 Pasukan Rujukan pada tahun 2013 bagi membantu kompetensi Juruaudit baharu dan sedia ada atau sebagai *reference point* kepada mereka.

Pelaksanaan inisiatif GTP 2.0 berhubung penambahbaikan terhadap proses pelaporan iaitu pembentangan tiga siri LKAN, Penubuhan Jawatankuasa Tindakan, Pembangunan *AG's Dashboard* dan Inkuisisi Putrajaya pada tahun 2013. Sehubungan dengan itu, Bahagian Susulan Audit diwujudkan selaras dengan Pelaksanaan inisiatif GTP 2.0 tersebut.

Pelancaran *AG's Dashboard* Versi 2.0 pada tahun 2015 dengan penambahbaikan di mana auditi boleh memberi maklum balas secara dalam talian serta terdapat ruangan komentar awam.

2016

Penstrukturan semula JAN pada tahun 2016 dengan penubuhan Sektor Audit Prestasi, Sektor Audit Kewangan dan Sektor Audit Tadbir Urus menggantikan Sektor Audit Persekutuan, Sektor Audit Kerajaan Negeri, Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan dan Sektor Audit Khas dan Penyelidikan.

2017

Pengauditan Pengurusan Kewangan berasaskan risiko diperkenalkan untuk memberi penarafan terhadap prestasi pengurusan kewangan kementerian, jabatan dan agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri.

Mantan Ketua Audit Negara Malaysia

Gelaran Ketua Audit Negara Malaysia bermula pada tahun 1906 sehingga kini

TAHUN	GELARAN
1906 - 1931	Auditor-General of Federated Malay States (F.M.S.)
1932 - 1946	Auditor-General of Straits Settlement & F.M.S
1946 - 1947	Auditor Malayan Union
1948 - 1957	Director of Audit, Malaya
1957 - 1963	Auditor-General of the Federation of Malaya
1963 - Kini	Auditor-General of Malaysia

Director of Audit, Malaya

- H.M Watson (1954 -1957)
- C.W.S. Seed (1951-1954)
- R. McDonald (1948-1951)

Auditor Malayan Union

- R. McDonald (1946-1947)

Auditor General of the Colonial Administration

- L.G Corney (1936 -1946)
- G.P Bradney (1932 - 1936)

Auditor General of the Colonial Administration

- G.P Bradney (1919 - 1931)
- F.W Talbot (1911 - 1919)
- W.J.P Hume (1906 - 1911)



H.M. Watson
(1957 – 1960)



D.G. Bompas
(1960 – 1966)



S. Kandiah
(1966 – 1969)



Haji Mohd Zain bin Ahmad
(1969 – 1975)



Tan Sri Ahmad Noordin bin Haji Zakaria
(1975 – 1986)



Tan Sri Dato' Ishak bin Tadin
(1986 – 1994)



Datuk Haji Mohd Khalil bin Dato' Haji Mohd Noor
(1994 – 2000)



Tan Sri Dr. Hadenan bin A. Jalil
(2000 – 2006)



Tan Sri Haji Ambrin bin Buang
(2006 – 2017)



Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad
(2017 – 2019)



LAMBANG PERSEKUTUAN

Melambangkan punca kuasa dan kebebasan yang diperuntukkan kepada KANM bagi melaksanakan pengauditan akaun Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun Persekutuan serta aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

DUA TANGKAI PADI

Melambangkan usaha dan kegigihan warga audit untuk meningkatkan produktiviti Jabatan secara berterusan serta pelaporan seimbang yang diamalkan oleh JAN.

BENTUK BULAT

Melambangkan keteguhan dan keutuhan semangat kerja berpasukan di kalangan warga audit sebagai penyumbang utama ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti sektor awam dalam menghadapi era globalisasi.

WARNA MAROON

Melambangkan imej korporat dan identiti JAN.

WARNA KUNING

Melambangkan kedaulatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara yang melantik KANM atas nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Raja-raja.

WARNA PUTIH

Melambangkan keikhlasan dan ketelusan Jabatan dalam melaksanakan tanggungjawabnya untuk memastikan wujudnya akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan sektor awam.

Visi

Sebagai Institusi Audit yang lebih bebas dan profesional serta bertaraf antarabangsa.

Misi

Melaksanakan pengauditan secara profesional berlandaskan standard pengauditan antarabangsa bagi menghasilkan Laporan Audit yang berkualiti bagi memenuhi kehendak pelanggan.

Objektif

- Menyediakan Laporan Audit pada masanya untuk dikemukakan kepada Parlimen/Dewan Undangan Negeri.
- Melaksanakan aktiviti pengauditan dan penyediaan Laporan secara bebas dan adil.
- Memenuhi keperluan dan harapan daripada stakeholders dan auditi.
- Menguruskan aktiviti audit dengan cekap dan berkesan.
- Menjadi jabatan contoh dalam persekitaran negara maju.
- Menjalankan pengauditan secara profesional berpandukan kepada Standard Pengauditan Antarabangsa

Piagam Pelanggan

- Mengesahkan Penyata Kewangan, mengeluarkan Sijil Audit dan menyiapkan Laporan Audit dalam tempoh empat bulan selepas penerimaan Penyata Kewangan Tahunan.
- Menyediakan Laporan Audit yang seimbang tanpa sebarang prejudis dan prasangka.

DASAR & OBJEKTIF KUALITI

DASAR KUALITI

- JAN adalah komited kepada pengauditan dan pelaporan yang berkualiti dan profesional selaras dengan Standard Pengauditan Antarabangsa.
- JAN adalah komited untuk membuat penambahbaikan yang berterusan terhadap Sistem Pengurusan Kualiti dan menilai semula semua Objektif Kualiti yang ditetapkan bagi memastikan ianya sentiasa memenuhi kehendak pelanggan.

OBJEKTIF KUALITI

- Mengesahkan Penyata Kewangan, mengeluarkan Sijil Audit dan menyiapkan Laporan Audit dalam tempoh empat bulan selepas penerimaan Penyata Kewangan yang lengkap.
- Menyiapkan Pengauditan Pengurusan Kewangan dan mengeluarkan laporan mengenainya dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh mula pengauditan.
- Memastikan Pengauditan Pengurusan Kewangan di Kementerian/Jabatan/ Agensi Kerajaan persekutuan dan negeri dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga tahun.

SLOGAN KUALITI

“AUDIT BERKUALITI MENINGKATKAN AKAUNTABILITI”

NILAI UTAMA

BEBAS	Melaksanakan tugas tanpa dipengaruhi dan diancam.
PROFESIONAL	Melaksanakan tugas dengan profesional. Menanda aras kerja pengauditan dengan standard antarabangsa.
INTEGRITI	Berintegriti bagi memastikan hasil pengauditan adalah boleh dipercayai.
AMANAH	Bertanggungjawab, menjadikan sifat amanah sebagai asas dalam pasukan kerja.
RELEVAN	Menyediakan maklumat yang tepat dan memenuhi kehendak <i>stakeholders</i> .





Pengurusan
Jabatan Audit Negara

CARTA ORGANISASI

Jabatan Audit Negara

PEJABAT KETUA AUDIT NEGARA

PEJABAT KAN
PEGAWAI KHAS

AKADEMI AUDIT NEGARA
PENGARAH AUDIT - JUSA C

BAHAGIAN AKADEMIK
KETUA SEKOLAH

PEJABAT PENDAFTARAN
PENDAFTAR

BAHAGIAN PENYELIDIKAN, KORPORAT
DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA
PENGARAH AUDIT - W54

CAWANGAN PENYELIDIKAN
PENGARAH AUDIT - W54

CAWANGAN KORPORAT DAN
HUBUNGAN ANTARABANGSA
KETUA PENOLONG PENGARAH

UNIT KHIDMAT NASIHAT UNDANG-UNDANG
PENASIHAT UNDANG-UNDANG

UNIT INTEGRITI
KETUA UNIT INTEGRITI

SEKTOR AUDIT KEWANGAN

TIMBALAN KETUA AUDIT NEGARA
(KEWANGAN) - JUSA A

BAHAGIAN AUDIT KEWANGAN I
PENGARAH AUDIT - JUSA B

BAHAGIAN AUDIT KEWANGAN II
PENGARAH AUDIT - JUSA C

BAHAGIAN AUDIT KEWANGAN III
PENGARAH AUDIT - JUSA C

BAHAGIAN AUDIT KEWANGAN IV
PENGARAH AUDIT - JUSA C

SEKSYEN PENYELARASAN LAPORAN
KETUA PENOLONG PENGARAH AUDIT

PENTADBIRAN & SOKONGAN

SEKTOR PENGURUSAN

PENGARAH - JUSA C

BAHAGIAN PENGURUSAN
SUMBER MANUSIA
TIMBALAN PENGARAH

BAHAGIAN KEWANGAN
& PENTADBIRAN
TIMBALAN PENGARAH

BAHAGIAN TEKNOLOGI
MAKLUMAT & KOMUNIKASI
TIMBALAN PENGARAH

KETUA AUDIT NEGARA MALAYSIA

- TURUS II

SEKTOR AUDIT TADBIR URUS

TIMBALAN KETUA AUDIT NEGARA
(TADBIR URUS) - JUSA B

SEKTOR AUDIT PRESTASI

TIMBALAN KETUA AUDIT NEGARA
(PRESTASI) - JUSA A

BAHAGIAN AUDIT PRESTASI I

PENGARAH AUDIT - JUSA B

BAHAGIAN AUDIT PRESTASI II

PENGARAH AUDIT - JUSA C

BAHAGIAN AUDIT PRESTASI III

PENGARAH AUDIT - JUSA C

BAHAGIAN TEKNIKAL

PENGARAH TEKNIKAL - JUSA C

BAHAGIAN PENGAUDITAN ICT

PENGARAH AUDIT - JUSA C

BAHAGIAN SUSULAN AUDIT

PENGARAH AUDIT - JUSA C

SEKSYEN PENYELARASAN LAPORAN

TIMBALAN PENGARAH AUDIT

PENTADBIRAN & SOKONGAN

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI

BAHAGIAN AUDIT TADBIR URUS

PENGARAH AUDIT - JUSA C

BAHAGIAN PENYELARASAN UNIT AUDIT DALAM

TIMBALAN PENGARAH

SEKSYEN PENYELARASAN LAPORAN

PENTADBIRAN & SOKONGAN

JOHOR

PENGARAH AUDIT NEGERI - JUSA C

SABAH

PENGARAH AUDIT NEGERI - JUSA C

TERENGGANU

PENGARAH AUDIT NEGERI - W54

KELANTAN

PENGARAH AUDIT NEGERI - W54

KEDAH

PENGARAH AUDIT NEGERI - W54

NEGERI SEMBILAN

PENGARAH AUDIT NEGERI - W52

PERLIS

PENGARAH AUDIT NEGERI - W48

SELANGOR

PENGARAH AUDIT NEGERI - JUSA C

SARAWAK

PENGARAH AUDIT NEGERI - JUSA C

PULAU PINANG

PENGARAH AUDIT NEGERI - W54

PAHANG

PENGARAH AUDIT NEGERI - W54

PERAK

PENGARAH AUDIT NEGERI - W54

MELAKA

PENGARAH AUDIT NEGERI - W52

Pengurusan Tertinggi Jabatan Audit Negara Tahun 2018



Berdiri dari kiri: **YBhg. Dato' Hj. Che Isa bin Hj. Che Kob**, Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan); **YBhg. Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad**, Ketua Audit Negara Malaysia; **YBrs. Tuan Hj. Khalid Khan bin Abdullah Khan**, Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi); dan **YBhg. Datuk Zulkipli bin Abdullah**, Timbalan Ketua Audit Negara (Tadbir Urus).

Sektor Audit Prestasi



YBhg. Datin Paduka Ang Nai Har
Pengarah Audit Prestasi I



YBhg. Dato' Shamsiah binti Hj. Daud
Pengarah Audit Prestasi II



YBrs. Puan Yusnani binti Zakaria
Pengarah Audit Prestasi III



YBrs. Encik Y Hamdan bin Mohd Dom
Pengarah Audit ICT



YBrs. Ir. Ruhani binti Hj. Ali
Pengarah Bahagian Teknikal



YBrs. Tuan Hj. Mohd. Zaki bin Ismail
Pengarah Bahagian Susulan Audit

Sektor Audit Kewangan



YBrs. Encik Zaaba bin Zainuddin

Pengarah Audit Kewangan I



YBrs. Puan Lim Sok Kiang

Pengarah Audit Kewangan III



YBrs. Encik Johari bin Ismail

Pengarah Audit Kewangan IV

Sektor Audit Tadbir Urus



YBrs. Puan Nor Salwani binti Muhammad

Pengarah Audit Tadbir Urus

Jabatan Audit Negara Negeri



1 YBrs. Tuan Hj. Mohd Said
bin Supar
Pengarah Audit Negeri
Johor

2 YBrs. Tuan Hj. Roslan
bin Abu Bakar
Pengarah Audit Negeri
Selangor

3 YBrs. Puan Patimah
binti Ramuji
Pengarah Audit Negeri
Sabah

4 YBrs. Puan Toieyah
binti Hj. Tioh
Pengarah Audit Negeri
Sarawak

5 Encik Nikrul Tarmizi
bin Awalludin
Pengarah Audit Negeri
Terengganu

6 YBhg. Datin
Siti Zaleha binti Bakar
Pengarah Audit Negeri
Pulau Pinang



7



8



9



10



11



12



13

7 Encik Jesmani bin Yusoff
Pengarah Audit Negeri Kelantan

8 Encik Azunan bin Daud
Pengarah Audit Negeri Pahang

9 Puan Baridatul Anita binti Bidin
Pengarah Audit Negeri Kedah

10 Encik Mohd Fisul bin Ismail
Pengarah Audit Negeri Perak

11 Encik Zakri bin Mamat
Pengarah Audit Negeri Negeri Sembilan

12 Tuan Hj. Redzuan bin Hj. Abdul Samad
Pengarah Audit Negeri Melaka

13 Encik Abd. Aziz bin Che Daud
Pengarah Audit Negeri Perlis

Sektor Pengurusan



**YBrs. Encik
Kamaruzaman
bin Umar**

Pengarah Sektor Pengurusan
(Bertukar pada 6 Julai 2018)



**YBrs. Encik
Putra Nurwan Shah
bin Baharuddin**

Pengarah Sektor Pengurusan
(Lapor diri pada 9 Julai 2018)

Pejabat Ketua Audit Negara



**YBrs. Dr. Masiah
binti Ahmad**

Pengarah
Akademi Audit Negara



Encik Allias bin Alwi

Pengarah Bahagian
Hubungan Antarabangsa,
Penyelidikan dan Quality
Assurance Review



**Puan Wan Nurhanani
Ashikin binti
Wan Ibrahim**

Penasihat Undang-Undang



**Puan Sharifah Nisrinah
binti Syed Ahmad**

Ketua Unit Integriti



Pejabat
Ketua Audit Negara Malaysia

PEJABAT KETUA AUDIT NEGARA MALAYSIA

Pada tahun 2018 JAN diterajui oleh YBhg. Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad selaku KANM. Manakala pada tahun 2019, YBhg. Dato' Nik Azman Nik Abdul Majid pula menerajui JAN selaku KANM bermula 23 Februari 2019. Sepanjang tahun 2018, YBhg. Tan Sri Dr. Madinah telah melakari sepanjang tahun 2018 dengan pelbagai aktiviti, antaranya adalah seperti berikut:

Menyampaikan amanat sempena Majlis Amanat Ketua Audit Negara Malaysia kepada warga Jabatan Audit Negara (JAN) bagi tahun 2018 pada 3 Januari 2018

Menyampaikan ceramah untuk Program Wacana Bajet bersama Ketua Audit Negara Bajet kepada warga Kementerian Pertahanan Malaysia dengan tajuk "Laporan Ketua Audit Negara: Betulkan Yang Biasa, Biasakan Yang Betul" pada 9 Januari 2019, lokasi di Kementerian Pertahanan Malaysia.

Menyampaikan ceramah *At The Malaysia Leadership Succession Summit "Women In Leadership" - Charting the path to leadership with feminine power and expertise* pada 6 Februari 2018, lokasi Sime Darby Convention Centre, Kuala Lumpur

Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima kepada Syarikat Naluri Rezeki Sdn Bhd, kontraktor utama untuk bangunan JAN Sabah pada 20 Mac 2018, lokasi di Akademi Audit Negara.

Sesi Perkongsian Ilmu dan Program penutup Pengauditan Prestasi bagi peserta dari Sri Lanka pada 19 April 2019, lokasi di Akademi Audit Negara.

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2017 dan Penghargaan 25 tahun Perkhidmatan serta jasamu dikenang JAN pada 3 Mei 2019, lokasi Dewan Mesmera, Hotel The Everly, Putrajaya

Sesi pembentangan YBhg. Tan Sri Dr. KAN kepada YAB Perdana Menteri mengenai pengkelasan semula Laporan Muktamad Audit 1MDB sebagai dokumen terbuka (declassified) pada 15 Mei 2018

Executive Course for the Members of Parliaments pada 17 Ogos 2018 di Intan Bukit Kiara. YBhg. Tan Sri Dr. KAN telah diamanahkan menyampaikan ceramah bertajuk "Auditor's General Report" di hadapan Ahli Parlimen yang baru dilantik sebagai Ahli Dewan Rakyat.

Menghadiri dan mempengerusikan Asosai Governing Board Meeting, 14th Asosai Assembly di Hanoi, Vietnam pada 17 hingga 23 September 2019.

Menyampaikan ceramah di Simposium Pengurusan & Pengauditan Kewangan 2018: Keutuhan Tadbir Urus dan Akauntabiliti Sistem Kawalan Dalaman, Eksklusif Bersama YBhg. Tan Sri Dr. Madinah Binti Mohamad, Ketua Audit Negara "Tadbir Urus Terbaik Melalui Penemuan dan Teguran Ketua Audit Negara" pada 5 Oktober 2018, Hotel Equatorial Melaka.

Serta, menerima sebanyak 11 kunjungan hormat di mana 10 adalah daripada Ketua Setiausaha Kementerian/Presiden/ Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia/Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Audit Dalam dan 1 daripadanya *counterpart* JAN dari luar Negara iaitu Duta Jepun.

KUNJUNGAN HORMAT DARI DALAM NEGARA



Kunjungan Hormat Presiden *Malaysian Institute of Accountants* (MIA) Encik Salihin Abang pada 5 Februari 2018



Kunjungan Hormat YB Datuk Hj. Sazali bin Muhd Din @ Muhamad Din Pengerusi Jawatan Kira-Kira Wang Awam (PAC) Negeri Melaka pada 6 Mac 2018



Kunjungan Hormat YBhg. Profesor Dato' Sri Dr Zaleha Kamarudin, Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada 16 Mac 2018



Kunjungan Hormat YBhg. Datuk Zainal bin Abu Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha Kewangan dan Pembangunan Jabatan Perdana Menteri pada 22 Mac 2018



Kunjungan Hormat YBhg. Tan Sri Dzulkipli bin Ahmad Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia pada 18 April 2018



Kunjungan Hormat YM Tunku Alizakri Raja Muhammad Alias, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada 4 September 2018

Pejabat
Ketua Audit Negara Malaysia

UCAPTAMA/SYARAHAN KANM DALAM PROGRAM AGENSI LUAR



06 FEBRUARI 2018
@SIME DARBY
CONVENTION CENTRE
KUALA LUMPUR

*Speaker At The
Malaysia Leadership
Succession Summit*

*"Women In Leadership"
- Charting the path
to leadership with
feminine power and
expertise*

ANJURAN:

*Institute Of Leadership
And Development (ILD)
Universiti Teknologi
MARA*



17 OGOS 2018
@DEWAN SERI
BAIDURI, INTAN BUKIT
KIARA

Penceramah di Kursus
Eksekutif Kepada Ahli
Parlimen

*"Laporan Ketua Audit
Negara"*

ANJURAN:

Institut Tadbiran Awam
Negara (INTAN)



05 OKTOBER 2018
@HOTEL EQUATORIAL
MELAKA

Penceramah di
Simposium Pengurusan
& Pengauditann
Kewangan 2018:
Keutuhan Tadbir Urus
dan Akauntabiliti Sistem
Kawalan Dalaman.

EKSKLUSIF BERSAMA

Y.Bhg. Tan Sri
Dr. Madinah binti
Mohamad, Ketua Audit
Negara

*"Tadbir Urus Terbaik
Melalui Penemuan
dan Teguran Ketua
Audit Negara"*

ANJURAN:

Institut Pengurusan dan
Integriti Melaka

TADBIR URUS JAN

YBhg. Tan Sri Dr. KANM juga sentiasa memberi penekanan terhadap aspek ketelusan tadbir urus JAN terutamanya dalam pelaksanaan peranan jawatankuasa-jawatankuasa yang ada agar selari dengan peraturan dan pekeliling semasa Kerajaan. Ketegasan YBhg. Tan Sri Dr. KANM dalam aspek ketelusan tadbir urus JAN bukan hanya dilihat sebagaimana yang ditekankan dalam Mesyuarat Pengurusan Jabatan, malah juga melalui jawatankuasa utama yang dipengerusikan beliau seperti berikut:

MESYUARAT PENGURUSAN JAN

JAWATANKUASA UTAMA JAN





Mempertingkatkan

Akauntabiliti Sektor Awam

MEMPERTINGKATKAN AKAUNTABILITI SEKTOR AWAM DI MALAYSIA

FUNGSI UTAMA JAN

JAN telah ditubuhkan dan diberi mandat untuk memantapkan pengurusan kewangan pentadbiran sektor awam di Malaysia, iaitu dengan memastikan semua peraturan dan prosedur Kerajaan dilaksanakan dan dipatuhi. Dalam konteks akauntabiliti sektor awam, JAN berperanan sebagai *watchdog* atau pemerhati bagi memastikan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada pentadbiran Kerajaan dilaksanakan selaras dengan undang-undang dan peraturan sedia ada. Proses pengauditan yang menjadi *core business* JAN meliputi pengesahan terhadap penyata kewangan, memastikan pengurusan kewangan mematuhi undang-undang, menilai kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan program dan aktiviti Kerajaan dan amalan terbaik tadbir urus syarikat.

JAN amat menekankan aspek keseimbangan dalam pelaporan di mana bukan hanya kelemahan dan ketidakpatuhan oleh pentadbiran Kerajaan yang dilaporkan, malah inisiatif positif dan tindakan-tindakan yang telah diambil selepas pemerhatian audit dikemukakan turut dilaporkan dalam laporan yang dikeluarkan. Selain itu, JAN turut memberikan syor penambahbaikan berdasarkan penemuan audit yang diperoleh bagi menambah baik kualiti perkhidmatan Kerajaan dan mempertingkatkan akauntabiliti sektor awam. Hasil pengauditan dan syor audit tersebut akan dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN).

Sebagai sebuah institusi yang bebas, LKAN dibentangkan terus di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) setelah mendapat perkenan KDYMM SPB Yang di-Pertuan Agong/ Raja/ Sultan. Setelah dibentangkan, laporan tersebut akan menjadi dokumen awam yang boleh diakses oleh semua *stakeholders* seperti Ahli-ahli Dewan Perundangan, pemegang saham agensi Kerajaan, auditi dan orang awam.

4 PENGAUDITAN UTAMA YANG DILAKSANAKAN JAN DALAM MEMASTIKAN AKAUNTABILITI SEKTOR AWAM



Pengesahan Penyata Kewangan




Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti



Pengauditan Prestasi



Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan



Sumber : Buku 100 Tahun Jabatan Audit Negara 1906-2006 (Terbitan Tahun 2006)

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan menghendaki KANM mengemukakan laporannya kepada KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong/ Sultan/Raja/ Yang di-Pertuan Besar/ Yang di-Pertua Negeri serta mendapatkan perkenan sebelum laporan tersebut dibentangkan di Parlimen/DUN.

Pada tahun 2018, JAN telah berjaya menjalankan pengauditan dan menyediakan laporan secara bebas, seimbang, berkualiti dan menepati masa untuk dikemukakan kepada Parlimen/DUN. Dua (2) siri LKAN telah dibentangkan di Parlimen Malaysia pada 3 Ogos 2018 dan 3 Disember 2018. Maklumat LKAN yang telah dibentangkan di Parlimen mengikut siri adalah seperti berikut:



Pembentangan LKAN di Parlimen pada 3 Ogos 2018

- LKAN Tahun 2017 Siri 1 Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dan Pengurusan Kewangan Kementerian/ Jabatan/ Badan Berkanun Persekutuan; dan
- LKAN Tahun 2017 Siri 1 Mengenai Aktiviti Bagi Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan Dan Kerajaan-kerajaan Negeri.



Pembentangan LKAN di Parlimen pada 3 Disember 2018

- LKAN Tahun 2017 Siri 2 Mengenai Aktiviti Bagi Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri;
- LKAN Tahun 2017 Siri 2 Mengenai Pengesahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan Agensi Lain serta Pengurusan Jabatan/ Agensi Persekutuan; dan
- LKAN Tahun 2017 Siri 2 Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.



Penyerahan LKAN Tahun 2017 Siri 1 kepada YBhg. Datuk Rosmee binti Hamzah, Setiausaha Parlimen Malaysia pada 3 Ogos 2018 di Parlimen



Antara pegawai JAN yang terlibat dalam penyusunan LKAN Tahun 2017 Siri 1 di Parlimen



Penyerahan LKAN Tahun 2017 Siri 2 kepada YBhg. Datuk Rosmee binti Hamzah, Setiausaha Parlimen Malaysia pada 30 November 2018 di Parlimen



Pegawai JAN sedang menyusun laporan di Dewan Rakyat bagi tujuan pembentangan LKAN Tahun 2017 Siri 2

Bagi kedua – dua siri pembentangan ini, JAN telah melaksanakan pengauditan seperti berikut:

474 Pengesahan Penyata Kewangan

Meliputi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri, Kumpulan Wang Amanah Persekutuan, Akaun Amanah, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam.

310 Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti

Meliputi Kementerian/Jabatan/Agensi/Badan Berkanun di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

80 Pengauditan Prestasi

Meliputi program/aktiviti/projek di bawah aktiviti Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

40 Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Prestasi

Meliputi syarikat kerajaan yang menerima geran/pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri.

Sebanyak **541 syor** telah dikeluarkan untuk
menambahbaik kelemahan yang dilaporkan dalam
LKAN Tahun 2017

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA & MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI

LKAN yang telah dibentangkan di Parlimen akan dibincangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara dan juga Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri (PAC). KANM adalah berperanan membantu dan menasihati mesyuarat mengenai isu-isu yang dibangkitkan pihak JAN. Jawatankuasa seterusnya akan mengemukakan pandangan dan cadangan bagi membantu memperkemas pentadbiran Kerajaan dan memastikan pengurusan kewangan Kerajaan dilaksanakan secara lebih telus dan berhemat. Jawatankuasa berhak memanggil mana-mana Kementerian/ Jabatan/Agensi untuk menghadiri mesyuarat prosiding mengenai apa-apa isu berkaitan LKAN yang difikirkan perlu diperiksa lanjut oleh Jawatankuasa.

Peringkat Kerajaan Persekutuan

Parlimen

JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA

Peringkat Kerajaan Negeri

Dewan Undangan Negeri

13 JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGERI

PERANAN JAN DALAM MEMBANTU PROSES KERJA PAC PROSES KERJA PAC

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara
Di Dewan Rakyat

Taklimat Laporan Ketua Audit Negara oleh
Jabatan Audit Negara kepada PAC

Pemilihan tajuk daripada
Laporan Ketua Audit Negara oleh PAC

Mengadakan Prosiding dengan menjemput
Kementerian/Jabatan/Agensi yang berkaitan

Mengadakan *housekeeping* bagi
membincangkan draf laporan PAC

Pembentangan Laporan PAC yang telah
dimuktamadkan di Dewan Rakyat

Memuatnaik Laporan PAC ke Portal PAC dan
hantar Laporan PAC ke Kementerian Kewangan

Sumber: Portal Jawatankuasa PAC, Parlimen Malaysia

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA BAGI TAHUN 2018

Sepanjang tahun 2018, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara telah mengadakan sebanyak 20 mesyuarat berkaitan pengauditan yang dijalankan oleh JAN seperti berikut:

SENARAI MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN MALAYSIA JANUARI HINGGA DISEMBER 2018

BIL.	BILANGAN MESYUARAT	TARIKH	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/AGENSI
1.	1/2018	22 Januari 2018	Prosiding Pengurusan Projek Gelanggang Sukan	Kementerian Belia dan Sukan
2.	2/2018	23 Januari 2018	Prosiding Pengurusan Aktiviti <i>Emergency Medical Rescue Services</i>	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
3.	3/2018	6 Mac 2018	Mesyuarat Penyediaan Laporan Program Bantuan dan Perkhidmatan kepada Warga Emas	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Jabatan kebajikan Masyarakat.
4.	4/2018	8 Mac 2018	Mesyuarat penyediaan laporan Program Desa Lestari	Kementerian Kemajuan Luar Bandar
5.	5/2018	19 Mac 2018	Pembentangan Jawatankuasa Penilai Kem. Kewangan Malaysia (MOF) mengenai Projek Pembangunan Kompleks akakultur Selinsing dan Pulau Gula, Perak.	Kementerian Kewangan Malaysia
6.	6/2018	15 Ogos 2018	Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1	Jabatan Audit Negara
7.	7/2018	12 September 2018	Prosiding Tuntutan Tunggakan Bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berjumlah RM19.4 bilion.	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
8.	8/2018	13 September 2018	Prosiding Tuntutan Tunggakan Bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berjumlah RM19.4 bilion.	Kementerian Kewangan Malaysia

BIL.	BILANGAN MESYUARAT	TARIKH	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/AGENSI
9	9/2018	25 September 2018	Prosiding Tuntutan Tunggakan Bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berjumlah RM19.4 bilion.	Kementerian Kewangan Malaysia
10	10/2018	16 Oktober 2018	Prosiding Tuntutan Tunggakan Bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berjumlah RM19.4 bilion.	Kementerian Kewangan Malaysia
11.	11/2018	17 Oktober 2018	Prosiding Tuntutan Tunggakan Bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berjumlah RM19.4 bilion.	Kementerian Kewangan Malaysia
12.	13/2018	23 Oktober 2018	Prosiding Tuntutan Tunggakan Bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berjumlah RM19.4 bilion.	Kementerian Kewangan Malaysia
13.	14/2018	23 Oktober 2018	Prosiding Tuntutan Tunggakan Bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berjumlah RM19.4 bilion.	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
14.	17/2018	13 November 2018	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1: Pengurusan Marina Awam.	Kementerian Pengangkutan Malaysia
15.	12/2018	14 November 2018	Prosiding Tuntutan Tunggakan Bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berjumlah RM19.4 bilion.	Kementerian Kewangan Malaysia
16.	19/2018	27 November 2018	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1: Pengurusan Marina Awam	Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
17.	18/2018	3 Disember 2018	Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 2	Jabatan Audit Negara
18.	15/2018	4 Disember 2018	Prosiding Laporan PAC berhubung pengauditan Syarikat 1MDB Oleh Jabatan Audit Negara	Jabatan Audit Negara
19.	20/2018	5 Disember 2018	Prosiding Laporan PAC berhubung pengauditan Syarikat 1MDB Oleh Jabatan Audit Negara	Jabatan Audit Negara

BIL.	BILANGAN MESYUARAT	TARIKH	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/AGENSI
20.	16/2018	6 Disember 2018	Prosiding Laporan PAC berhubung pengauditan Syarikat 1MDB Oleh Jabatan Audit Negara	Jabatan Audit Negara


Sebanyak **20 Mesyuarat PAC** telah diadakan sepanjang tahun 2018 di **Parlimen** melibatkan **7 Kementerian/Jabatan/Agensi Persekutuan.**



Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Dewan Rakyat yang Keempat Belas

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI BAGI TAHUN 2018

Manakala, bagi peringkat Kerajaan Negeri, LKAN yang dibentangkan di DUN akan dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri. Jawatankuasa juga telah menjemput Ketua-ketua Jabatan yang berkenaan untuk memberi penjelasan terhadap perkara yang dilaporkan. Secara keseluruhannya, sebanyak 34 mesyuarat melibatkan 13 buah negeri telah dilaksanakan sepanjang tahun 2018.



● Perlis	3	● Negeri Sembilan	3	● Pahang	1
● Kedah	2	● Melaka	3	● Sabah	2
● Pulau Pinang	1	● Johor	4	● Sarawak	2
● Perak	3	● Kelantan	7		
● Selangor	2	● Terengganu	1		

Sebanyak **34 Mesyuarat PAC Negeri**
telah diadakan sepanjang tahun 2018 di 13 buah negeri

Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Bagi Tahun 2018 di peringkat negeri adalah seperti di jadual berikut:



MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI JOHOR

BIL.	TARIKH	TAJUK	JABATAN/AGENSI TERLIBAT
1.	11 Februari 2018	LKAN Tahun 2015 Siri 2: Pengurusan Pelesenan Dan Penguatkuasaan Premis Perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> • Majlis Perbandaran Batu Pahat • Majlis Perbandaran Muar
		LKAN Tahun 2015 Siri 2: Pengurusan Perolehan	<ul style="list-style-type: none"> • Majlis Daerah Tangkak • Majlis Daerah Yong Peng • Majlis Daerah Mersing
		LKAN Tahun 2015 Siri 1: Pengurusan Syarikat Kerajaan	<ul style="list-style-type: none"> • Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd.
2.	1 April 2018	LKAN Tahun 2015 Siri 1: Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri	<ul style="list-style-type: none"> • Pejabat Daerah Batu Pahat • Pejabat Daerah Mersing • Majlis Perbandaran Kluang
		LKAN Tahun 2015 Siri 1: Pengurusan Perolehan	<ul style="list-style-type: none"> • Majlis Perbandaran Kulai • Majlis Daerah Segamat
3.	1 Oktober 2018	LKAN Tahun 2015 Siri 1: Pengurusan Program Pembasmian Kemiskinan	<ul style="list-style-type: none"> • Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor • Pejabat Daerah Johor Baru • Pejabat Daerah Kota Tinggi • Pejabat Daerah Pontian • Majlis Daerah Kota Tinggi • Majlis Daerah Pontian
4.	4 November 2018	LKAN Tahun 2016 Siri 1: Pengurusan Hartanah Milik Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor	<ul style="list-style-type: none"> • Unit Pengurusan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor • Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor • Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor



MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI KEDAH

BIL.	TARIKH	TAJUK	JABATAN/AGENSI TERLIBAT
1.	15 Mac 2018	LKAN Tahun 2016 Siri 1 Pengurusan Premis Perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah
2.	30 September 2018	LKAN Tahun 2016 Siri 1 dan Siri 2 <ul style="list-style-type: none"> Taklimat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri (PAC) kepada semua ahli PAC yang disampaikan oleh Setiausaha PAC Taklimat ringkas berkenaan LKAN Tahun 2016 Siri 1 dan Siri 2 	



MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI KELANTAN

BIL.	TARIKH	TAJUK	JABATAN/AGENSI TERLIBAT
1.	26 Februari 2018	Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira (PAC) Kerajaan Kelantan Bil. 1/2018	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) Jabatan Air Negeri Kelantan
2.	27 Februari 2018	Lawatan Pemeriksaan Jawatankuasa Kira-kira (PAC) Kerajaan Kelantan Ke Majlis Daerah Tanah Merah	<ul style="list-style-type: none"> Majlis Daerah Tanah Merah
3.	8 Ogos 2018	Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira (PAC) Kerajaan Kelantan Bil. 2/2018	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) Jabatan Air Negeri Kelantan - Sesi pendengaran berkaitan isu berbangkit dan maklum balas daripada Jabatan/Agensi yang terlibat dalam PAC Bil. 1/2018
4.	21 Oktober 2018	Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira (PAC) Kerajaan Kelantan Bil. 3/2018	<ul style="list-style-type: none"> Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) - Sesi pendengaran berkaitan isu berbangkit

BIL.	TARIKH	TAJUK	JABATAN/AGENSI TERLIBAT
5.	21 November 2018	Lawatan Pemeriksaan Jawatankuasa Kira-kira (PAC) Kerajaan Kelantan Ke Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan
6.	21 November 2018	Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira (PAC) Kerajaan Kelantan Bil. 4/2018	<ul style="list-style-type: none"> Mesyuarat Perbincangan Bersama Semua Ahli PAC
7.	2 Disember 2018	Sesi Pendengaran Ahli Jawatankuasa Kira-kira (PAC) Negeri Kelantan Bersama Jabatan Yang Terlibat Dengan Teguran Laporan Ketua Audit Negara	<ul style="list-style-type: none"> Air Kelantan Sdn. Bhd. (Siri 1/2015) Majlis Perbandaran Kota Bharu – Bandar Raya Islam (Siri 1/2015 & / Siri 1/2016) Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam (Siri 1/2016) Pejabat Tanah Dan Jajahan Tanah Merah (Siri2/2015) Perbandaran Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (Siri 1/2016)



MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI MELAKA

BIL.	TARIKH	TAJUK	JABATAN/AGENSI TERLIBAT
		LKAN Tahun 2011: Sistem Perparitan Sekolah Agama Kg. Tun Razak, Bukit Katil, Melaka	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Agama Islam Melaka
1.	25 September 2018	LKAN Tahun 2012 Siri 1: <ul style="list-style-type: none"> Permohonan Hakmilik Strata Tidak Dibuat Permohonan Hakmilik Tidak Dikemukakan Oleh Pemaju/Pemilik Bangunan Dalam Tempoh 6 Bulan Permohonan Lanjutan Hakmilik strata Tidak Dikemukakan. 	<ul style="list-style-type: none"> Pejabat Tanah Dan Galian Melaka
		LKAN Tahun 2012 Siri 1: <ul style="list-style-type: none"> Rumah Bina Baru Tidak Mengikut Spesifikasi Rumah Yang Dibina Mengalami Kerosakan 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Ketua Menteri Melaka Unit Pembela & Pembangunan Desa

BIL.	TARIKH	TAJUK	JABATAN/AGENSI TERLIBAT
		LKAN Tahun 2012 Siri 1: Bantuan 2 kali Kepada Penerima Yang Sama	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Ketua Menteri Melaka [Unit Pembela & Pembangunan Desa]
		LKAN Tahun 2012 Siri 1: Analisis Nisbah Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI) [Pengurusan Planetarium Melaka Sdn. Bhd. (PMSB)]
		LKAN Tahun 2012 Siri 1: Sasaran Bilangan Pengunjung Tidak Ditetapkan Dan Sasaran Kutipan Tiket Tidak Tercapai	<ul style="list-style-type: none"> Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI) [Pengurusan Planetarium Melaka Sdn. Bhd. (PMSB)]
		LKAN Tahun 2012 Siri 1: Standard Operating Procedures (SOP)	<ul style="list-style-type: none"> Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI) [Pengurusan Planetarium Melaka Sdn. Bhd. (PMSB)]
		LKAN Tahun 2012 Siri 1: Kebergantungan Kepada Syarikat Induk	<ul style="list-style-type: none"> Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI) [Pengurusan Planetarium Melaka Sdn. Bhd. (PMSB)]
		LKAN Tahun 2012 Siri 2: Pelanggaran Syarat Nyata Tanah Selepas Permohonan Ditolak	<ul style="list-style-type: none"> Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah & Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah
		LKAN Tahun 2013 Siri 2: Hakmilik Asal Tidak Dibatalkan dan Hakmilik Sambungan Belum Dikeluarkan	<ul style="list-style-type: none"> Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah, Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah & Pejabat Daerah dan Tanah Jasin
		LKAN Tahun 2013 Siri 3: Tunggakan Bayaran Balasan Kepada TMFSB	<ul style="list-style-type: none"> Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka
		LKAN Tahun 2014 Siri 1: Perbelanjaan Tanpa Kelulusan Ahli Lembaga Pengarah	<ul style="list-style-type: none"> Perbadanan Ketua Menteri Melaka & Melaka Hari Ini (MHI)
		LKAN Tahun 2014 Siri 2: Pembangunan Di Atas Tanah Yang Belum Dikeluarkan Hakmilik- Stesen Minyak Mini Di PT 487, Mukim Kemuning	<ul style="list-style-type: none"> Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah

BIL.	TARIKH	TAJUK	JABATAN/AGENSI TERLIBAT
		LKAN Tahun 2014 Siri 2: Tanah Yang Telah Diberi Hakmilik Masih Belum Dibangunkan	<ul style="list-style-type: none"> Pejabat Daerah dan Melaka Tengah
		LKAN Tahun 2014 Siri 2: Kesan Terhadap Alam Sekitar – Kualiti Air Marin	<ul style="list-style-type: none"> Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)
		LKAN Tahun 2014 Siri 3: Pewartaan Lokap Mahkamah Syariah Tidak Diperolehi – Lokap Mahkamah syariah (MRS) Alor Gajah	<ul style="list-style-type: none"> Mahkamah Syariah Negeri Melaka
		LKAN Tahun 2014 Siri 3: Sistem Kad Pintar Bas Panorama Melaka	<ul style="list-style-type: none"> Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI), Yayasan Melaka, Kumpulan Melaka Berhad (Pengurusan Panorama Melaka Sdn. Bhd)
		LKAN Tahun 2015 Siri 1: Prestasi Pelaksanaan Kerja Penyelenggaraan (Kerja Lewat Disiapkan)	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran, Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah dan Majlis Perbandaran Alor Gajah
		LKAN Tahun 2015 Siri 1: Tiada Kelulusan Lanjutan Masa	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Kerja Raya dan Majlis Perbandaran Alor Gajah
		LKAN Tahun 2015 Siri 1: Penyenggaraan Jalan Pertanian (Ujian Ketebalan Jalan Tidak Dilakukan)	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pengairan dan Saliran
		LKAN Tahun 2015 Siri 1: Penyenggaraan Jalan Pertanian (Kualiti Kerja Penyenggaraan)	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Pengairan dan Saliran
		LKAN Tahun 2015 Siri 1: Penyenggaraan Jalan Kampung Oleh Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah (Laporan Status Kemajuan Kerja Penyenggaraan Tidak Dikemukakan Kepada JKR Melaka)	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Kerja Raya dan Pejabat Daerah & Tanah Alor Gajah

BIL.	TARIKH	TAJUK	JABATAN/AGENSI TERLIBAT
		LKAN Tahun 2015 Siri 1: Penyenggaraan Jalan Kampung Oleh Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah (Pelaksanaan Dan Kualiti Kerja Penyenggaraan)	<ul style="list-style-type: none"> Pejabat Daerah & Tanah Alor Gajah
		LKAN Tahun 2015 Siri 1: Penyenggaraan Jalan Raya Negeri, Jalan Raya Bandaran, Lorong Belakang dan Jalan Kawasan Perumahan Kos Rendah (Permukaan Jalan dan Longkang Rosak)	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Kerja Raya dan Majlis Perbandaran Alor Gajah
		LKAN Tahun 2015 Siri 1: Penyenggaraan Jalan Raya Negeri, Jalan Raya Bandaran, Lorong Belakang dan Jalan Kawasan Perumahan Kos Rendah (Kecacatan Jalan Oleh Pihak Lain)	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Kerja Raya
		LKAN Tahun 2015 Siri 1: Kerja Pemetongan Rumput Dan Pembersihan Longkang Tanah (Kerja Kurang Sempurna)	<ul style="list-style-type: none"> Majlis Perbandaran Alor Gajah
		LKAN Tahun 2015 Siri 1: Perbelanjaan Pengurusan Menggunakan Peruntukan MARRIS	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Kerja Raya
		LKAN Tahun 2015 Siri 1: Pendaftaran Dan Ketetapan Data MARRIS	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Kerja Raya
		LKAN Tahun 2015 Siri 1: Prestasi Pemilikan Kuota Melayu Tidak Dapat Diukur (Prestasi Penetapan Kuota Melayu Bagi Permohonan Baru)	<ul style="list-style-type: none"> Pejabat Tanah dan Galian Negeri Melaka & Lembaga Perumahan Melaka
		LKAN Tahun 2015 Siri 1: Prestasi Pemilikan Kuota Melayu Bagi Projek Yang Telah Dimulakan	<ul style="list-style-type: none"> Pejabat Tanah dan Galian Negeri Melaka & Lembaga Perumahan Melaka
		LKAN Tahun 2015 Siri 1: Bayaran Sumbangan Bagi Tujuan Pelepasan Kuota Melayu (Bayaran Sumbangan Pelepasan Kuota Melayu Terkurang Caj)	<ul style="list-style-type: none"> Pejabat Tanah dan Galian Negeri Melaka & Lembaga Perumahan Melaka

BIL.	TARIKH	TAJUK	JABATAN/AGENSI TERLIBAT
		LKAN Tahun 2015 Siri 1: Tiada Kawalan Terhadap Potongan Diskaun Bagi Kuota Melayu	<ul style="list-style-type: none"> Pejabat Tanah dan Galian Negeri Melaka & Lembaga Perumahan Melaka
		LKAN Tahun 2015 Siri 1: Pemantauan Berkala Dan Penguatkuasaan Tidak Dijalankan	<ul style="list-style-type: none"> Pejabat Tanah dan Galian Negeri Melaka & Lembaga Perumahan Melaka
		LKAN Tahun 2015 Siri 1: Sasaran Pendapatan Bersih Pengusaha Tidak Tercapai	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Pertanian Negeri Melaka
		LKAN Tahun 2015 Siri 1: Pensijilan MyGAP dan MyOrganic Serta Penggunaan Baja (Sasaran Penerima Sijil Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP) dan Skim Organik Malaysia (Myorganic) Tidak Tercapai)	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Pertanian Negeri Melaka
		LKAN Tahun 2015 Siri 1: Penggunaan Racun Perosak Dalam Hasil Pertanian (Penggunaan Racun Perosak Yang Tidak Dibenarkan)	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Pertanian Negeri Melaka
		LKAN Tahun 2015 Siri 1: Surat Aku Janji Bantuan Pinjaman Mesin Dan Peralatan (Bantuan Pinjaman Mesin Dan Peralatan Diberi Tanpa Ikatan Surat Aku Janji)	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Pertanian Negeri Melaka
		LKAN Tahun 2015 Siri 1: Surat Aku Janji Bantuan Pinjaman Mesin Dan Peralatan (Surat Aku Janji Bantuan Pinjaman Peralatan Tidak Lengkap)	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Pertanian Negeri Melaka
		LKAN Tahun 2015 Siri 1: Mesin dan Peralatan Yang Tidak Digunakan Tidak Ditarik Balik	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Pertanian Negeri Melaka
		LKAN Tahun 2015 Siri 2: Tunggakan Sewa	<ul style="list-style-type: none"> Perbadanan Ketua Menteri Melaka & Hartanah Bumiputera Melaka Sdn. Bhd.

BIL.	TARIKH	TAJUK	JABATAN/AGENSI TERLIBAT
		LKAN Tahun 2015 Siri 2: Struktur Papan Iklan Luar Didirikan Tanpa Lesen Pendudukan Sementara	<ul style="list-style-type: none"> Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah & Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah
		LKAN Tahun 2015 Siri 2: Pelan Struktur Tidak Dikemukakan	<ul style="list-style-type: none"> Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah & Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah
		LKAN Tahun 2015 Siri 2: Papan Iklan Dipasang Tanpa Kelulusan	<ul style="list-style-type: none"> Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah & Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah
		LKAN Tahun 2015 Siri 2: Penghutang Yang Tidak Dapat Dikesan	<ul style="list-style-type: none"> Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI), Kumpulan Melaka Berhad Dan MITC Bowplex
		LKAN Tahun 2015 Siri 2: Pembayaran Tanpa Kelulusan	<ul style="list-style-type: none"> Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI), Kumpulan Melaka Berhad Dan MITC Bowplex
		LKAN Tahun 2015 Siri 2: Bayaran Pinjaman MIBC Kepada Kumpulan Melaka Berhad	<ul style="list-style-type: none"> Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI), Kumpulan Melaka Berhad Dan MITC Bowplex
		LKAN Tahun 2015 Siri 2: Terimaan Tidak Dimasukkan Ke Dalam Bank	<ul style="list-style-type: none"> Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI), Kumpulan Melaka Berhad Dan MITC Bowplex
2.	17 Oktober 2018	LKAN Tahun 2012 Siri 2: Pelanggaran Syarat Nyata Tanah selepas Permohonan Ditolak	<ul style="list-style-type: none"> Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah & Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah
		LKAN Tahun 2014 Siri 3: Pewartaan Lokap Mahkamah Syariah Tidak Diperolehi – Lokap Mahkamah Syariah (MRS) Alor Gajah	<ul style="list-style-type: none"> Mahkamah Syariah Negeri Melaka
		LKAN Tahun 2015 Siri 2: Tunggakan Sewa	<ul style="list-style-type: none"> Perbadanan Ketua Menteri Melaka & Hartanah Bumiputera Melaka Sdn. Bhd

BIL.	TARIKH	TAJUK	JABATAN/AGENSI TERLIBAT
		LKAN Tahun 2015 Siri 2: Struktur Papan Iklan Luar Didirikan Tanpa Lesen Pendudukan Sementara	<ul style="list-style-type: none"> Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah & Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah
		LKAN Tahun 2015 Siri 2: Bayaran Pinjaman MIBC kepada Kumpulan Melaka Berhad	<ul style="list-style-type: none"> Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI), Kumpulan Melaka Berhad dan MITC Bowplex
		LKAN Tahun 2016 Siri 1: Pembelian Unit Perniagaan Di Plaza Melaka Raya	<ul style="list-style-type: none"> Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM)
		LKAN Tahun 2016 Siri 2: Perjanjian Lis Pajak Tidak Ditandatangani	<ul style="list-style-type: none"> Badan Kawal Selia Air
		LKAN Tahun 2016 Siri 2: Notis Pemberitahuan Caj Air Mentah	<ul style="list-style-type: none"> Badan Kawal Selia Air
		LKAN Tahun 2016 Siri 2: Prestasi Sumbangan Yang Diterima Berbanding Sasaran (Kesilapan Amaun Pada Klausa Perjanjian)	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka dan Unit Perancang Ekonomi Negeri
		LKAN Tahun 2015 Siri 2: Prestasi Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> Perbadanan Bioteknologi Melaka
		LKAN Tahun 2015 Siri 2: Tunggakan Pendapatan Ujian Makmal Saintifik	<ul style="list-style-type: none"> Perbadanan Bioteknologi Melaka
		LKAN Tahun 2012 Siri 2: Pelanggaran Syarat Nyata Tanah Selepas Permohonan Ditolak	<ul style="list-style-type: none"> Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah & Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah
3.	4 Disember 2018	LKAN Tahun 2015 Siri 2: Struktur Papan Iklan Luar Didirikan Tanpa Lesen Pendudukan Sementara	<ul style="list-style-type: none"> Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah & Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah
		LKAN Tahun 2015 Siri 2: Bayaran Pinjaman MIBC Kepada Kumpulan Melaka Berhad	<ul style="list-style-type: none"> Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI), Kumpulan Melaka Berhad dan MITC Bowplex

BIL.	TARIKH	TAJUK	JABATAN/AGENSI TERLIBAT
		LKAN Tahun 2016 Siri 1: Pembelian Unit Perniagaan Di Plaza Melaka Raya	<ul style="list-style-type: none"> Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM)
		LKAN Tahun 2016 Siri 2: Perjanjian Lis Pajakan Tidak Ditandatangani	<ul style="list-style-type: none"> Badan Kawal Selia Air
		LKAN Tahun 2016 Siri 2: Notis Pemberitahuan Caj Air Mentah	<ul style="list-style-type: none"> Badan Kawal Selia Air
		LKAN Tahun 2016 Siri 2: Prestasi Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> Perbadanan Bioteknologi Melaka
		LKAN Tahun 2016 Siri 2: Tunggakan Pendapatan Ujian Makmal Saintifik	<ul style="list-style-type: none"> Perbadanan Bioteknologi Melaka



MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI SEMBILAN

BIL.	TARIKH	TAJUK	JABATAN/AGENSI TERLIBAT
1.	26 Januari 2018	LKAN Tahun 2016 Siri 1: Pengurusan Sewa Beli RAHR dan PPR	<ul style="list-style-type: none"> Unit Perumahan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Sembilan
		LKAN Tahun 2016 Siri 1: Pembinaan dan Penyenggara Kemudahan Awam	<ul style="list-style-type: none"> Unit Perumahan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Sembilan
2.	22 Februari 2018	LKAN Tahun 2016 Siri 1: Pengurusan Sewa Beli RAHR dan PPR	<ul style="list-style-type: none"> Unit Perumahan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Sembilan
		LKAN Tahun 2016 Siri 1: Pembinaan dan Penyenggara Kemudahan Awam	<ul style="list-style-type: none"> Unit Perumahan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Sembilan
3.	28 Februari 2018	LKAN Tahun 2016 Siri 1: Pengurusan Sewa Beli RAHR dan PPR	<ul style="list-style-type: none"> Unit Perumahan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Sembilan
		LKAN Tahun 2016 Siri 1: Pembinaan dan Penyenggara Kemudahan Awam	<ul style="list-style-type: none"> Unit Perumahan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Sembilan



MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI PAHANG

BIL.	TARIKH	TAJUK	JABATAN/AGENSI TERLIBAT
1.	13 Disember 2018	LKAN Tahun 2016 Siri 1: Pengurusan Hasil Cukai Tanah	<ul style="list-style-type: none"> Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pahang Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan Pejabat Daerah dan Tanah Rompin
		LKAN Tahun 2016 Siri 1: Pengurusan Cukai Taksiran	<ul style="list-style-type: none"> Majlis Perbandaran Temerloh Majlis Daerah Rompin
		LKAN Tahun 2016 Siri 2: Pengurusan Hasil Pembalakan	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Perhutanan Negeri Pahang



MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI PERAK

BIL.	TARIKH	TAJUK	JABATAN/AGENSI TERLIBAT
1.	5 Oktober 2018	LKAN Tahun 2016 Siri 1: Taklimat Fungsi dan Peranan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri	-
		Taklimat Mengenai LKAN Siri 1 Tahun 2016	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Audit Negara
2.	15 November 2018	Pembentangan Pengurusan Air Tidak Berhasil.	<ul style="list-style-type: none"> Lembaga Air Perak
		Pembentangan mengenai Pengurusan Kawalan Papan Iklan Luar Di Atas Tanah Kerajaan Dan Rizab Kerajaan melibatkan Pejabat Daerah Tanah dan Pihak Berkuasa Tempatan	-
3.	23 November 2018	Perbincangan berkaitan sesi pendengaran awam.	-



MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI PERLIS

BIL.	TARIKH	TAJUK	JABATAN/AGENSI TERLIBAT
1.	03 April 2018	LKAN Tahun 2016 Siri 1: Pengurusan Pemberian Bantuan Am dan Bantuan Membaiki Rumah	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perlis
		LKAN Tahun 2016 Siri 1: Pengurusan Agihan Banuan Bina dan Baik Pulih Rumah Kepada Asnaf	<ul style="list-style-type: none"> Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis
2.	04 April 2018	LKAN Tahun 2016 Siri 1: Pengurusan Syarikat Perlis Marine Engineering Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis
3.	21 September 2018	LKAN Tahun 2016 Siri 2: Pengurusan Pemuliharaan Sungai-Sungai	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perlis



MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI PULAU PINANG

BIL.	TARIKH	TAJUK	JABATAN/AGENSI TERLIBAT
		LKAN Tahun 2015 Siri 1:	
		Pengurusan Kota Bumiputera Bagi Projek Perumahan	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
1.	19 September 2018	Program Pembinaan Dan Pembaikan Rumah Rakyat Termiskin	<ul style="list-style-type: none"> Unit Perancang Ekonomi Negeri Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya
		Pengurusan Penyelenggaraan Jalan Negeri	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Kewangan Negeri Jabatan Kerja Raya Majlis Perbandaran Seberang Perai
		PBA Holdings Berhad	<ul style="list-style-type: none"> Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.

BIL.	TARIKH	TAJUK	JABATAN/AGENSI TERLIBAT
LKAN Tahun 2015 Siri 2:			
		Pengurusan Tukar Syarat Tanah	<ul style="list-style-type: none"> • Pejabat Tanah Dan Galian • Pejabat Daerah Dan Tanah Barat Daya • Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Utara • Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Utara
		Program Membaiki Dan Mengubah Bentuk Bangunan Kerajaan Negeri Pulau Pinang	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang • Jabatan Kerja Raya Seberang Perai Utara • Jabatan Kerja Raya Seberang Perai Utara
		Pengurusan Pelesenan Premis Perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> • Majlis Perbandaran Seberang Perai
		Pengurusan Perolehan	<ul style="list-style-type: none"> • Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang
LKAN Tahun 2016 Siri 1:			
		Pengurusan Perumahan Kos Rendah Dan Projek Perumahan Rakyat	<ul style="list-style-type: none"> • Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
		Pengurusan Pencegahan Banjir Negeri Pulau Pinang	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Pulau Pinang • Majlis Perbandaran Seberang Perai
		Pengurusan Papan Iklan Luar Di Atas Tanah Dan Rizab Kerajaan Negeri	<ul style="list-style-type: none"> • Pejabat Daerah Dan Tanah Timur Laut • Pejabat Daerah Dan Tanah Barat Daya • Majlis Bandaraya Pulau Pinang
		Invest-In Penang Berhad	<ul style="list-style-type: none"> • Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
LKAN Tahun 2016 Siri 2:			
		Georgetowan World Heritage Incorporated	<ul style="list-style-type: none"> • Kerajaan Negeri Pulau Pinang



MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI SABAH

BIL.	TARIKH	TAJUK	JABATAN/AGENSI TERLIBAT
		Mesyuarat Jawatankuasa PAC Bil.1/2018	-
		Mendengar penjelasan daripada Kementerian/ Jabatan dan Agensi Kerajaan mengenai isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 dan 2015 yang masih belum selesai di dalam sistem AG Dashboard.	<ul style="list-style-type: none">• Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
1.	1-2 Mac 2018	<p>1) Pengurusan Pengenaan dan Kutipan Cukai Taksiran</p> <ul style="list-style-type: none">➢ Prestasi kutipan cukai taksiran tahunan➢ Tempoh cukai taksiran tertunggak.➢ Tindakan kutipan tunggakan cukai taksiran.	
		<p>2) Pengurusan Taman Hidupan Liar Lok Kawi</p> <ul style="list-style-type: none">➢ Kerja pembaikan dan menaik taraf eksibit haiwan tidak dilaksanakan mengikut kontrak perjanjian.➢ Perbelanjaan tanpa peruntukan.➢ Bil lewat diterima.➢ Lebihan bayaran bagi kontrak bekalan makanan haiwan.	<ul style="list-style-type: none">• Jabatan Hidupan Liar Sabah
		<p>3) Pengurusan Pusat Ternakan Bersepadu Keningau</p> <ul style="list-style-type: none">➢ Sasaran pengeluaran susu tidak tercapai➢ Pengisian guna tenaga kritikal tidak dibuat.	<ul style="list-style-type: none">• Pihak Berkuasa Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA)
		<p>4) Pengurusan Syarikat Sawit Kinabalu Sdn. Bhd.</p> <ul style="list-style-type: none">➢ Enam syarikat subsidiari yang aktif mengalami defisit antara RM0.55 juta hingga RM72.66 juta.➢ Tujuh syarikat subsidiari yang ditubuhkan antara tahun 1997 hingga 2011 dan satu syarikat bersekutu berstatus dorman.	<ul style="list-style-type: none">• Syarikat Sawit Kinabalu Sdn. Bhd.

BIL.	TARIKH	TAJUK	JABATAN/AGENSI TERLIBAT
		5) Pengurusan Syarikat Perkasa Trading Sdn. Bhd. ➢ Stok bernilai RM6.20 juta yang usang belum dilupus. ➢ Standard Operating Procedures (SOP) tidak lengkap dan tidak dikemaskini sejak tahun 1986.	<ul style="list-style-type: none"> Syarikat Perkasa Trading Sdn. Bhd.
		6) Pengurusan Taman Hidupan Liar Lok Kawi ➢ Kerja pembaikan dan menaik taraf eksibit haiwan tidak dilaksanakan mengikut kontrak perjanjian. ➢ Perbelanjaan tanpa peruntukan. ➢ Bil lewat diterima. ➢ Lebihan bayaran bagi kontrak bekalan makanan haiwan.	<ul style="list-style-type: none"> Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)
2.	12 Disember 2018	Pelantikan Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (PAC) Negeri Sabah Yang KeLima Belas. Pengerusi :YB. Datuk Abidin Madingkir Ahli: YB. Tuan Jamawi bin Jaafar YB. Tuan Tan Lee Fatt YB. Tuan Terrence Siambun YB. Puan Julita Majungki YB. Datuk Bolkih bin Ismail YB. Tuan Robert Tawik YB. Tuan Matbali Hj. Musah	<ul style="list-style-type: none"> Dewan Undangan Negeri Sabah



MESYUARAT JAWATANKUASA AKAUN AWAM NEGERI SARAWAK

BIL.	TARIKH	TAJUK	JABATAN/AGENSI TERLIBAT
1.	12 Mac 2018	LKAN Tahun 2015 Siri 2: Pengurusan Kutipan Cukai Taksiran	<ul style="list-style-type: none"> Majlis Bandaraya Kuching Selatan Majlis Perbandaran Padawan

BIL.	TARIKH	TAJUK	JABATAN/AGENSI TERLIBAT
		LKAN Tahun 2015 Siri 2: Pengurusan Projek Pembinaan Pusat Akuatik di Kompleks Sukan Sarawak, Petra Jaya, Kuching	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Kerja Raya Sarawak
		LKAN Tahun 2015 Siri 2: Projek Pengubahsuaian dan Pembaikan Kemudahan Pelabuhan Tanjung Manis	<ul style="list-style-type: none"> Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak
		LKAN Tahun 2015 Siri 2: Sejadu Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak
		LKAN Tahun 2015 Siri 2: Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. (SAINS)	<ul style="list-style-type: none"> Setiausaha Kewangan Negeri Diperbadankan
2.	13 Mac 2018	LKAN Tahun 2013 Siri 3: Pelaburan Kerajaan Negeri Dalam Projek Ladang Sagu	<ul style="list-style-type: none"> Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah



MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI SELANGOR

BIL.	TARIKH	TAJUK	JABATAN/AGENSI TERLIBAT
1.	11 Januari 2018	LKAN Tahun 2016 Siri 1: Pengurusan Hutan Lipur	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Perhutanan Negeri Selangor
2.	8 Februari 2018	LKAN Tahun 2016 Siri 1: Pengurusan Perolehan	<ul style="list-style-type: none"> Majlis Perbandaran Subang Jaya



MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI TERENGGANU

BIL.	TARIKH	TAJUK	JABATAN/AGENSI TERLIBAT
1.	04 September 2018	Taklimat Pengenalan Berhubung Perjalanan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Terengganu	

STANDARD PENGAUDITAN DAN GARIS PANDUAN

JAN sebagai sebuah badan yang diiktiraf sebagai *Supreme Audit Institutions*, pengauditan JAN dilaksanakan selaras dengan undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa dalam negara serta memenuhi piawaian standard pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). Standard pengauditan yang dikeluarkan oleh INTOSAI adalah *The International Standard of Supreme Audit Institutions* (ISSAI).

	Peringkat 1
ISSAI 1	Prinsip Asas
	Peringkat 2
ISSAI 10 - ISSAI 40	Syarat untuk Institusi Audit Berfungsi
	Peringkat 3
ISSAI 100 – ISSAI 400	Prinsip Asas Utama Pengauditan
	Peringkat 4
ISSAI 1000 – ISSAI 4999	Garis Panduan Pengauditan – Am
ISSAI 5000 – ISSAI 5800	Garis Panduan Pengauditan - Spesifik

Bagi mengadaptasi standard pengauditan antarabangsa untuk diguna pakai dalam pengauditan sektor awam di Malaysia, JAN juga telah menerbitkan garis panduan dalaman sebagai rujukan kepada Juruaudit. Sehingga 31 Disember 2017, JAN telah menerbitkan sebanyak 417 garis panduan merangkumi pelbagai aspek dan jenis pengauditan bagi membantu Juruaudit dalam melaksanakan tugas pengauditan. Garis panduan utama yang diterbitkan melibatkan Pengauditan Kewangan, Pengauditan Prestasi dan Pengauditan Syarikat. Antara garis panduan yang telah diterbitkan adalah seperti berikut:

- Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Akruan Berdasarkan ISSAI terbitan tahun 2014;
- Garis Panduan Pengauditan Prestasi Berasaskan ISSAI Pindaan 2007;
- Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) Berdasarkan Risiko Pindaan 2017; dan
- Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Tadbir Urus Syarikat Kerajaan dan Agensi Kerajaan Terbitan 2017.

PENGAUDITAN KEWANGAN

Pengauditan utama yang dijalankan oleh JAN dalam memastikan tahap akauntabiliti sektor awam terpelihara, wang awam diuruskan dengan cekap dan rekod perakaunan diselenggarakan dengan teratur. JAN menjalankan dua pengauditan utama iaitu pengauditan pengesahan penyata kewangan dan pengauditan pengurusan kewangan (indeks akauntabiliti). Selain daripada itu, JAN juga melaksanakan lain-lain pengauditan melibatkan semakan kewangan iaitu pengauditan pengurusan kewangan Pejabat Perwakilan Malaysia di Luar Negara dan pengauditan secara mengejut.

PENGAUDITAN PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

MANDAT PENGAUDITAN PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

JAN menjalankan pengauditan penyata kewangan selaras dengan kehendak Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan serta Seksyen 5 Akta Audit 1957 yang memberi mandat kepada JAN untuk memeriksa dan mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri serta Agensi Persekutuan/Negeri. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri serta Agensi Persekutuan/Negeri dilaksanakan untuk memberi pendapat sama ada penyata kewangan bagi tahun kewangan berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

PELAKSANAAN PENGAUDITAN PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

JAN perlu melaksanakan pengauditan pengesahan penyata kewangan pada setiap tahun selaras dengan mandat yang telah diberikan. Pengesahan penyata kewangan ini merangkumi pengesahan 1 Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan, 13 Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, 148 Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan wang Persekutuan, Akaun Amanah dan Agensi Lain serta 312 Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam.

Setiap penyata kewangan yang perlu diaudit oleh JAN setiap tahun perlu dikemukakan mengikut tarikh yang ditetapkan sebagaimana termaktub dalam akta berkaitan. Bagi Kerajaan Persekutuan, seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada KANM untuk pengauditan sebelum 31 Julai tahun berikutnya seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 9, Akta Audit 1957. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang disediakan oleh Akauntan Negara Malaysia ini mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

Seterusnya, bagi Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, seksyen 16(1) Akta Acara Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada KANM dalam tempoh tujuh (7) bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit. Penyata tersebut mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.


Selain daripada itu, bagi Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan, Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) menghendaki Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan kepada KANM untuk diaudit dalam tempoh enam (6) bulan selepas berakhir tahun kewangan berkenaan. Akta yang sama juga memperuntukkan pengauditan penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan adalah tertakluk kepada Akta Audit 1957.

Manakala, bagi Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam pula, penyerahan penyata kewangan kepada KANM untuk diaudit adalah tertakluk kepada enakmen agensi berkaitan serta arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri masing-masing di mana bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), seksyen 60(2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 menghendaki penyata kewangan disediakan apabila tamat tempoh tahun kewangan untuk membolehkan KANM mengesahkan penyata kewangan pada atau sebelum akhir bulan Oktober tahun berikutnya. Bagi mempercepatkan penyediaan penyata kewangan, sebanyak 12 Kerajaan Negeri telah mengeluarkan arahan kepada semua Agensi Negeri untuk menyerahkan penyata kewangan selewat-lewatnya pada 30 April tahun berikutnya. Manakala, Kerajaan Negeri Johor pula telah mengarahkan semua Agensi mengemukakan penyata tahunan kepada JAN selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya.

Penyerahan Penyata Kewangan untuk diaudit oleh JAN:

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN	dikemukakan sebelum	31 Julai	tahun berikutnya
PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI	dikemukakan dalam tempoh tujuh	(7) bulan	selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan
PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	dikemukakan dalam tempoh enam	(6) bulan	selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan
PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI, PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN MAJLIS AGAMA ISLAM			
dikemukakan selewat-lewatnya pada	30 April	tahun berikutnya kecuali Agensi Kerajaan Negeri Johor yang perlu mengemukakan	31 Mac tahun berikutnya.

Seterusnya, JAN akan mengesahkan Penyata Kewangan, mengeluarkan Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Penyata Kewangan dan menyiapkan Laporan Audit dalam tempoh empat bulan selepas penerimaan Penyata Kewangan Tahunan, tertakluk kepada semua akaun dan maklumat telah dikemukakan dengan lengkap untuk diaudit. Terdapat dua (2) jenis pendapat audit yang akan diberikan JAN berdasarkan pengauditan yang dijalankan iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Bolehubah seperti berikut:



Perenggan *Emphasis Of Matters (EOM)*, Hal-hal Lain (*Other Matter*) dan Perkara Audit Utama (*Key Audit Matter*) boleh dimasukkan sekiranya terdapat keperluan namun perenggan ini tidak menjejaskan pendapat Audit.


- ISSAI 1701, 1705, 1706

PEMBENTANGAN LKAN TAHUN 2017


Secara keseluruhan sepanjang tahun 2018, JAN telah mengesahkan sebanyak 474 Penyata Kewangan Kerajaan dan Agensi yang dilaporkan dalam LKAN Tahun 2017 Siri 1 dan Siri 2. Bilangan pengauditan pengesahan penyata kewangan bagi peringkat Kerajaan Persekutuan dan Negeri yang dilaporkan dalam LKAN Tahun 2017 adalah seperti berikut:

PENGAUDITAN KEWANGAN LKAN TAHUN 2017

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN



PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN



**MESYUARAT EXIT CONFERENCE DAN PENYERAHAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TERHADAP
PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**



Penyerahan Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak pada 18 April 2018



Penyerahan Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 26 April 2018



Penyerahan Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak pada 16 Mei 2018



Exit Conference Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2017 pada 22 Mei 2018



Penyerahan Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka pada 8 Jun 2018



Exit Conference Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2017 pada 21 Jun 2018



Penyerahan Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang pada 26 Jun 2018



Penyerahan Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis pada 30 Julai 2018



Penyerahan Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada 3 Ogos 2018



Exit Conference Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2017 pada 20 Ogos 2018



Penyerahan Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu pada 20 Ogos 2018

MESYUARAT EXIT CONFERENCE DAN PENYERAHAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TERHADAP PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN/AGENSI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017





Exit Conference Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada 12 Mac 2018



Exit Conference Johor Corporation pada 28 Mac 2018



Exit Conference Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji pada 6 Julai 2018



*Exit Conference Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (KWAP)
pada 12 Julai 2018*



*Exit Conference Penyata Kewangan Universiti Teknologi MARA (UITM)
pada 17 Ogos 2018*



Exit Conference Penyata Kewangan Felda pada 26 September 2018

ISU PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Dalam melaksanakan pengauditan pengesahan penyata kewangan, JAN menemui pelbagai isu yang boleh menjejaskan maklumat kedudukan sebenar penyata kewangan yang mana perkara ini boleh diperbaiki oleh Auditi pada masa hadapan. Secara keseluruhannya, antara isu yang ditemui semasa menjalankan pengauditan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:

- a. Penyata Kewangan tidak dikemukakan kerana tidak mendapat kelulusan Ahli Lembaga Pengarah lanjutan dari Pengerusinya yang masih belum dilantik.
- b. Penyata Kewangan tidak dapat dikemukakan pada 30 April 2018 kerana menghadapi masalah sistem. Sistem kewangan yang bermasalah untuk menjana laporan yang tepat; pelarasan yang tidak dapat dikenal pasti dan disahkan ketepatannya; rekod kewangan dan perakaunan tidak disimpan dengan teratur; dan daftar aset tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.
- c. Salah nyata yang material dan pervasif dalam penyata kewangan melibatkan perekodan aset bukan semasa; aset semasa; liabiliti bukan semasa; liabiliti semasa; pendapatan dan perbelanjaan.
- d. Perbezaan di antara lejar dan daftar; pengkelasan item yang tidak tepat; amaun terlebih/terkurang nyata yang mana mempunyai impak yang material terhadap persembahan penyata kewangan.
- e. Transaksi material yang tidak dapat disahkan atau diselaraskan kerana tiada dokumen sokongan/rekod yang lengkap.
- f. Aliran tunai/baki kumpulan wang defisit yang memberi kesan terhadap usaha berterusan (*going concern*) agensi dan ketidakpatuhan terhadap piawaian perakaunan yang tidak signifikan. Selain itu, prestasi syarikat subsidiari yang material menghadapi ketidakpastian berkaitan usaha berterusan (*going concern*) turut menyumbang kepada Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter*.

Isu-isu yang dibangkitkan ini boleh diperbaiki dan ditambahbaik pada masa hadapan serta boleh dijadikan sebagai *lesson learnt* dalam memastikan penyata kewangan yang disediakan Auditi dapat menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama untuk kegunaan pihak berkepentingan (*stakeholders*).

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)

MANDAT PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN

JAN menjalankan pengauditan pengurusan kewangan selaras dengan kehendak Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Seksyen 6 Akta Audit 1957 dan piawaian yang diluluskan iaitu *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI). Pengauditan pengurusan kewangan dilaksanakan bagi menentukan sama ada Kementerian/ Jabatan/Agensi Persekutuan dan Negeri telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan serta rekod berkaitan di selenggara dengan lengkap dan kemas kini. Pengauditan ini membolehkan JAN memantau prestasi pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri yang diaudit dan memberi pandangan bagi menambah baik pengurusan kewangannya.

PELAKSANAAN PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)

JAN telah memperkenalkan sistem penarafan indeks akauntabiliti mulai tahun 2007 bagi melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan yang dijalankan. Ia sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap motivasi Kementerian/Jabatan/ Agensi Persekutuan dan Negeri supaya lebih gigih memperbaiki, mempertingkatkan dan memperkasakan prestasi pengurusan kewangan masing-masing. Selaras dengan Pekeliling Ketua Audit Negara Bilangan 1 Tahun 2016, JAN telah menambah baik penarafan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) daripada 4 bintang kepada 5 bintang mulai tahun 2016.

Dalam memberi penarafan terhadap pengurusan kewangan ini, JAN akan menyemak dan membuat penilaian berdasarkan lapan kawalan utama bagi Kementerian/Jabatan Persekutuan/Negeri dan sembilan kawalan utama bagi Agensi Persekutuan/Negeri. Pelaksanaan pengauditan pengurusan kewangan (AI) ini terbahagi kepada tiga kategori iaitu, wajib, pusingan dan *across the board*.

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)



8 KAWALAN BAGI
KEMENTERIAN/ JABATAN PERSEKUTUAN/ NEGERI

9 KAWALAN BAGI
AGENSI PERSEKUTUAN/ NEGERI



MARKAH KESELURUHAN	TAHAP	PENARAFAN
90-100	CEMERLANG	☆☆☆☆☆
80-89.9	BAIK	☆☆☆☆
70-79.9	MEMUASKAN	☆☆☆
60-60.9	KURANG MEMUASKAN	☆☆
59.9 DAN KEBAWAH	TIDAK MEMUASKAN	☆

PEMBENTANGAN LKAN TAHUN 2017

Secara keseluruhannya pada tahun 2018, JAN telah melaporkan hasil penarafan pengauditan pengurusan kewangan (AI) bagi tahun kewangan 2017 terhadap 263 Kementerian/Jabatan/Agensi peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang telah dilaksanakan. Maklumat penarafan tahap prestasi pengurusan kewangan tahun 2017 adalah seperti berikut:

PENARAFAN TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN (AI) TAHUN 2017



LAIN-LAIN PENGAUDITAN KEWANGAN

Selain daripada dua pengauditan kewangan yang utama, iaitu pengesahan penyata kewangan dan pengauditan pengurusan kewangan (Indeks Akauntabiliti), JAN juga menjalankan pengauditan kewangan lain seperti pengauditan pengurusan kewangan pejabat perwakilan Malaysia di luar negara dan pengauditan mengejut selaras dengan peruntukan undang-undang yang telah ditetapkan.

PENGURUSAN KEWANGAN PEJABAT PERWAKILAN MALAYSIA DI LUAR NEGARA

MANDAT PENGAUDITAN

JAN menjalankan pengauditan pengurusan kewangan selaras dengan kehendak Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Seksyen 6 Akta Audit 1957. Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pejabat perwakilan Malaysia di luar negara melaksanakan pengurusan kewangan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Bagi pengauditan yang dilaporkan pada tahun 2017, JAN telah menjalankan pengauditan di Pejabat Kedutaan Malaysia di Bangkok, Thailand pada 12 hingga 15 November 2018.



PEJABAT PERWAKILAN MALAYSIA DI LUAR NEGARA
PEJABAT KEDUTAAN MALAYSIA DI BANGKOK, THAILAND



Pengauditan di Pejabat Kedutaan Malaysia di Bangkok, Thailand pada 12 hingga 15 November 2018

PENGAUDITAN SECARA MENGEJUT

MANDAT PENGAUDITAN MENGEJUT

Pengauditan secara mengejut dilaksanakan selaras dengan kehendak Seksyen 6, Akta Audit 1957 yang menyatakan bahawa KANM hendaklah dalam pengauditannya membuat apa-apa pemeriksaan yang difikirkannya perlu untuk menentukan sama ada segala langkah telah diambil untuk memelihara keselamatan pungutan dan penjagaan wang awam; pengeluaran dan pembayaran wang dibuat mengikut undang-undang; penggunaan, pengawalan dan pelupusan aset dibuat mengikut peraturan; serta akaun dan rekod kewangan diselenggarakan dengan betul dan kemas kini. Pengauditan secara mengejut merupakan satu pendekatan pengauditan yang dilaksanakan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan kepada pihak auditi.

PEMBENTANGAN LKAN TAHUN 2017

Pada tahun 2018, JAN telah melaporkan sebanyak 338 pengauditan secara mengejut telah dijalankan, iaitu sebanyak 80 Pusat Tanggungjawab (PTJ)/Pusat Kos (PK) Kerajaan Persekutuan di bawah 18 Kementerian, 78 Pejabat di 40 Badan Berkanun Persekutuan, serta 180 Pusat Tanggungjawab (PTJ)/Pusat Kos (PK) bawah 114 jabatan dan 26 agensi di 12 buah negeri.

80

**Pusat Tanggungjawab (PTJ)/Pusat Kos (PK)
Kerajaan Persekutuan di bawah 18 Kementerian**

Pejabat di 40 Badan Berkanun Persekutuan

78

180

**Pusat Tanggungjawab (PTJ)/Pusat Kos (PK)
bawah 114 jabatan dan 26 agensi di 12 buah negeri**

338

**Pusat Tanggungjawab(PTJ)/ Pusat Kos (PK)
telah diaudit secara mengejut dan dilaporkan dalam
LKAN Tahun 2017**

FOKUS 2018: PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN BERASASKAN RISIKO

PENAMBAHBAIKAN GARIS PANDUAN PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)

Persekitaran yang sentiasa berubah menuntut Jabatan Audit Negara (JAN) memainkan peranan yang lebih dinamik dan berkesan dalam menambah baik tadbir urus serta memantapkan akauntabiliti awam. Perubahan ini semakin dirasai dan ia secara langsung memberi impak yang signifikan kepada JAN dalam aspek pelaksanaan pengauditan. Sehubungan itu, JAN sentiasa menyambut baik maklum balas dan cadangan yang diterima bagi memastikan proses pengauditan yang lebih berkesan dan kualiti pengauditan adalah di tahap yang tinggi. Selain itu, JAN juga mengambil kira aspek *lessons learnt* daripada pengauditan yang dilaporkan sebelum ini bagi menambah baik kaedah pengauditan sedia ada selaras dengan peraturan kewangan serta sistem perakaunan semasa.

Mulai tahun 2007, JAN telah memperkenalkan Indeks Akauntabiliti dalam pengauditan pengurusan kewangan dengan memberikan markah terhadap tahap pematuhan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi yang diaudit. Pengiraan markah ini akan membolehkan JAN memberikan 'rating' dan juga 'ranking' Kementerian/Jabatan/Agensi terlibat. Selaras dengan usaha dan peranan JAN dalam meningkat tahap akauntabiliti sektor awam, JAN sentiasa mementingkan penambahbaikan secara berterusan termasuk penambahbaikan terhadap kaedah dan proses pengauditan. Sehubungan itu, pada tahun 2018, JAN sekali lagi telah membuat penambahbaikan terhadap pengauditan pengurusan kewangan (Indeks Akauntabiliti) ini dengan mengambilkira aspek penilaian risiko dalam penarafan yang diberikan. Terdapat tiga isu utama yang dikenal pasti dan dikaji semula iaitu:

Penilaian Auditi



Auditi dinilai secara menyeluruh dan tidak diklasifikasikan mengikut kriteria yang tertentu seperti peruntukan, bilangan pusat tanggungjawab, perbelanjaan, hasil dan lain-lain.



Persampelan



Persampelan audit tidak mengambil kira saiz sesebuah auditi.



Penilaian Risiko



Aspek risiko tidak diterapkan dalam pemberian markah dan keberkesanan kriteria



Berdasarkan kepada penilaian terhadap 3 isu utama tersebut, JAN telah membuat pindaan terhadap Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) dan mengeluarkan Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) Berdasarkan Risiko Pindaan **2018** yang telah mengambilkira 5 penambahbaikan seperti berikut:

- i. Klasifikasi Kementerian kepada 2 kategori iaitu Jabatan Mengakaun Sendiri dan Jabatan Tidak Mengakaun Sendiri.
- ii. Persampelan – saiz sampel mengambil kira sampel yang dilaksanakan dalam pengauditan interim penyata kewangan, pengauditan prestasi, tadbir urus dan lain-lain.
- iii. Setiap kriteria audit diberikan tahap risiko.
- iv. Tempoh pengauditan bagi Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan yang dilaksanakan secara pusingan.
- v. Format pelaporan bagi pengauditan pengurusan kewangan (AI) disediakan dengan berteraskan konsep “ABC” iaitu tepat, padat dan sempurna (*accuracy, brevity and completeness*).

Melalui penambahbaikan ini, penilaian berdasarkan risiko ini telah diperkenalkan di mana setiap kriteria dinilai mengikut tahap risiko iaitu rendah, sederhana atau tinggi. Sehubungan itu, JAN telah mengemaskini prosedur audit yang perlu diikuti oleh juruaudit dan kertas kerja yang perlu disediakan dalam melaksanakan pengauditan selaras dengan penambahbaikan yang dibuat. Adalah diharapkan dengan pembaharuan ini, proses penilaian pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan Persekutuan/Negeri serta Agensi Persekutuan/Negeri dapat dijalankan dengan lebih adil dan menyeluruh.

PENGAUDITAN PRESTASI

MANDAT PENGAUDITAN PRESTASI

Seksyen 6(d) memberi kuasa kepada KANM untuk menjalankan pemeriksaan bagi menilai sama ada wang awam telah dibelanjakan untuk tujuan ianya diperuntukkan dan aktiviti telah dilaksanakan secara cekap dan berhemat bagi mengelakkan penyelewengan, pembaziran dan pemborosan dalam perbelanjaan awam. Pengauditan ini dikenali sebagai pengauditan prestasi atau *value for money audit*.

PELAKSANAAN PENGAUDITAN PRESTASI

JAN melaksanakan pengauditan prestasi mengikut standard pengauditan antarabangsa iaitu ISSAI 3000 dan 3100. Pelaksanaan setiap pengauditan prestasi adalah berdasarkan proses seperti berikut:

01. PERANCANGAN

- Pemilihan tajuk
- Menyediakan kajian awalan (*Preliminary Studies*)
- Menyediakan Memorandum Perancangan Audit (mempunyai *key audit area*, *Line of Inquiry (LOI)* dan kriteria Audit yang jelas)
- Menyediakan Program Audit (mempunyai *key audit area* dan *Line of Inquiry (LOI)* dan kriteria Audit yang jelas)



02. PELAKSANAAN

Mengumpul, menganalisis data dan maklumat serta menyediakan penemuan awal Audit dan membincangkannya dengan auditi



03. PELAPORAN

Mengandungi penemuan Audit yang signifikan berdasarkan *key audit area* berserta rumusan dan syor Audit kepada auditi




04. SUSULAN

Memastikan tindakan penambahbaikan dan pembedahan yang diambil auditi telah dapat menyelesaikan masalah yang dibangkitkan dalam LKAN



Pemilihan tajuk pengauditan prestasi yang dilaksanakan oleh JAN perlu dibuat mengikut keutamaan dengan mengambil kira 7 elemen seperti berikut:

7 ELEMEN PEMILIHAN TAJUK PENGAUDITAN PRESTASI



JAN juga menekankan aspek pelaporan yang seimbang dalam melaporkan penemuan terhadap pengauditan yang dilaksanakan. Ini termasuk melaporkan ciri-ciri pengurusan yang baik dan yang kurang baik serta maklum balas yang merupakan penjelasan daripada Kementerian/Jabatan/Agensi yang diaudit. Dalam laporan yang dikeluarkan, JAN juga mengemukakan pendapat Audit yang dibuat berasaskan fakta dan pemerhatian Audit yang ditemui semasa menjalankan pengauditan. Berdasarkan kepada pendapat Audit yang dikeluarkan, JAN turut mengemukakan syor bagi membolehkan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh Ketua Jabatan berkaitan. Bagi tujuan pengesahan, Ketua Jabatan yang terlibat telah dimaklumkan terlebih dahulu terhadap perkara yang dilaporkan dalam LKAN.

PEMBENTANGAN LKAN TAHUN 2017

Sepanjang tahun 2018, JAN telah melaporkan sebanyak 80 pengauditan prestasi terhadap program/aktiviti/projek di bawah Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan dan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri menerusi LKAN Tahun 2017 Siri 1 dan Siri 2. Sebanyak 349 syor telah dikeluarkan bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh Ketua Jabatan berkaitan. Bilangan pengauditan prestasi bagi peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang dilaporkan dalam LKAN Tahun 2017 adalah seperti berikut:



PENGAUDITAN PRESTASI PERINGKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

Bagi peringkat Kerajaan Persekutuan, JAN telah menjalankan pengauditan prestasi terhadap 27 program/aktiviti/projek di bawah Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan. Maklumat bilangan kajian prestasi terhadap program/aktiviti/projek Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan mengikut Kementerian yang dilaporkan dalam LKAN Tahun 2017 dan bilangan kajian mengikut bidang adalah seperti berikut:

27 KAJIAN PENGAUDITAN PRESTASI

telah dibentangkan dalam LKAN Tahun 2017 dengan melibatkan program/aktiviti/projek

17 KEMENTERIAN

BILANGAN KAJIAN PENGAUDITAN PRESTASI MENGIKUT KEMENTERIAN

01. Kementerian Pendidikan Malaysia	4
02. Kementerian Pengangkutan	3
03. Kementerian Kewangan	2
04. Kementerian Pembangunan Luar Bandar	2
05. Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli	2
06. Kementerian Kesihatan Malaysia	2
07. Kementerian Belia dan Sukan	2
08. Kementerian Pertanian Industri dan Asas Tani	1
09. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	1
10. Kementerian Kerja Raya	1
11. Kementerian Komunikasi dan Multimedia	1
12. Kementerian Wilayah Persekutuan	1
13. Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi	1
14. Kementerian Sumber Manusia	1
15. Kementerian Pertahanan	1
16. Kementerian Dalam Negeri	1
17. Kementerian Pengajian Tinggi	1

Bilangan Kajian Pengauditan Prestasi Peringkat Kerajaan Persekutuan Mengikut Bidang

LKAN
Tahun 2017
Siri 1



LKAN
Tahun 2017
Siri 2



PENGAUDITAN PRESTASI PERINGKAT KERAJAAN NEGERI

Selain itu, bagi peringkat Kerajaan Negeri, JAN telah melaporkan sebanyak 53 pengauditan prestasi program/aktiviti/projek yang dilaksanakan di bawah Kementerian/Jabatan/Agensi/Badan Berkanun Negeri. Bilangan pengauditan prestasi bagi peringkat Kerajaan Negeri yang dilaporkan dalam LKAN Tahun 2017 mengikut negeri adalah seperti berikut:

53 KAJIAN PENGAUDITAN PRESTASI

telah dibentangkan dalam LKAN Tahun 2017 dengan melibatkan program/aktiviti/projek bagi **13 NEGERI**



1 PERLIS
KAJIAN

4 KEDAH
KAJIAN

4 PULAU PINANG
KAJIAN

3 PERAK
KAJIAN

6 SELANGOR
KAJIAN

3 NEGERI SEMBILAN
KAJIAN

3 TERENGGANU
KAJIAN

6 KELANTAN
KAJIAN

4 PAHANG
KAJIAN

0 MELAKA
KAJIAN

8 JOHOR
KAJIAN

5 SARAWAK
KAJIAN

6 SABAH
KAJIAN

Bilangan Kajian Pengauditan Prestasi Peringkat Kerajaan Negeri Mengikut Bidang

LKAN
Tahun 2017
Siri 1



LKAN
Tahun 2017
Siri 2





Lawatan Fizikal Projek Bekalan Air Terawat di Kg. Orang Asli Kuala Boh, Cameron, Pahang pada 10 Januari 2018



Lawatan Fizikal Projek Bekalan Air Terawat di Kg. Orang Asli Ulu Kenip, Kuala Lipis, Pahang pada 11 Januari 2018



Lawatan Fizikal Projek Bekalan Air Terawat di Kg. Orang Asli Sop, Kuala Lipis, Pahang pada 22 Februari 2018



Lawatan Fizikal Projek Bekalan Air Terawat di Kg. Orang Asli Kuala Koyan, Kuala Lipis, Pahang pada 22 Februari 2018



Lawatan Fizikal Projek Bekalan Air Terawat di Kg. Orang Asli Pathir, Bera, Pahang pada 1 Mac 2018



Sesi Penerangan Oleh Pegawai KPM Semasa Lawatan Fizikal Projek Bekalan Air Terawat di Sekolah Kebangsaan Denai, Rompin, Pahang pada 6 Mac 2018



Lawatan Fizikal Projek Bekalan Air Terawat di Kg. Orang Asli Melai, Tasik Chini, Pahang pada 5 Mac 2018



Lawatan Fizikal Pengurusan Dana Pembiayaan Program Permodenan Program Automotif (ATOM) pada 15 Mac 2018



Lawatan Fizikal Ke Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) Sultan Iskandar, Johor Bahru pada 11 Julai 2018



Perbincangan JAN dengan pasukan projek Pan-Borneo pada 26 November 2018



Lawatan Tapak Pengauditan Lebuhraya Pan-Borneo untuk WPC01 - Telok Melano - Sematan pada 26 November 2018

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

MANDAT PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

Perlembagaan Persekutuan, Perkara 106(2): Kuasa dan Tugas Ketua Audit Negara

"Ketua Audit Negara hendaklah melaksanakan apa-apa tugas lain dan menjalankan apa-apa kuasa sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang Persekutuan berhubung dengan akaun bagi Persekutuan dan akaun bagi Negeri-Negeri dan berhubung dengan akaun bagi pihak-pihak berkuasa awam lain dan akaun bagi badan yang dinyatakan melalui perintah yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong".

Akta Audit 1957, Seksyen 5(1)(d)

"Akaun mana-mana badan lain, termasuk syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] yang menerima pemberian atau pinjaman daripada Persekutuan atau Negeri, dan termasuk juga sesuatu syarikat yang lebih daripada separuh modal syer berbayarnya dipegang oleh Persekutuan, sesuatu Negeri atau sesuatu pihak berkuasa awam atau dipegang sedemikian pada agregatnya oleh dua daripada mereka atau lebih:

Dengan syarat bahawa Yang di-Pertuan Agong menentukan sedemikian melalui perintah di bawah Perkara 106(2) Perlembagaan Persekutuan dan walau apa pun mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pengauditan akaun mana-mana badan sedemikian".

Akta Audit 1957, Seksyen 5(1)(f)

"Akaun mana-mana pihak berkuasa awam lain jika Menteri Kewangan berpuas hati bahawa kepentingan awam memerlukan akaun pihak berkuasa itu diperiksa, disiasat dan diaudit oleh Ketua Audit Negara walau apa pun mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan akaun dan pengauditan mana-mana pihak berkuasa sedemikian:


Dengan syarat bahawa Menteri tidak boleh menyebabkan akaun mana-mana pihak berkuasa sedemikian yang menjalankan kuasa yang diletakhakkan padanya melalui undang-undang Negeri diperiksa, disiasat dan diaudit oleh Ketua Audit Negara melainkan jika dia telah terlebih dahulu berunding dengan Menteri Besar atau Ketua Menteri Negeri itu."

Warta Kerajaan Persekutuan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017

"Ketua Audit Negara hendaklah memeriksa, menyiasat dan mengaudit akaun-akaun syarikat yang dinyatakan dalam Perintah Audit (Akaun Syarikat) P.U.(A) 294 bertarikh 30 September 2017".

MAKLUMAT SYARIKAT KERAJAAN YANG DIWARTA UNTUK DIAUDIT OLEH JAN

Sesebuah syarikat Kerajaan boleh diaudit oleh JAN dengan syarat syarikat tersebut telah disenaraikan dalam Perintah Audit (Akaun Syarikat) P.U.(A) 294 bertarikh 30 September 2017. Sebanyak 1,858 syarikat telah diwartakan untuk diaudit oleh JAN. Perincian pewartaan syarikat tersebut adalah seperti berikut:



PELAKSANAAN PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

JAN melaksanakan pengauditan terhadap syarikat Kerajaan untuk menilai pencapaian objektif syarikat dari aspek tadbir urus korporat yang baik, pengurusan aktiviti dan kedudukan kewangan syarikat. Pengesahan terhadap Penyata Kewangan syarikat pula dijalankan oleh Juruaudit yang dilantik oleh syarikat sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 (Pindaan 2016).



PEMBENTANGAN LKAN TAHUN 2017

Pada tahun 2018, pengauditan terhadap pengurusan syarikat Kerajaan telah dijalankan bagi 40 syarikat Kerajaan iaitu 13 syarikat Kerajaan Persekutuan dan 27 syarikat Kerajaan Negeri.

LKAN TAHUN 2017

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI

SIRI 1

5 Syarikat Persekutuan
14 Syarikat Negeri



SIRI 2

8 Syarikat Persekutuan
13 Syarikat Negeri

172 JUMLAH SYOR AUDIT : JUMLAH PENGAUDITAN SYARIKAT KERAJAAN **40**

13 SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

SYARIKAT KERAJAAN NEGERI **27**

**BILANGAN SYARIKAT
KERAJAAN PERSEKUTUAN
DAN NEGERI BAGI LKAN
TAHUN 2017**



SENARAI PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI LKAN TAHUN 2017

BIL.	NAMA SYARIKAT	LKAN
1.	Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara	2017 Siri 1
2.	KTM Distribution Sdn. Bhd.	2017 Siri 1
3.	MYNIC Berhad	2017 Siri 1
4.	Jambatan Kedua Sdn. Bhd.	2017 Siri 1
5.	Yayasan Pusat Belia Antarabangsa	2017 Siri 1
6.	FELCRA Urus Estet Sdn. Bhd.	2017 Siri 2
7.	SPNB Mesra Sdn. Bhd.	2017 Siri 2

BIL.	NAMA SYARIKAT	LKAN
8.	Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad	2017 Siri 2
9.	Perbadanan Usahawan Nasional Berhad	2017 Siri 2
10.	Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera	2017 Siri 2
11.	Convention & Exhibition (Putrajaya) Sdn. Bhd.	2017 Siri 2
12.	Malaysia Healthcare Travel Council	2017 Siri 2
13.	NanoMalaysia Berhad	2017 Siri 2

SENARAI PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI BAGI LKAN TAHUN 2017

BIL.	NEGERI	NAMA SYARIKAT	LKAN
1.	Johor	TPM Technopark Sdn. Bhd.	2017 Siri 1
2.		MAIJ URUS Sdn. Bhd.	2017 Siri 2
3.	Kedah	Kedah Overseas Trading Network Sdn. Bhd.	2017 Siri 1
4.		Yiked Holdings Sdn. Bhd.	2017 Siri 1
5.		Kedah Agro Holdings Berhad	2017 Siri 2
6.	Kelantan	Kifaalah Sdn. Bhd.	2017 Siri 1
7.		ICT Incubator Centre Sdn. Bhd.	2017 Siri 2
8.	Melaka	Putra Specialist Hospital (Melaka) Sdn. Bhd.	2017 Siri 1
9.		Syarikat Air Melaka Berhad	2017 Siri 2
10.		Yayasan Dunia Melayu Dunia Islam	2017 Siri 2
11.	Negeri Sembilan	MAINS Holdings Sdn. Bhd.	2017 Siri 1
12.		Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd.	2017 Siri 2
13.	Pahang	Pengurusan Air Pahang Berhad	2017 Siri 1
14.		PKNP Agro-Tech Sdn. Bhd.	2017 Siri 2
15.	Perak	Perak E-Organization Sdn. Bhd.	2017 Siri 1
16.		Ladang Jalong Sdn. Bhd.	2017 Siri 2
17.	Pulau Pinang	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.	2017 Siri 1
18.		PDC Setia Urus Sdn. Bhd.	2017 Siri 2
19.	Selangor	PI Brilliant Berhad	2017 Siri 1
20.		Communication Corporation Sdn. Bhd.	2017 Siri 1
21.		Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd.	2017 Siri 2
22.	Sabah	Sedco Communications Sdn. Bhd.	2017 Siri 1
23.		Progressive Insurance Bhd.	2017 Siri 2
24.	Sarawak	Pometia Sdn. Bhd.	2017 Siri 1
25.		LAKU Management Sdn. Bhd.	2017 Siri 2
26.	Terengganu	Duyong Marina Resort Sdn. Bhd.	2017 Siri 1
27.		Tesdec Sdn. Bhd.	2017 Siri 2

Jambatan Kedua Sdn. Bhd.

- Kementerian Kewangan Malaysia
- Menteri Kewangan (Diperbadankan)



Lawatan fizikal Audit di Jambatan Kedua Pulau Pinang

KTM Distribution Sdn. Bhd.

- Kementerian Kewangan Malaysia
- Menteri Kewangan (Diperbadankan)



Sesi exit conference bersama KTM Distribution Sdn. Bhd.

Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)

- Kementerian Sumber Manusia



Perbincangan bersama pegawai NIOSH

Perbadanan Sumber Manusia Berhad (HRDF)

- Kementerian Sumber Manusia



Lawatan fizikal Audit terhadap perolehan ruang pejabat HRDF

SPNB Mesra Sdn. Bhd.

- Kementerian Kewangan Malaysia
- Menteri Kewangan (Diperbadankan)



Lawatan fizikal Audit terhadap pembinaan Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M) oleh SPNB Mesra Sdn. Bhd.

NanoMalaysia Berhad

- Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim



Lawatan fizikal Audit di kilang memproses nanosilika

Penyelarasan Laporan



Semakan draf LKAN di Percetakan Nasional Malaysia Berhad

BENKEL PENGUKUHAN PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

Sektor Audit Tadbir Urus telah menganjurkan Bengkel Pengukuhan Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan pada 30 Julai hingga 1 Ogos 2018 bertujuan untuk membincang dan menyelesaikan isu-isu yang wujud berkaitan format penulisan laporan, penggunaan *nomenclature* dan kawalan kualiti dalam penyeragaman penyediaan LKAN. Selain itu, ia juga bertujuan bagi memberi pendedahan kepada pegawai-pegawai Audit di Ibu Pejabat dan JAN Negeri mengenai isu-isu terkini berkaitan amalan terbaik tadbir urus korporat dalam pengurusan syarikat Kerajaan. Pengabaian sistem tadbir urus yang baik akan mendedahkan sesebuah entiti kepada risiko salah guna kuasa, penyelewengan dan rasuah. Antara *management tools* yang boleh diaplikasikan dalam pengauditan tadbir urus adalah model McKinsey 7-S yang melibatkan tujuh (7) unsur dalaman yang utama iaitu *strategy, structure, system, shared value, style, staff* dan *skill*. Model ini digunakan untuk mengenal pasti sama ada ia sejajar dan berkesan dengan membolehkan organisasi mencapai objektif penubuhannya, membantu melihat apa yang perlu dilakukan untuk meningkatkan prestasi syarikat, membuat perancangan perubahan dalam organisasi dan untuk mengenal pasti apa yang tidak berfungsi di sesebuah organisasi syarikat.

Bengkel ini turut membincangkan penggunaan *nomenclature* bagi kedudukan kewangan, aktiviti dan tadbir urus korporat berdasarkan kajian-kajian kes yang lepas, *literature review* dan amalan *Supreme Audit Institutions* (SAI) luar negara. *Nomenclature* bagi menilai sama ada kedudukan kewangan syarikat adalah kukuh, stabil atau kurang stabil adalah berdasarkan analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, nisbah kewangan, aliran tunai serta aset dan liabiliti. Rumusan amalan tadbir urus syarikat pula dirumuskan sebagai baik, memuaskan atau kurang memuaskan dengan menggunakan lapan (8) aspek utama yang dinilai melalui instrumen eGLC. Ringkasan rumusan pelaksanaan aktiviti pula dibuat berasaskan 3E iaitu *economy, efficiency, effectiveness* dalam pencapaian output dan *outcome* serta prestasi kewangan sesuatu program/aktiviti/projek yang dilaksanakan.

Jaminan kualiti terhadap pelaporan dan pengauditan perlu ditekankan di semua peringkat Ibu Pejabat dan JAN Negeri untuk memastikan laporan mengikut standard ISSAI 1000 – *Financial Audit Guidelines*, ISSAI 3000 – *Performance Audit Guidelines* dan ISSAI 4000 – *Compliance Audit Guidelines*. Ia juga merupakan salah satu KPI Jabatan Audit Negara. Penggunaan Senarai Semak Jaminan Kualiti akan dilaksanakan bermula tahun 2019 bagi memastikan setiap pengauditan dan pelaporan yang dilaksanakan adalah mengikut standard kualiti yang ditetapkan.

Bengkel Pengukuhan Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan

Dewan Serbaguna Jabatan Audit Negara

30 Julai hingga 1 Ogos 2018



Peserta Bengkel Pengukuhan Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan



Panel dari Bahagian Pelaburan Strategik, Kementerian Kewangan Malaysia dan Menteri Besar Selangor Pemerbadanan



Sesi perbincangan dalam kumpulan



Memacu
Pemantapan Pengauditan

MEMACU PEMANTAPAN PENGAUDITAN

Sejajar dengan perkembangan landskap pengauditan yang semakin rumit dan mencabar dengan pengenalan pelbagai transformasi serta teknologi baru, JAN sentiasa memberi penekanan yang berterusan dalam memantapkan hala tuju dan metodologi pengauditan. Ia juga selaras dengan teras ketiga Pelan Strategik JAN 2016-2020, iaitu menghasilkan LKAN yang berkualiti. Landskap yang semakin mencabar ini dipengaruhi oleh cabaran seperti penemuan kes melibatkan fraud, perkembangan semasa industri yang semakin pesat, *big data* dan *data analytics* serta perubahan profesion perakaunan dan pengauditan. Sehubungan itu, JAN sentiasa mengambil inisiatif ke arah pemantapan pengauditan sedia ada agar dapat menghadapi cabaran tersebut. Pemantapan pengauditan di JAN ini dapat dilihat melalui Arahan KANM yang dikeluarkan, penyelidikan yang dilaksanakan, aspek penilaian jaminan kualiti (*Quality Assurance Review – QAR*), Pasukan Rujukan (*Subject Matter Experts – SME*), pengukuhan Unit Audit Dalam (UAD), pengauditan susulan, khidmat nasihat teknikal dan aplikasi pengurusan pengauditan diguna pakai.

ARAHAN KANM

PENYELIDIKAN

PENILAIAN JAMINAN KUALITI (QUALITY ASSURANCE REVIEW - QAR)

PASUKAN RUJUKAN (SUBJECT MATTER EXPERTS - SME)

PENGUKUHAN UNIT AUDIT DALAM (UAD)

PENGAUDITAN SUSULAN

KHIDMAT NASIHAT TEKNIKAL

ARAHAN KANM

Arahan KANM yang merupakan arahan dalam JAN, dikeluarkan dari semasa ke semasa dalam usaha memastikan proses kerja yang dilaksanakan adalah tersusun dan sistematik mengikut standard yang ditetapkan. Ia juga bertujuan memastikan pengauditan yang dilaksanakan dan pelaporan yang dihasilkan menekankan aspek kualiti yang tinggi. Sepanjang tahun 2018, sebanyak 2 Arahan KANM telah dikeluarkan di mana ia melibatkan arahan berkaitan pewartaan dan pendekatan *Complementary Audit* seperti berikut:



PENYELIDIKAN

Salah satu aspek penting dalam memacu pementapan pengauditan adalah dari segi penyelidikan yang dilaksanakan. Hasil penyelidikan yang dibuat dapat membantu JAN dalam menyediakan kertas kajian penyelidikan/ garis panduan pengauditan selaras dengan dasar Jabatan, prinsip perakaunan dan pengauditan serta amalan terbaik di dalam dan luar negara. Selain itu, hasil penyelidikan yang dijalankan juga dapat memberi input kepada bahagian-bahagian lain dalam jabatan atau pihak lain yang berkepentingan. Penyelidikan yang dilaksanakan secara berterusan oleh JAN meliputi aspek-aspek berikut:



KAJIAN

KAJIAN KEPUASAN BEKERJA WARGA JABATAN AUDIT NEGARA

Bil.	Pernyataan								Jumlah	Min
1.	Pendapat keseluruhan terhadap pengurusan organisasi/bidang tugas	6	19	26	96	140	156	25	468	4.95
2.	Pendapat keseluruhan tentang latihan kerjaya	3	11	18	105	179	130	22	468	4.97
3.	Pendapat keseluruhan tentang penilaian prestasi	9	19	30	126	130	134	20	468	4.77
4.	Pendapat keseluruhan terhadap pengurusan atasan jabatan	16	16	33	114	120	147	22	468	4.78
5.	Pendapat keseluruhan terhadap penyelia/ketua	15	9	33	79	106	169	57	468	5.10
6.	Pendapat keseluruhan terhadap hubungan dengan rakan sekerja Sektor/Bahagian	1	1	6	59	138	199	64	468	5.53
7.	Keseluruhan kemudahan Jabatan	5	3	12	87	149	176	36	468	5.23
Kepuasan Kerja Secara Keseluruhan										5.05

● Sangat Tidak Puas Hati ● Tidak Puas Hati ● Kurang Puas Hati ● Neutral ● Agak puas Hati ● Puas Hati ● Sangat Puas Hati

- ◊ Kajian dilaksanakan pada tahun 2018 dengan tujuan untuk mengenal pasti tahap kepuasan dan faktor-faktor yang menyumbang kepada kepuasan bekerja warga JAN sepanjang tahun 2017.
- ◊ Soal selidik secara elektronik diedar kepada warga JAN melalui email. Jumlah reponden adalah 468 orang.
- ◊ *Output* : Kepuasan bekerja warga JAN pada tahun 2017 adalah pada tahap sederhana (5.05).
- ◊ *Outcome*:
 - Dapatan kajian ini boleh dijadikan panduan kepada Pengurusan Atasan bagi menyediakan persekitaran kerja yang harmoni dan kondusif serta mendorong kepada peningkatan produktiviti dan kualiti kerja warga JAN.
 - Dapatan kajian ini boleh digunakan sebagai asas mengenal pasti dengan lebih terperinci aspek pengurusan sumber manusia bagi penyediaan salah satu tujuh domain utama *Quality Assurance Review*.

KAJIAN PINDAAN AKTA AUDIT 1957

Objektif Kajian

Untuk menambahbaik mandat pengauditan dan kuasa Ketua Audit Negara di mana dalam tempoh 60 tahun (1957 - 2017), hanya sekali pindaan Akta dibuat iaitu pada tahun 1978.

Aktiviti yang telah dilaksanakan bagi menambahbaik pindaan Akta Audit:

01

Membuat kajian awal dengan meneliti perkembangan pindaan Akta Audit di lain-lain negara khususnya negara-negara Komanwel yang mempunyai kerangkakerja sama dengan Malaysia iaitu model *Westminster* dan mengenal pasti apakah penambahbaikan yang boleh dimasukkan dalam cadangan pindaan Akta Audit 1957.

02

Mendapatkan maklum balas, isu-isu atau kekangan yang dihadapi sebelum, semasa dan selepas pengauditan bagi mengenal kelemahan dan apakah punca kekangan tersebut dan mengenal pasti Seksyen yang berkaitan dalam Akta Audit.

03

Mengadakan bengkel bagi mendapatkan keputusan dasar berhubung cadangan pindaan Akta melalui kaedah *brainstorming*.

04

Kedudukan semasa hasil perbincangan cadangan Pindaan Akta Audit 1957 adalah meminda dan menambahbaik perenggan di dalam Pindaan Akta Audit 1957; menggubal Peraturan-Peraturan ("*Regulations*"); mengkaji semula cadangan pindaan Akta sebelum membuat keputusan dasar; dan menyediakan draf rang undang-undang.

OUTPUT

Dua (2) laporan telah disediakan dan dibentangkan kepada Ketua Audit Negara

- Satu (1) Draf rang undang-undang disediakan dan dikemaskini
- Satu (1) Memorandum Jemaah Menteri berkenaan Pemantapan Kebebasan Jabatan Audit Negara telah dibentangkan kepada Ketua Audit Negara dan Pejabat Perdana Menteri

OUTCOME

Pencapaian hasil Pemantapan Kebebasan Jabatan Audit Negara menerusi 3 aspek utama

- i. Kebebasan Jabatan Audit Negara
- ii. Penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Audit Negara (SPAN)
- iii. Autonomi Pengurusan Kewangan Dan Sumber Manusia yang disemak oleh *Select Committee*

GARIS PANDUAN

HANDBOOK PELABURAN

01

Handbook Pelaburan bertujuan untuk memberi rujukan asas Pelaburan kepada juruaudit yang dilengkapi dengan maklumat berkenaan dengan istilah/ definisi, teori, formula, konsep dan kaedah pelaburan.


02

Handbook Pelaburan yang disediakan bukanlah bertujuan untuk mengaudit pelaburan tetapi digunakan sebagai rujukan terhadap pelaburan bagi memahami terma, teori dan kaedah pelaburan semasa menjalankan pengauditan.

03

Proses penyediaan *Handbook* Pelaburan pada tahun 2018 meliputi:

- Penyediaan kerangka kerja Pelaburan dan pengumpulan maklumat
- Penganjuran bengkel *brainstorming* yang disertai oleh wakil Sektor/ Negeri
- Penambahbaikan *Handbook* Pelaburan dan membuat edaran bagi mendapatkan maklum balas daripada peserta bengkel



GARIS PANDUAN SIASATAN

01

Garis Panduan Siasatan disediakan sebagai rangka kerja bagi membantu juruaudit merancang dan melaksanakan siasatan terhadap petunjuk fraud, aduan dan maklumat pihak ketiga. Garis panduan ini dapat membantu juruaudit dalam memastikan siasatan dijalankan dengan teliti, secara objektif dan berkesan serta mengikut piawaian profesional dan amalan antarabangsa terbaik.

02

Proses penyediaan Garis Panduan Siasatan pada tahun 2018 meliputi:

- Penyediaan kerangka kerja siasatan dan pengumpulan maklumat
- Penganjuran bengkel penambahbaikan kandungan Garis Panduan yang disertai oleh wakil Sektor untuk memberi input dan penambahbaikan. Pihak Association of Certified Fraud Examiners – Malaysia Chapter (ACFE) juga telah memberi input dalam bengkel tersebut.
- Edaran Draf Pendedahan 1 Garis Panduan Siasatan kepada semua Sektor/Negeri dan pengumpulan maklum balas.
- Penambahbaikan garis panduan berdasarkan maklum balas yang diterima.



PEMANTAPAN KEBEBASAN JABATAN AUDIT NEGARA

Selaras dengan visi JAN untuk menjadi Institusi Audit yang lebih bebas dan profesional serta bertaraf antarabangsa, JAN mengambil langkah proaktif untuk memperkasakan kebebasan Institusi Audit dalam perkhidmatan awam iaitu kebebasan daripada kawalan oleh cabang eksekutif negara serta diberi autonomi dari segi pengurusan sumber manusia dan bajet. antara usaha yang diambil pada tahun 2018 ialah:

Pembentangan kertas bertajuk "*Establishing the Independence of the Office of the Auditor General of Malaysia*" dalam mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 13 Ogos 2018.

Kenyataan media oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 13 Ogos 2018.

Mesyuarat bersama wakil Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri, Perbendaharaan Malaysia, Jabatan Peguam Negara, Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah dan Parlimen bagi mendapatkan input dan bagi penyediaan Memorandum Jemaah Menteri.

Perbincangan bersama Jabatan Peguam Negara

Perbincangan bersama Parlimen

Penyediaan draf Memorandum Jemaah Menteri

PEMANTAUAN HANSARD PARLIMEN, AKHBAR DAN BLOG

JAN sentiasa memantau perkara yang dilaporkan dalam *hansard* Parlimen, akhbar dan blog yang mendapat perhatian dan liputan *stakeholders*.

PEMANTAUAN HANSARD PARLIMEN, AKHBAR DAN BLOG





blog... blo



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

Pemantauan berterusan terhadap perkara signifikan dan material berkaitan KANM/LKAN/JAN yang dibincangkan dan dilaporkan. Fokus pemantauan juga meliputi pengenalpastian isu nasional serta perkara-perkara berimpak tinggi kepada negara yang berpotensi untuk diaudit.

KERJASAMA DENGAN BADAN LUAR

i. BLIS

Pada tahun 2018, JAN menjalin hubungan kerjasama dengan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) sebagai penyumbang maklumat bagi pangkalan data BERNAMA Library & Infolink Service (BLIS) – <http://blis.bernama.com>. BLIS merupakan perkhidmatan yang berasaskan langganan dan merupakan portal rujukan untuk topik terpilih berkenaan Malaysia. JAN berkongsi Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) yang sedia ada dalam portal JAN dari tahun 2000 untuk dimuat naik ke dalam pangkalan data BLIS. Penerbitan JAN akan diarkibkan dan dimuatkan ke dalam BLIS di bawah Modul *Information Providers*. Sebagai balasan, JAN mendapat akses kepada pelbagai maklumat yang boleh digunakan untuk tujuan pengauditan dan penyelidikan.



ii. KERJASAMA DENGAN BADAN-BADAN PROFESIONAL

Penekanan juga diberikan kepada *strategic alliances* iaitu kerjasama antara JAN dengan badan profesional dalam bidang pengauditan, penyelidikan dan latihan bagi meningkatkan profesionalisme warga JAN secara berterusan.



- Menganjurkan program bersama bagi meningkatkan profesionalisme warga JAN.
- Mengkaji dan memberi komen terhadap draf pendedahan dan dokumen perundingan lain yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawai Perakaunan.



- Menyokong badan profesional dalam program anjuran badan berkenaan.
- Menjemput badan profesional memberi kursus/latihan/ ceramah kepada warga JAN.

Enterprise Architecture JAN

Enterprise Architecture (EA) adalah suatu pendekatan untuk mendefinisikan sesebuah organisasi merangkumi pelbagai domain yang berbeza dengan menggunakan kaedah berstruktur untuk penentuan strategik dan penyelarasan keupayaan Bisnes dan IT melalui pemahaman, penyelarasan dan perancangan aktiviti.

Latar Belakang

- Elemen EA telah diwujudkan dalam pelan strategik ICT 2011-2015 sebagai salah satu daripada 7 strategi ICT di sektor Awam.
- Mesyuarat Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK) Bil. 2 Tahun 2014 pada 7 November 2014 telah bersetuju supaya MyGovEA dilaksanakan di agensi sektor awam.

Objektif

Membantu menambah baik proses pengauditan dan Laporan Ketua Audit Negara.

Mengurangkan jurang pembangunan ICT, meningkatkan keupayaan JAN berkongsi maklumat bersama agensi Kerajaan yang lain dan meningkatkan keupayaan orang awam untuk mengakses informasi yang disampaikan oleh JAN.

Membantu dalam mengenal pasti peluang JAN dalam membentuk integrasi perkhidmatan antara agensi Kerajaan secara keseluruhan di masa hadapan bagi mencapai matlamat sebagai sebuah kerajaan yang saling berhubung.

Membantu JAN dalam mencapai perancangan teknologi dan pembangunan dasar yang lebih baik dengan mempunyai pandangan menyeluruh tentang penggunaan teknologi dalam sektor awam.

Membantu JAN dalam menyampaikan kunci utama *business value* yang utama seperti berikut:

- i. Meningkatkan keupayaan bisnes (*core activity*) melalui gabungan keupayaan ICT yang strategik dan holistik
- ii. Mewujudkan kerjasama yang padu di antara JAN dan Agensi Kerajaan dalam perkongsian data.

Aktiviti Yang Dijalankan Pada Tahun 2018

Penubuhan pasukan EA JAN merangkumi Bahagian Pengauditan ICT, BHAPQAR dan BTMK

Perbincangan EA bersama Pasukan EA JAN

Perbincangan bersama YBrs. Dr. Siti Istianah binti Mahdzur dari MAMPU

Ceramah bertajuk Enterprise Business Architectures (MyGOVEA) Sempena Hari Audit 2018

PENGLIBATAN JAN DI PERINGKAT KEBANGSAAN

PELAN PELAKSANAAN DASAR KAJIAN SEPARUH PENGGAL (KSP) RMK-11(2016-2020)

- RMKe-11 merupakan fasa terakhir ke arah mencapai negara maju dan inklusif selaras dengan Wawasan 2020. Tema untuk RMKe-11 adalah 'Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat' di mana ianya memberi tumpuan kepada kemakmuran dan kesejahteraan rakyat.
- KSP RMKe-11 ini melaporkan prestasi yang telah dicapai dalam tempoh 2016-2017 dan menggariskan dasar serta strategi sosioekonomi yang diujar semula untuk tempoh 2018-2020 dengan mengambil kira keutamaan kerajaan baharu berikutan Pilihanraya Umum ke-14.
- Dokumen KSP RMKe-11 terbahagi kepada dua bahagian:
 1. Melaporkan prestasi outcome terpilih, sasaran, strategi dan inisiatif sepanjang tempoh kajian semula, 2016-2017.
 2. Melakarkan hala tuju ke arah Malaysia yang lebih baik dalam tempoh akhir rancangan, 2018-2020.
- KSP RMKe-11 ini memfokuskan enam tonggak utama yang terdiri daripada :
 1. Mereformasi tadbir urus ke arah meningkatkan ketelusan dan kecekapan perkhidmatan awam
 2. Memperkukuh pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat
 3. Menuju ke arah pembangunan wilayah yang seimbang
 4. Memperkasa modal insan
 5. Mempertingkatkan kemampuan alam sekitar melalui pertumbuhan hijau
 6. Memperkukuh pertumbuhan ekonomi
- Tonggak utama yang berkaitan dengan JAN adalah:
 - Tonggak 1: Bidang Keutamaan A
 - Menambah baik tadbir urus pada semua peringkat

PENGLIBATAN JAN		
Strategi	Inisiatif	Tindakan
TI.BKA1: Memperkukuh mekanisme semak dan imbang	Mempertingkatkan kuasa Parlimen	Jawatankuasa pemilih perlu mengesahkan pelantikan jawatan utama, termasuk dalam SPRM, SPR, Jabatan Audit Negara (JAN) dan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK).

- Tonggak 1: Bidang Keutamaan C
- Menguatkuasakan pelaksanaan pengurusan kewangan awam secara berhemat

PENGLIBATAN JAN		
Strategi	Inisiatif	Tindakan
TI.BKC1: Mempertingkatkan sistem belanjawan	Menambah baik proses belanjawan negara	Melaksanakan langkah secara berperingkat untuk memperbaiki skor Malaysia dalam OBI kepada sekurang-kurangnya 61/100 menerusi: <ol style="list-style-type: none"> a. pemantauan oleh Parlimen dan JAN; dan rekayasa proses belanjawan tahunan selaras dengan rancangan pembangunan Malaysia lima tahun.
TI.BKC1: Mempertingkatkan sistem belanjawan	Memperkukuh rangka kerja perkongsian awam swasta (PPP)	<ol style="list-style-type: none"> i. Mengkaji semula rangka kerja PPP sedia ada. ii. Menentukan jumlah komitmen projek PPP bagi mengawal tahap tanggungan dan komitmen tahunan Kerajaan. iii. Mempertingkatkan audit forensik ke atas projek PPP terpilih.

**PENILAIAN JAMINAN KUALITI
(QUALITY ASSURANCE REVIEW - QAR)**



- Salah satu elemen penting dalam ISSAI 40 - Quality Control for SAIs.
- Nadi penggerak bagi sesebuah organisasi.
- Latihan yang mencukupi, relevan dan boleh diaplikasikan dalam tugas harian akan meningkatkan kompetensi seseorang pegawai dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap.
- Fasa 1 Jaminan Kualiti Pengurusan Sumber Manusia memfokuskan kepada aspek latihan bagi menilai kompetensi pegawai dalam melaksanakan tugas pengauditan dan harian yang lain.

DASAR JAMINAN KUALITI JABATAN AUDIT NEGARA

- Peringkat kelulusan: Timbalan Ketua Audit Negara

MANUAL PROSEDUR KERJA

- Pembangunan dan penyediaan Manual Prosedur Kerja Penilaian Jaminan Kualiti Jabatan
- Fasa 1 – Fokus kepada aktiviti pengauditan



**SENARAI SEMAK JAMINAN KUALITI
BAGI AKTIVITI PENGAUDITAN**



PASUKAN RUJUKAN [SUBJECT MATTER EXPERTS(SME)]

Prestasi

Penasihat:
YBrs. Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan
Ketua Pasukan:
YBhg. Datin Paduka Ang Nai Har

Pengauditan Pengkhususan II - Fraud & Forensic

Ketua Pasukan:
Tuan Haji Roslan bin Abu Bakar

Pengauditan Pengkhususan III - Pengauditan Berkaitan Air Dan Alam Sekitar

Ketua Pasukan:
Puan Noraza binti Mohd. Ariff

Matlamat Pembangunan Kelestarian (SDGs)

Ketua Pasukan:
YBrs. Dr. Masiah binti Ahmad

Kewangan

Penasihat:
YBhg. Dato' Che Isa bin Che Kob
Ketua Pasukan:
Encik Zaaba bin Zainuddin

SME Pengauditan Pengkhususan II - Perolehan

Ketua Pasukan:
Encik Johari bin Ismail

Pengauditan Pengkhususan I - Perkara Berkaitan Pengauditan Cukai Pendapatan, Pengauditan Tanah Dan Pengauditan Perkastaman

Ketua Pasukan:
Puan Lim Sok Kiang

Pengauditan Pengkhususan - Jaminan Kualiti

Ketua Pasukan:
Puan Yusnani binti Zakaria

Pengauditan Syarikat Kerajaan

Penasihat:
YBhg. Datuk Zulkipli bin Abdullah
Ketua Pasukan:
Puan Salwani binti Haji Muhammad

Perundangan, Peraturan dan Standard

Penasihat:
YBhg. Datuk Zulkipli bin Abdullah
Ketua Pasukan:
Encik Mohd Zaki Bin Ismail

Pengurusan dan Kewangan

Ketua Pasukan:
Encik Putra Nurwan Shah bin Baharuddin

Teknologi Maklumat

Ketua Pasukan:
Encik Y Hamdan bin Mohd Dom

Pelantikan Penasihat
Ketua Pasukan
dan
ahli pasukan SME



Penyediaan
Laporan Pasukan
Rujukan
separuh tahun
pertama dan kedua



PENGUKUHAN UNIT AUDIT DALAM (UAD)

Pelaksanaan Audit Dalam di Kementerian atau Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri digariskan dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PS 3.1. Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan untuk membantu Kementerian/Jabatan/agensi mencapai objektif yang ditetapkan melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus. Jabatan Audit Negara (JAN) pula berfungsi dan berperanan selaku pihak audit luar. Bagaimanapun, kedua-dua pihak iaitu JAN dan UAD mempunyai matlamat yang sama iaitu bagi mempertingkatkan keberkesanan proses tadbir urus, tahap pengurusan kewangan dan akauntabiliti Kementerian/Jabatan/agensi sama ada di peringkat persekutuan mahupun negeri. Pada masa ini, terdapat 298 UAD di sektor awam merangkumi Kementerian, Jabatan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam.

OBJEKTIF UNIT AUDIT DALAM



Membantu sesebuah organisasi mencapai matlamatnya



Menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus

Fungsi Unit Audit Dalam

Perkhidmatan Jaminan

Pemeriksaan secara objektif terhadap pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus organisasi

Perkhidmatan Perundingan

Memberi khidmat nasihat
Memberi nilai tambah dan menambah baik organisasi

Sehubungan itu, dalam usaha memperkukuh *engagement* dan membantu memperkasa peranan UAD, JAN memainkan peranan dalam 4 aspek seperti berikut:

Peranan JAN Terhadap Pengukuhan UAD

Menyedia dan mengemaskini pangkalan data perjawatan UAD	Termasuk menyelaras maklumat Juruaudit dan Penolong Juruaudit lantikan JAN yang ditempatkan secara kader atau pinjaman di UAD Kementerian/Jabatan/Agensi peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.
Menjalankan analisis isu-isu UAD	Menjalankan analisis terhadap pemerhatian-pemerhatian UAD, maklum balas dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Audit bagi mengenal pasti perkara yang signifikan.
Menyelaras Rancangan Audit Tahunan UAD	Bertujuan untuk memastikan pengauditan dapat dijalankan dengan efisien dan lancar.
Mesyuarat berkala dengan UAD	Bertujuan untuk menyelaras perhubungan antara UAD dan JAN terutamanya melibatkan bidang pengauditan.

Pada tahun 2018, jumlah kedudukan perjawatan pegawai JAN di UAD adalah berjumlah 697 merangkumi pelbagai gred jawatan, iaitu sebanyak 642 perjawatan di UAD Kementerian/Jabatan Persekutuan, 37 perjawatan di UAD Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan sebanyak 18 perjawatan di UAD Agensi Persekutuan/Negeri. Kedudukan terperinci adalah seperti berikut:

Maklumat Perjawatan Pegawai JAN Kader/ Pinjaman



Jumlah: 697


- UAD Kementerian/ Jabatan Persekutuan
Jumlah: 642
- UAD Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
Jumlah: 37
- UAD Agensi Persekutuan & Negeri
Jumlah: 18

UAD Kementerian/ Jabatan Persekutuan	UAD Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	UAD Agensi (Persekutuan & Negeri)
JUSA: 6 Pegawai	W54: 3 Pegawai	W52: 2 Pegawai
W54: 13 Pegawai	W48: 5 Pegawai	DS51: 1 Pegawai
W52: 20 Pegawai	W44: 4 Pegawai	W48: 6 Pegawai
W48/52: 1 Pegawai	W41: 3 Pegawai	W44: 4 Pegawai
W48: 44 Pegawai	W41/44: 3 Pegawai	P44: 1 Pegawai
W44: 71 Pegawai	W36: 2 Pegawai	W32: 2 Pegawai
W41/44: 21 Pegawai	W32: 7 Pegawai	W29: 2 Pegawai
W41: 47 Pegawai	W29: 6 Pegawai	
W36: 51 Pegawai	W29/32: 4 Pegawai	
W32: 124 Pegawai		
W29/32: 138 Pegawai		
W29: 106 Pegawai		



Sehubungan itu, bagi memperkukuh *engagement* dengan UAD, JAN telah mengadakan lima mesyuarat/perjumpaan bersama Ketua-Ketua Unit Audit Dalam (KUAD) Kementerian/Jabatan Persekutuan iaitu dua

mesyuarat dipengerusi oleh YBhg. Tan Sri Dr. KANM dan tiga mesyuarat yang dipengerusi oleh YBhg. Datuk TKAN (TU) sepanjang tahun 2018. Maklumat lanjut sesi mesyuarat/perjumpaan tersebut adalah seperti berikut:

Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan Pendekatan *Complementary*

-  Bil 1/2018 pada 4 Jun 2018
-  Bil 2/2018 pada 13 Disember 2018

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pelaksanaan Pendekatan *Complementary*

-  Bil 1/2018 pada 26 Januari 2018
-  Bil 2/2018 pada 4 Mei 2018
-  Bil 3/2018 pada 17 Oktober 2018

Sorotan Gambar Mesyuarat Penyelarasan Audit Dalam



Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan Pendekatan *Complementary* yang dipengerusi oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ketua Audit Negara



Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pelaksanaan Pendekatan *Complementary* yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Timbalan Ketua Audit Negara (Tadbir Urus)



Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan Pendekatan *Complementary* pada 4 Jun 2018

PENGAUDITAN SUSULAN

Pengauditan susulan merujuk kepada suatu aktiviti untuk memberi jaminan bahawa tindakan penambahbaikan dan pembetulan yang diambil auditi telah dapat menyelesaikan masalah yang dibangkitkan dalam LKAN. Tindakan ini adalah selaras dengan ISSAI 3000 yang mengkehendaki setiap isu audit hasil daripada pengauditan prestasi disusul untuk memastikan tindakan pembetulan dan syor pengauditan telah dilaksanakan. Kerajaan melalui Mesyuarat Jemaah Menteri Bil. N811/2012 telah memutuskan agar JAN menyediakan platform bagi membolehkan isu dan maklum balas terkini LKAN dipaparkan secara *online*, telus, ringkas, padat dan tepat kepada rakyat. Paparan secara *online* ini juga telah menjadi pencetus bagi mempercepatkan penyelesaian isu berbangkit dalam LKAN oleh Kementerian/Jabatan/Agensi dan seterusnya memperbaiki persepsi rakyat terhadap LKAN secara keseluruhannya. Keputusan ini secara tidak langsung menunjukkan peranan JAN seiring inisiatif Kerajaan dalam menangani dan memerangi isu rasuah negara. Dalam menjalankan pengauditan susulan ini, JAN terlibat dalam 3 inisiatif seperti berikut:



Auditor General's Dashboard (AGD)



Jawatankuasa Tindakan LKAN (JTLKAN)



Putrajaya Inquisition

AUDITOR GENERAL'S DASHBOARD (AGD)

Auditor General's Dashboard (AGD) telah dilancarkan bagi memenuhi permintaan orang awam dan pihak berkepentingan yang mahu Kerajaan bersikap telus


dalam menangani penemuan audit yang dibangkitkan dalam LKAN. Akses secara *online* ini membolehkan orang awam dan pihak berkepentingan mengetahui tindakan yang telah atau sedang diambil terhadap penemuan-penemuan utama yang dibangkitkan dalam LKAN. Maklumat yang dipaparkan boleh digunakan sebagai 'lesson learnt' untuk mengelakkan daripada berlaku kelemahan berulang. Setiap penemuan dan kedudukan terkini dipaparkan secara ringkas bagi memudahkan orang awam dan pihak berkepentingan memahami penemuan yang dibangkitkan dan tindakan yang diambil. Dengan adanya AGD ini, persepsi negatif orang awam dan pihak berkepentingan dapat dielakkan mengenai kemampuan Kerajaan untuk bertindak dengan cepat dan tepat terhadap penemuan-penemuan yang dilaporkan dalam LKAN. Maklumat ringkas mengenai objektif dan impak AGD serta status paparan AGD pada 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:



- Memberikan kedudukan terkini mengenai LKAN kepada stakeholders/pihak berkepentingan/orang awam
- Menggalakkan ketelusan
- Memberi dorongan kepada auditi untuk mempercepatkan penyelesaian isu-isu LKAN

Impak AGD

- Pemantauan dipertingkat bagi mengelak pembaziran/ penyelewengan
- Sistem dan proses kerja diperkemas untuk tujuan penyeragaman dan kualiti kerja
- Peningkatan kutipan tunggakan hasil dan pungutan lebihan bayaran yang lebih cekap
- Aset diurus dengan cekap/teratur



JAWATANKUASA TINDAKAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (JTLKAN)

Jawatankuasa Tindakan Laporan Ketua Audit Negara (JTLKAN) merupakan salah satu aktiviti utama dan penting di Bahagian Susulan Audit (BSA) Jabatan Audit Negara (JAN). Mesyuarat JTLKAN ini telah diadakan dengan jayanya dalam menentukan tindakan yang perlu diambil oleh Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan dan agensi penguatkuasa terhadap isu-isu punitif yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1 dan Siri 2 serta membincangkan jalan penyelesaian secara terperinci supaya isu yang sama tidak berulang. Butiran aktiviti yang telah diadakan adalah seperti berikut:

PELAKSANAAN MESYUARAT JTLKAN BAGI LKAN 2017

MESYUARAT JTLKAN		LKAN TAHUN 2017	BIL. KAJIAN YANG TERLIBAT	BIL. ISU PUNITIF YANG DIBENTANGKAN
BIL.	TARIKH			
1/2018	12 – 14.09.2018	Siri 1	31	98
2/2018	17 – 18.01.2019	Siri 2	31	105

Mesyuarat JTLKAN seperti jadual diatas telah dipengerusikan oleh Ketua Audit Negara Malaysia dan dianggotai oleh Peguam Negara, Ketua Polis Negara, Ketua Pesuruhjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, dan Pegawai Tugas-Tugas Khas (Integriti dan Keselamatan) Pejabat Ketua Setiausaha Negara (atau wakil) serta Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah Nasional (atau wakil) sebagai ahli jemputan.

Mesyuarat ini telah diadakan selepas pembentangan LKAN Tahun 2017 Siri 1 di Parlimen dan merupakan *platform* bagi membolehkan tindakan diambil oleh agensi penguatkuasa terhadap isu melibatkan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku dan kecuaiannya pelaksanaan tugas oleh penjawat awam. Hasil daripada mesyuarat ini, tindakan punitif akan diambil terhadap pihak berkaitan yang didapati melakukan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiannya pelaksanaan tugas. Selain itu, terdapat juga isu punitif yang akhirnya hanya memerlukan tindakan korektif diambil oleh kementerian/jabatan/agensi bagi isu yang diputuskan sebagai *lessons learnt* dalam mesyuarat JTLKAN. Perbincangan isu-isu punitif di peringkat JTLKAN mempunyai implikasi positif yang besar kepada rakyat apabila isu penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dalam sektor awam dapat dibendung daripada berlaku.

PUTRAJAYA INQUISITION

Putrajaya Inquisition bertujuan menyelesaikan isu-isu Laporan Ketua Audit Negara yang masih tertunggak melebihi setahun. *Putrajaya Inquisition* dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan Ahli Tetap *Putrajaya Inquisition* serta Menteri, Ketua Setiausaha, Ketua Eksekutif/Auditi yang berkaitan. Isu-isu ini perlu diberi pertimbangan yang sewajarnya dan kesegeraan penyelesaian kerana ia boleh menunjukkan ketidakcekapan Kerajaan dalam menangani isu berbangkit setelah tertunggak sekian lama. Di samping itu, penyelesaian isu ini dapat membuktikan usaha kesegeraan dalam merungkai masalah berbangkit demi manfaat rakyat.

Bahagian Susulan Audit akan mengkaji isu sebelum didaftar sebagai isu tertunggak di bawah PI dan membuat perbincangan bersama semua pihak yang berkepentingan terlebih dahulu. Sehingga Disember 2018 sebanyak 4 isu audit LKAN telah didaftarkan di bawah PI. Satu isu dapat diselesaikan hasil perbincangan bersama dengan semua pihak berkepentingan. Manakala bagi tiga (3) isu, perbincangan masih sedang berjalan.


Proses susulan audit di BSA merangkumi tiga komponen utama iaitu AGD, JTLKAN dan PI seperti di atas. Kesemua komponen ini digerakkan untuk menangani isu-isu yang dibangkitkan dalam LKAN di mana kebanyakan agensi Kerajaan kini semakin proaktif dalam mengemukakan maklum balas secara berkala untuk memastikan penyelesaian terhadap isu audit. Selain itu, BSA juga bertanggungjawab dalam mengambil maklum dan merekodkan keputusan Jawatankuasa Siasatan Khas (JKSK)/Jawatankuasa Siasatan Dalamam (JKSD). Di samping itu, maklumat isu-isu punitive juga disalurkan ke Mesyuarat Bersama Pusat Governans, Integriti Dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) melalui unit Hubungan Luar (HL), BSA. Butiran lanjut seperti berikut:

JAWATANKUASA SIASATAN(JKS)/ JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN (JKSD)

Jawatankuasa Siasatan (JKS) di peringkat Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Jawatankuasa Siasatan Dalamam (JKSD) yang diselaraskan oleh JPA dibentuk bertujuan menjalankan penyiasatan terperinci bagi setiap laporan ketidakaturan yang dinyatakan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) seperti yang diputuskan di peringkat Mesyuarat *Pre Council* JTLKAN bersama agensi penguatkuasa yang kebiasaannya diadakan sebelum LKAN dibentangkan di Parlimen. Jawatankuasa ini membuat syor untuk tindakan tatatertib ke atas penjawat awam yang bertanggungjawab atau bertanggunggan ke atas ketidakaturan tersebut.


Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1 sebanyak 128 teguran punitif telah diangkat kepada JPA bagi tindakan tatatertib melibatkan penjawat awam. Hasil siasatan yang telah dijalankan, JKS dan JKSD telah mengenal pasti seramai 36 pegawai mempunyai asas untuk dimulakan prosiding tatatertib. Manakala bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 2 terdapat 617 teguran iaitu 153 teguran punitif dan 464 teguran korektif. Sebanyak 12 JKS melibatkan 37 teguran punitif telah ditubuhkan di peringkat persekutuan dan 30 JKSD melibatkan 116 teguran punitif ditubuhkan di peringkat negeri dan badan berkanun/agensi negeri.

JAWATANKUASA SIASATAN KHAS (JKS) / JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN (JKSD)



**STATUS TINDAKAN SUSULAN LAPORAN KETUA AUDIT
NEGARA TAHUN 2012 SEHINGGA 2017**

BIL.	HUKUMAN	BIL. PEGAWAI	% PEGAWAI
1.	Amaran	92	48.17
2.	Denda	9	4.71
3.	Tanggung Pergerakan Gaji	21	10.99
4.	Turun Gaji	10	5.24
5.	Turun Pangkat	1	0.52
6.	Denda dan Amaran	3	1.57
7.	Denda dan Surcaj	2	1.05
8.	Surcaj dan Amaran	9	4.71
9.	Tanggung Pergerakan Gaji dan Amaran	1	0.52
10.	Turun Gaji dan Amaran	7	3.66
11.	Turun Gaji dan Denda	1	0.52
12.	Turun Pangkat dan Amaran	1	0.52
13.	Buang Kerja	3	1.57
14.	Surcaj	29	15.18
15.	Dijatuhkan hukuman oleh mahkamah (SPRM)	2	1.05
JUMLAH HUKUMAN		191	21.04
BEBAS		523	57.60
DALAM PROSIDING		194	21.36
JUMLAH KESELURUHAN		908	100



HUKUMAN MENGIKUT ENTITI			
BIL.	ENTITI	BIL. PEGAWAI	CATATAN
1.	Persekutuan	163	
2.	Badan Berkanun	12	• FELDA • UITM
3.	Negeri	16	• SUK Perak • SUK NS, • SUK Selangor • SUK Pahang • SUK Kedah
JUMLAH HUKUMAN		191	

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Awam
(Dikemaskini Sehingga 12 Mac 2019)

MESYUARAT BERSAMA PUSAT GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTI-RASUAH NASIONAL (GIACC)

Bahagian Susulan Audit berperanan sebagai penyelaras kepada Jabatan Audit Negara dalam menyediakan isu-isu punitif yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara kepada GIACC.

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) Siri 2 Tahun 2018 pada Julai 2018 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia telah memutuskan bahawa semua Kementerian/Agensi hendaklah mengadakan perbincangan secara bersemuka bersama GIACC bagi membincangkan isu-isu pelanggaran governans, integriti dan perlakuan rasuah di agensi masing-masing. Setiap perbincangan akan dihadiri bersama oleh Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Ketua Audit Negara.

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 25 mesyuarat bersama GIACC yang melibatkan 25 Kementerian telah dihadiri oleh Ketua Audit Negara atau Timbalan Ketua Audit Negara.

KHIDMAT NASIHAT TEKNIKAL

Bagi memastikan tahap pengauditan yang dilaksanakan adalah berkualiti, JAN juga memberi penekanan terhadap proses pengauditan dan penulisan laporan termasuk perkara yang melibatkan kepakaran dalam bidang-bidang tertentu. Sehubungan itu, JAN sentiasa menggalakkan Juruaudit mendapatkan khidmat nasihat daripada golongan pakar dalam bidang berkaitan yang mana khidmat nasihat ini dapat dipecahkan kepada 5 bidang utama seperti berikut



Khidmat Nasihat Teknikal

Bagi aspek teknikal terutamanya melibatkan pengauditan prestasi bagi projek pembinaan, Juruaudit boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada Bahagian Teknikal JAN yang terdiri daripada pegawai profesional teknikal daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia yang ditempatkan secara kader di JAN. Setakat 31 Disember 2018, seramai 24 pegawai profesional teknikal telah ditempatkan di JAN meliputi pelbagai bidang teknikal seperti kejuruteraan awam, kejuruteraan elektrik, kejuruteraan mekanikal, ukur bahan dan arkitek. Kebanyakan khidmat nasihat teknikal yang sering dirujuk adalah berkaitan dengan isu pentadbiran kontrak dan pengurusan projek pembinaan. Dengan adanya khidmat nasihat dari kalangan Jurutera yang turut dilibatkan dalam proses pengauditan, kualiti pengauditan dan pelaporan yang tepat dari segi teknikal dapat dihasilkan. Sepanjang tahun 2018, Bahagian Teknikal JAN telah terlibat dalam 28 pengauditan dan 30 khidmat nasihat teknikal melalui pelbagai medium seperti berikut:



28 Bilangan

Pengauditan

Memberi khidmat nasihat teknikal dan terlibat dalam proses pengauditan prestasi projek pembinaan termasuk menjalankan pemeriksaan fizikal, membuat ukuran, ujian ringkas, menyediakan/menyemak laporan audit bagi memastikan LKAN lebih tepat dari aspek teknikal.



30 Bilangan

Khidmat Nasihat Teknikal

Memberi khidmat nasihat teknikal secara perbincangan/panggilan telefon/surat menyurat dan lain-lain kepada juruaudit berkaitan isu-isu teknikal khususnya pengauditan dan lain-lain nasihat yang diperlukan.

Khidmat Nasihat Air dan Alam Sekitar

Bagi aspek yang melibatkan pengauditan air dan alam sekitar, Seksyen Khidmat Nasihat (Air & Alam Sekitar) bertanggungjawab untuk memberi khidmat nasihat kepada Sektor Audit Prestasi dan Sektor Audit Tadbir Urus (yang berkaitan dengan tadbir urus syarikat air dan alam sekitar di Kerajaan Negeri dan Persekutuan) di Jabatan Audit Negara dan Jabatan Audit Negara Cawangan negeri.

Untuk tahun 2018, khidmat nasihat telah diberikan oleh Seksyen Khidmat Nasihat (Air & Alam Sekitar) bagi 10 kajian seperti berikut:

Antara khidmat yang diberikan adalah melibatkan:

- memberi input berkaitan perkara teknikal dalam penyediaan Memorandum Perancangan Audit;
- menghadiri *entrance conference*;
- menyemak dokumen dan rekod yang berkaitan dengan perkara teknikal;
- lawatan ke tapak projek;
- menyedia dan menyemak draf pemerhatian Audit;
- menghadiri *exit conference*; dan
- menyemak draf Laporan Audit.
- memberi input berkaitan kepada Bahagian Susulan Audit.

10 KAJIAN



Pengauditan Air dan Alam Sekitar

- Kajian Projek Bekalan Air Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)
- Kajian Projek Bekalan Air Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)
- Kajian Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kedah/Anak Bukit, Kedah
- Kajian Pengurusan Pelupusan Sisa Pepejal di Tapak Pelupusan dan Insinerator serta Impak Terhadap Alam Sekitar
- Kajian Pengauditan Rizab Margin Bekalan Air Di Negeri Selangor
- Kajian Saliran Bandar di Negeri Sembilan
- Kajian Loji Rawatan Air (LRA) Batu Kitang di Kuching, Sarawak
- Kajian Rancangan Tebatan Banjir Di Negeri Perak
- Kajian Projek Pemulihan Hakisan Pantai di Pantai Tok Jembal Terengganu
- Pengurusan Empangan Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia (JPS Malaysia)

Khidmat Nasihat Pengauditan Teknologi Maklumat

Dalam era revolusi teknologi, data digunakan sebagai salah satu pemboleh ubah dalam melaksanakan operasi dan membuat keputusan. Kepentingan data analitik telah dijadikan objektif utama dalam proses pengauditan. Sehubungan itu, Bahagian Audit ICT di samping melaksanakan kajian ICT, ia juga menyampaikan khidmat nasihat berkaitan data analitik kepada Sektor lain di Jabatan Audit Negara. Secara asasnya, data analitik di laksanakan dengan menggunakan perisian *Computer Assisted Audit Techniques and Tools* (CAATs) yang memerlukan kemahiran menganalisa dan menterjemahkan data kepada bentuk yang boleh difahami.

Sepanjang tahun 2018, pengauditan yang melibatkan data analitik adalah seperti berikut;

- a) Kajian Bahagian Audit ICT
 - i) Sistem Cukai Barang Dan Perkhidmatan (MyGST)
 - ii) Sistem Malaysian Government Security Operation Centre (MyGSOC)

- b) Kajian Kolaborasi dengan Pasukan Audit lain
 - i) Aktiviti Kawalan Terhadap Pekerja Asing di Kementerian Luar Negeri (KLN)
 - ii) Pengurusan Dana Pembiayaan Projek Pemodenan Bengkel Automotif (ATOM) di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan (KPDNKK)
 - iii) Pengurusan Pembangunan Industri Lada Malaysia di Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK)
 - iv) Sistem Kutipan Caj Jalan dan Rekod Kemasukan Kenderaan Asing (Kementerian Pengangkutan)

- c) Kajian kawalan IT untuk Sektor Audit Kewangan

AGENSI	SISTEM
Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)	Automated SOCSO Integrated System (ASSIST)
Universiti Teknologi MARA (UiTM)	Financial Accounting Integrated System (FAIS)
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)	Sistem Microsoft Great Plan (MSGP)
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	Sistem Pengurusan Kewangan dan Pentadbiran Bersepadu
Kementerian Luar Negeri (KLN)	Sistem Perakaunan Luar Negeri Akruan (1SPLN)

- d) Khidmat nasihat penggunaan perisian CAATs dan penggunaan sistem eAudit dari masa ke semasa

Khidmat Nasihat Perundangan

Unit Khidmat Nasihat Undang-Undang JAN dengan jumlah perjawatan seramai 2 orang pegawai dan seorang kakitangan diketuai oleh Penasihat Undang-Undang. Objektif utama Unit ini adalah memberi nasihat berkenaan perkara-perkara melibatkan isu perundangan bagi memastikan dasar dan polisi Jabatan dapat dilaksanakan dengan berkesan mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang Malaysia. Skop khidmat nasihat perundangan yang diberikan kepada Jabatan adalah seperti yang berikut:

- memberi nasihat perundangan khususnya berhubung isu-isu di bawah Perlembagaan Persekutuan, Akta Audit 1957 serta undang-undang lain yang terlibat dalam kajian pengauditan yang dilaksanakan oleh Jabatan;
- menggubal atau menyemak dokumen undang-undang seperti notis perundangan, perjanjian dan memorandum persefahaman (MOU);
- menyediakan dokumen dan maklumat kajian kes jenayah dan sivil untuk dihantar ke Bahagian Pendakwaan dan Bahagian Guaman, Jabatan Peguam Negara;
- menggubal atau menyemak pindaan undang-undang dan perundangan subsidiari; dan
- memberi nasihat perundangan berhubung isu-isu tatatertib serta perkhidmatan.

Unit ini turut terlibat secara langsung dan aktif dalam memberi ulasan nasihat perundangan awal bagi setiap kajian pengauditan yang akan dibentangkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) bermula dari Pembentangan 1st Cut LKAN sehingga Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan LKAN.

JENIS TUGAS	KUANTITI YANG DITERIMA
Nasihat Perundangan (Pandangan Lisan dan Bertulis)	684
Permohonan bagi Menyemak/Meluluskan Perjanjian/Memorandum Persefahaman/Dokumen Perundangan	103
Mesyuarat yang dihadiri	169
Jumlah	956

Jadual : Jumlah tugas yang dikendalikan sepanjang tahun 2018

Secara keseluruhannya, dengan adanya ruang yang membolehkan Juruaudit membuat rujukan dan mendapatkan khidmat nasihat daripada pihak yang pakar dalam bidang-bidang berkaitan, kualiti pengauditan dan penulisan laporan yang berkesan dapat dipertingkatkan dan dimantapkan. Ini secara tidak langsung dapat mengurangkan laporan pengauditan yang dihasilkan JAN dipertikai oleh pihak lain.



Memperkukuh

**Pengurusan dan Pembangunan
Modal Insan**

MEMPERKUKUH PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN


Aspek pengurusan daripada segi kewangan, pentadbiran dan pengurusan sumber manusia amat dititikberatkan bagi memastikan fokus JAN dalam melaksanakan fungsi pengauditan dilaksanakan dengan baik. Pengurusan kewangan dan pentadbiran dilaksana dengan cekap dan teratur berlandaskan perundangan dan peraturan yang berkuat kuasa. JAN juga sentiasa menekankan aspek pengukuhan modal insan melalui pembangunan kapasiti, pembangunan kerjaya, pengurusan kompetensi dan pemantapan integriti di kalangan warga JAN.

PENGURUSAN KEWANGAN DAN PENTADBIRAN

Aspek utama pengurusan kewangan dan pentadbiran yang diberi penekanan merangkumi perkara seperti pengurusan kewangan, projek pembangunan dan pengurusan berkaitan Firma Audit Swasta.

PRESTASI KEWANGAN

Pada tahun 2018, peruntukan perbelanjaan mengurus JAN adalah berjumlah RM146,958,900.00, daripada jumlah tersebut sebanyak RM143,057,406 atau 97.35% telah dibelanjakan. Ringkasan prestasi adalah seperti berikut:



PROJEK PEMBANGUNAN

Di bawah Rancangan Malaysia ke-11, JAN telah diluluskan peruntukan pembangunan berjumlah **RM5,318,298.00** bagi melaksanakan tiga aktiviti pembangunan utama iaitu Projek Pembinaan Pejabat Jabatan Audit Negara, Negeri Terengganu, Projek Pembinaan Pejabat Jabatan Audit Negara, Negeri Sabah dan perolehan dan kerja-kerja ubahsuai Pusat Budi Penyayang di Bertam untuk dijadikan Wisma Audit Negeri Pulau Pinang. Selain dari itu, dibawah perjanjian Konsesi di antara Kerajaan Malaysia dengan Putrajaya Bina Sdn. Bhd, JAN telah diperuntukkan ruang pejabat baharu di Blok F2 dan F3. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 24 Mei 2016 dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan November 2019. Perpindahan JAN dari bangunan sedia ada (2G4) ke bangunan baharu dijangka akan bermula pada bulan Mac 2020.

Sehingga 31 Disember 2018, sejumlah **RM5,198,450.63** telah dibelanjakan untuk tiga aktiviti pembangunan utama JAN. Maklumat terperinci peruntukan dan perbelanjaan pembangunan tahun 2018 adalah seperti berikut:

Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Tahun 2018

PROJEK	PERUNTUKAN DIKEMASKINI (RM)	PERBELANJAAN SEHINGGA 31.12.2018 (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
Projek Pembinaan Pejabat Jabatan Audit Negara, Negeri Terengganu	3,010,710.00	3,009,183.46	99.95
Projek Pembinaan Pejabat Jabatan Audit Negara, Negeri Sabah	2,275,856.00	2,157,536.11	94.80
Perolehan dan kerja-kerja ubahsuai Pusat Budi Penyayang di Bertam untuk dijadikan Wisma Audit Negeri Pulau Pinang	31,732.00	31,731.06	100.00
JUMLAH	5,318,298.00	5,198,450.63	97.75

Memperkuh Pengurusan dan Pembangunan Modal Insan

Pejabat Jabatan Audit Negara di Kompleks Parcel F, Putrajaya sedang dalam proses pembinaan.



Projek pembangunan Pejabat Jabatan Audit Negara di Kompleks Parcel F, Putrajaya yang dijangka siap pada bulan November 2019



Projek Pembinaan Wisma Audit Negeri Terengganu



Pembinaan Wisma Audit Negeri Terengganu telah siap sepenuhnya dan JAN Negeri Terengganu telah mula beroperasi sepenuh di wisma tersebut pada 2 Mei 2018

Projek Pembinaan Wisma Audit Negeri Sabah



Lawatan YBhg. Dato' Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri

FIRMA AUDIT SWASTA

Selain itu, salah satu daripada urusan yang dilihat penting untuk menyokong dan memastikan fungsi utama pengauditan dapat dilaksanakan dengan lancar adalah daripada segi urusan pelantikan Firma Audit Swasta (FAS). FAS merujuk kepada firma audit luar yang dilantik untuk menjalankan pengauditan penyata kewangan bagi pihak KANM dan mengemukakan laporan tersebut untuk semakan JAN sebelum sijil audit dikeluarkan. Pelantikan ini buat selaras dengan Seksyen 7 (3) Akta Audit 1957 yang membenarkan KANM memberi kuasa kepada mana-mana orang yang difikirkannya berwibawa untuk menjalankan pengauditan bagi pihaknya.

Sehingga 31 Disember 2018, sebanyak 65 FAS telah berdaftar dengan pihak JAN di mana 42 daripadanya merupakan FAS Bumiputera dan 23 FAS Bukan Bumiputera. Pengemaskinian pendaftaran dan maklumat-maklumat FAS yang terlibat dibuat melalui sistem eFAS. Sepanjang tahun 2018, sebanyak 397 pelantikan FAS dibuat termasuk pelanjutan untuk menjalankan pengauditan penyata kewangan agensi Kerajaan bagi pihak JAN.



PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Pengukuhan aspek pembangunan modal insan merangkumi pelaksanaan program kursus dan latihan kepada warga JAN termasuk di kalangan Juruaudit, peluang pembangunan kerjaya dan melanjutkan pelajaran, pengurusan kompetensi Juruaudit dan pengukuhan integriti warga JAN melalui program-program yang dilaksanakan.

KEDUDUKAN PERJAWATAN DAN PERSONEL

Perjawatan yang diluluskan bagi JAN pada tahun 2018 adalah 2,040 perjawatan dan daripada jumlah tersebut sejumlah 1,834 atau 89.90% perjawatan telah diisi. Maklumat kedudukan perjawatan dan personel JAN pada tahun 2018 adalah seperti berikut:

KEDUDUKAN PERJAWATAN DAN PERSONEL



10 JENIS SKIM PERKHIDMATAN

KEWANGAN (W)
KEWANGAN (WA)
PEGAWAI TADBIR DIPLOMATIK (ND)
KEJURUTERAAN (J)
UNDANG-UNDANG (L)
SISTEM MAKLUMAT (F)
PUSTAKAWAN/SOSIAL (N)
PENTADBIRAN DAN SOKONGAN (N)
KEMAHIRAN (H)
KESELAMATAN (KP)

Berdasarkan kedudukan perjawatan dan pengisian semasa personel, JAN sentiasa memastikan urusan berkaitan pengurusan sumber manusia merangkumi urusan pelantikan semua kumpulan pegawai dan kakitangan, penempatan, pertukaran, pengesahan dan perjawatan dibuat dengan efisien dan teratur. Ini bagi memastikan semua perancangan kerja JAN dapat dilaksanakan sebagaimana yang telah ditetapkan.

PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI JAN

Program pembangunan kapasiti JAN dilaksanakan oleh Akademi Audit Negara (AAN) dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Sektor Pengurusan bagi pegawai gunasama.

a. Akademi Audit Negara (AAN)

Objektif AAN adalah untuk membangun, meningkatkan kompetensi dan profesionalisme warga JAN dalam bidang pengauditan sektor awam serta bidang lain yang berkaitan. Ia direalisasikan melalui penetapan hala tuju yang jelas, perancangan sistem latihan yang sistematik bagi merealisasi visi untuk menjadi institusi rujukan pengauditan sektor awam terunggul di peringkat nasional dan antarabangsa. Lima teras Pelan Strategik AAN 2016 – 2020 telah ditetapkan bagi menyokong Teras Strategik Keempat dalam Pelan Strategik JAN 2016 – 2020 iaitu Memperkukuhkan Pembangunan Kapasiti dan Modal Insan Bagi Meningkatkan Profesionalisme Juruaudit.



Dasar Latihan, Pelan Strategik AAN, Kalendar Latihan AAN, dan perkara lain yang berkaitan dengan latihan adalah di bawah tanggungjawab Jawatankuasa Latihan JAN. Jawatankuasa ini akan mengkaji dan meluluskan cadangan penambahbaikan dasar latihan, meluluskan perancangan keperluan latihan, memantau pelaksanaan latihan, kawalan mutu dan jaminan

kualiti latihan serta menimbang dan memperaku penambahbaikan kemudahan AAN. Jawatankuasa ini akan bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun. Mesyuarat Jawatankuasa Latihan bagi tahun 2018 telah diadakan pada 15 Mac 2018 dan 27 Jun 2018.

JAWATANKUASA LATIHAN JABATAN AUDIT NEGARA

Pengerusi

- Ketua Audit Negara Malaysia

Ahli Jawatankuasa

- Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi)
- Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan)
- Timbalan Ketua Audit Negara (Tadbir Urus)
- Pengarah Sektor Pengurusan
- Pengarah Akademi Audit Negara

PENCAPAIAN AKADEMI AUDIT NEGARA

Sepanjang tahun 2018, AAN telah melaksanakan 65 kursus di bawah empat (4) program iaitu program pengauditan, perakaunan, teknologi maklumat dan pengurusan. Setiap kursus yang dianjurkan dikategorikan kepada 3 peringkat iaitu asas, pertengahan dan lanjutan. Program latihan yang dianjurkan oleh AAN adalah ditawarkan kepada semua warga JAN, Unit Audit Dalam dan Agensi Kerajaan yang berminat. Bagi menyokong dasar penjimatan kerajaan, AAN telah melaksanakan latihan mengikut zon dan memperkenalkan kaedah pembelajaran secara atas talian serta bersemuka (Blended Learning) sejak tahun 2017. Berikut adalah pencapaian AAN pada tahun 2018:

- Sebanyak 91 kursus dilaksanakan berbanding 65 kursus yang ditetapkan. Kesemua kursus berkenaan mencapai melebihi tahap 80% penilaian keberkesanan.
- Sebanyak 3 modul e-Pembelajaran iaitu Pengauditan Prestasi (versi bahasa melayu) dan (versi bahasa inggeris) serta Pengauditan Alam Sekitar telah disediakan dan akan dimuatnaik di platform *Massive Open Online Course (MOOC)*.
- Sebanyak 14 program latihan perakaunan dilaksanakan mengikut zon. Negeri-negeri yang terlibat adalah Kedah, Perak, Selangor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Negeri Sembilan, Johor, Sarawak dan Sabah.
- Sebanyak 4 kursus telah dilaksanakan atas permintaan agensi luar seperti PERKESO, MAIWP, KPKT dan KPDNHEP dalam bidang pengauditan dan teknologi maklumat.
- Seramai 78 pegawai telah dibiayai oleh AAN untuk menghadiri 31 kursus/seminar/persidangan anjuran agensi luar seperti institut latihan awam/swasta dan badan profesional berkaitan pengauditan forensik, standard perakaunan, IT, pengurusan risiko dan tadbir urus.
- Seramai 5 pegawai mengikuti program pensijilan *ACL Data Analyst*.
- Kolaborasi strategik bersama IPTA, firma audit swasta dan Institusi Latihan Awam dalam meningkatkan kapasiti pembelajaran dan kompetensi juruaudit.
- Menerima 3 lawatan sambil belajar dari Institut Pengajian Tinggi (IPT) / Institut Latihan Awam (ILA) seperti berikut :

BIL.	AGENSI	TARIKH
1.	Politeknik Kota Bharu, Kelantan	23 Februari 2018
2.	Kolej Universiti Poly-Tech Mara Kuala Lumpur (KUPTMKL)	29 Mac 2018
3.	Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)	4 April 2018

LAWATAN DARI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (IPT)



Lawatan Sambil Belajar Politeknik Kota Bharu Kelantan pada 23 Februari 2018



Lawatan Sambil Belajar Kolej Universiti Poly-Tech Mara Kuala Lumpur (KUPTMKL) pada 29 Mac 2018



Lawatan Sambil Belajar Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) pada 4 April 2018

PENGLIBATAN JAN DALAM PEMBANGUNAN KAPASITI DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Selain penglibatan dalam persidangan, seminar, bengkel, kursus dan mesyuarat anjuran Pertubuhan Institusi Audit Tertinggi Negara ASEAN (ASEANSAI), Pertubuhan Audit Tertinggi Negara Asia (ASOSAI) dan Pertubuhan Audit Tertinggi Negara Antarabangsa (INTOSAI) dan Pertubuhan Audit Tertinggi Organisasi Negara Eropah (EUROSAI), JAN menerusi Akademi Audit Negara (AAN) juga melaksana program-program pembangunan kapasiti atas permintaan institusi audit tertinggi negara luar seperti berikut:

Pada tahun 2018 sebanyak 9 program antarabangsa telah dilaksanakan seperti berikut :

BIL.	TAJUK	BILANGAN PESERTA
1.	<i>Performance Audit Training Programme for National Audit Office of Sri Lanka in January, March, April, July, August and October (6 Series)</i>	465
2.	<i>Sub Regional Audit Planning Meeting of ASOSAI Capacity Development Programme on IT Audit (9 – 13 July 2018)</i>	24
3.	<i>Performance Audit Construction Work Training Programme for SAI Afghanistan in 19 – 30 November 2018 (19 – 30 November 2018)</i>	10
4.	<i>Malaysian Technical Cooperation Program (MTCP) on Performance Audit Course (6 – 17 August 2018)</i>	13
5.	<i>11th ASOSAI Research Project Final Wrap-Up Meeting (10 – 11 July 2018)</i>	17

Di samping itu, AAN juga menerima 5 lawatan daripada agensi negara luar seperti berikut.:

BIL.	TAJUK	TARIKH
1.	<i>International Programme on Management Auditing for the Public Sector Auditor Sri Lanka & Open University Malaysia (OUM Series 1)</i>	18 January 2018
2.	<i>Study Visit by Delegation of Ministry of Economy & Finance, Cambodia</i>	6 April 2018
3.	<i>International Programme on Management Auditing for the Public Sector Auditor Sri Lanka & Open University Malaysia (OUM Series 2)</i>	24 April 2018
4.	<i>Study Visit from High School of Economic Sutaatmadja (STIESA)</i>	31 July 2018
5.	<i>International Programme on Management Auditing for the Public Sector Auditor Sri Lanka & Open University Malaysia (OUM Series 3)</i>	5 September 2018

Pada bulan September 2018, AAN telah mendapat pengiktirafan sebagai salah sebuah Pusat Latihan Pertubuhan Audit Tertinggi Negara Asia (ASOSAI) disamping Institusi Latihan Audit Negara China dan Institusi Latihan Audit Negara India.



Pengiktirafan Pusat Latihan ASOSAI Kepada AAN Pada 18 September 2018

KURSUS PENGAUDITAN PRESTASI ATAS PERMINTAAN PEJABAT KETUA AUDIT NEGARA SRI LANKA



Performance Audit Course for National Audit Office Sri Lanka (Siri 1) pada 15 hingga 26 Januari 2018



Performance Audit Course for National Audit Office Sri Lanka (Siri 2) pada 12 hingga 23 Mac 2018



Performance Audit Course for National Audit Office Sri Lanka (Siri 3) pada 9 hingga 20 April 2018



Performance Audit Course for National Audit Office Sri Lanka (Siri 4) pada 9 hingga 20 Julai 2018



Performance Audit Course for National Audit Office Sri Lanka (Siri 5) pada 27 Ogos hingga 7 September 2018



Performance Audit Course for National Audit Office Sri Lanka (Siri 6) pada 8 hingga 19 Oktober 2018

KURSUS PENGAUDITAN PRESTASI ATAS PERMINTAAN INSTITUSI AUDIT NEGARA AFGHANISTAN



Performance Audit on Construction Works Course for Supreme Audit Office of Afghanistan pada 19 hingga 30 November 2018

KURSUS PROGRAM KERJASAMA TEKNIKAL MALAYSIA (MALAYSIAN TECHNICAL COOPERATION PROGRAMME - MTCP)



MTCP on Performance Audit Course pada 6 hingga 17 Ogos 2018

MESYUARAT ANJURAN ASOSAI



Sub-Regional Audit Planning Meeting of ASOSAI Capacity Development Programme on IT Audit pada 9 hingga 13 Julai 2018



11th ASOSAI Research Project Final Wrap-Up Meeting pada 10 hingga 11 Julai 2018

LAWATAN AGENSI DARIPADA NEGARA LUAR



International Programme on Management Auditing for the Public Sector Auditor Sri Lanka & Open University Malaysia (OUM Siri 1) pada 18 Januari 2018



International Programme on Management Auditing for the Public Sector Auditor Sri Lanka & Open University Malaysia (OUM Siri 2) pada 24 April 2018



International Programme on Management Auditing for the Public Sector Auditor Sri Lanka & Open University Malaysia (OUM Siri 3) pada 5 September 2018



Lawatan Delegasi Daripada *Ministry of Economy & Finance, Cambodia* pada 6 April 2018



Lawatan Sambil Belajar oleh High School of Economic Sutaatmadja (STIESA) pada 31 Julai 2018

b. Sektor Pengurusan

Program latihan generik pula dikendalikan oleh Sektor Pengurusan, iaitu melalui penganjuran Ceramah Eksekutif, Kursus Luar dan *In-House Training*. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pegawai bukan gunasama yang menjalankan tugas sebagai "Desk Officer". Antara kursus yang dikendalikan sepanjang tahun 2018 adalah seperti berikut:

PELAKSANAAN PROGRAM KURSUS DAN LATIHAN ANJURAN JAN TAHUN 2018

AAN

JUMLAH PESERTA

2,077

23

PROGRAM PENGAUDITAN

Kursus Pengauditan Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan, Prestasi, Tadbir Urus, Perolehan, Alam Sekitar, Laporan Ketua Audit Negara: Pengauditan Forensik, Pengurusan Projek, Pengauditan Kontrak dan Teknik Persampelan Audit, *Audit Non Revenue Water*

20

PROGRAM PERAKAUNAN

Standard perakaunan (MPSAS, MFRS, MPERS), Perubahan Sistem Perakaunan Kerajaan Berasaskan Tunai kepada Akruan

22

PROGRAM IT

Kursus Audit Command Language, Kawalan dan Aplikasi IT, ePenyata Kewangan, Perisian IT (PREZI, Ms Publisher, Ms Powerpoint, Ms Excel), Teknik Persembahan Visual melalui Adobe Photoshop Forensik Digital dan Data Analytic.

26

PROGRAM PENGURUSAN

Kursus Program Transformasi Minda, Kursus Asas Juruaudit & Penolong Juruaudit, Fotografi, Intensif Peperiksaan, *Training of Trainers: Certified Professional Educator*, Pembangunan Modul, Pra-Persaraan, Pengurusan Dokumen Rasmi, Kemahiran Komunikasi Bahasa Inggeris, *Problem Solving & Thinking Skills*, Pengurusan Emosi, NLP Dalam Komunikasi, Setiausaha dan Pemandu Kenderaan.

PSM

JUMLAH PESERTA

296

CERAMAH EKSEKUTIF

Ceramah daripada tokoh-tokoh terkemuka untuk mendedahkan warga JAN dengan topik-topik umum dan perkara semasa yang memberi impak kepada prestasi kerja.

KURSUS LUAR

Kursus bertujuan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan seperti tatacara dan peraturan pengurusan kewangan, sumber manusia dan pentadbiran. Penceramah yang terlibat terdiri daripada Pakar daripada agensi kerajaan yang berkaitan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan dan Arkib Negara.

IN-HOUSE TRAINING

Ceramah daripada kepakaran dalaman bertujuan untuk berkongsi ilmu atau meningkat kecekapan dan kemahiran dalam proses kerja.

SERAMAI **2,373** PESERTA TERDIRI DARIPADA
PEGAWAI PELBAGAI GRED DAN JAWATAN
TELAH MENGHADIRI KURSUS DAN LATIHAN YANG DIANJURKAN JAN
SEPANJANG TAHUN 2018.

KURSUS DAN LATIHAN
GENERIK
PSM (7)

10

KURSUS DAN LATIHAN
FUNGSIONAL

72

JUMLAH **82**

SEKSYEN PEMBANGUNAN KOMPETENSI

1. Fungsi Seksyen Pembangunan Kompetensi

Mengendalikan Peperiksaan Perkhidmatan bagi membolehkan Pegawai Audit memenuhi salah satu daripada syarat untuk disahkan dalam perkhidmatan dan Peperiksaan Khas Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) ke Skim Perkhidmatan Juruaudit Gred W41.

2. Jenis Peperiksaan Di Jabatan Audit Negara

Terdapat dua (2) jenis peperiksaan di Jabatan Audit Negara (JAN) iaitu:

- i. Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan Bagi Juruaudit Gred W41 dan Penolong Juruaudit Gred W29 dalam Percubaan. Peperiksaan ini diadakan dua (2) kali setahun iaitu pada bulan Mei/Jun dan November.
- ii. Peperiksaan Khas Peningkatan Secara Lantikan (KPSL) Ke Skim Perkhidmatan Juruaudit Gred W41. Peperiksaan ini diadakan setahun sekali pada bulan November.

2.1. Subjek Peperiksaan Perkhidmatan Bagi Juruaudit Gred W41 Dan Penolong Juruaudit W29 Dalam Percubaan

Calon mesti menduduki dan lulus kesemua Bahagian sebelum diperakukan oleh Ketua Jabatan untuk pengesahan jawatan.

- i. Bahagian A (JPA): Peperiksaan Undang-undang Kerajaan.
- ii. Bahagian I (JAN): Kertas Perlembagaan dan Undang-undang.
- iii. Bahagian II (JAN): Kertas Perakaunan.
- iv. Bahagian III (JAN): Kertas Pengauditan.

2.2. Subjek Peperiksaan Perkhidmatan Bagi Kenaikan Pangkat (KPSL) Ke Skim Perkhidmatan Juruaudit Gred W41

Calon mesti menduduki dan lulus kesemua Bahagian sebelum diperakukan untuk layak menghadiri temuduga ke Skim Juruaudit Gred W41.

- i. Bahagian A (JPA): Peperiksaan Undang-undang Kerajaan.
- ii. Bahagian I (JAN): Kertas Generik.
- iii. Bahagian II – Kertas Fungsian (JAN):
 - Seksyen A - Kertas Perakaunan.
 - Seksyen B - Kertas Pengauditan.

3. Maklumat Peperiksaan Tahun 2018

3.1. Peperiksaan Siri 1 Tahun 2018

Peperiksaan ini telah diadakan pada 26 hingga 28 Jun 2018 di tiga (3) pusat dan melibatkan seramai 43 calon secara keseluruhannya iaitu 24 calon Juruaudit Gred W41 dan 19 calon Penolong Juruaudit Gred W29.

3.1.1. Analisis Keputusan Peperiksaan Siri 1 Tahun 2018 Bagi Juruaudit Gred W41 Dalam Percubaan

PERKARA	ANALISIS/ PERIHAL CALON		BAHAGIAN B(I)		BAHAGIAN B(II)		BAHAGIAN B(III)	
			PERLEMBAGAAN DAN UNDANG-UNDANG		PERAKAUNAN		PENGAUDITAN	
			Bil. Calon		Bil. Calon		Bil. Calon	
A	1.	Bilangan Menduduki Peperiksaan	8		23		9	
B	Analisis Pencapaian Calon Mengikut Bahagian		Bil. Calon	(%)	Bil. Calon	(%)	Bil. Calon	(%)
	1.	Lulus	2	25.0%	2	8.7%	2	22.2%
	2.	Kandas	4	50.0%	15	65.2%	7	77.8%
	3.	Tidak Hadir	2	25.0%	6	26.1%	0	0.0%
	JUMLAH		8	100.0%	23	100.0%	9	100.0%

3.1.2. Analisis Keputusan Peperiksaan Siri 1 Tahun 2018 Bagi Penolong Juruaudit Gred W29

PERKARA	ANALISIS/ PERIHAL CALON		BAHAGIAN B(I)		BAHAGIAN B(II)		BAHAGIAN B(III)	
			PERLEMBAGAAN DAN UNDANG-UNDANG		PERAKAUNAN		PENGAUDITAN	
			Bil. Calon		Bil. Calon		Bil. Calon	
A	1.	Bilangan Menduduki Peperiksaan	7		16		9	
B	Analisis Pencapaian Calon Mengikut Bahagian		Bil. Calon	(%)	Bil. Calon	(%)	Bil. Calon	(%)
	1.	Lulus	2	28.6%	3	18.8%	2	22.2%
	2.	Kandas	3	42.8%	13	81.2%	7	77.8%
	3.	Tidak Hadir	2	28.6%	0	0.0%	0	0.0%
	JUMLAH		7	100.0%	16	100.0%	9	100.0%

3.2. Peperiksaan Siri 2 dan KPSL Tahun 2018

Peperiksaan ini telah diadakan pada 13 hingga 15 November 2018 di 4 pusat dan melibatkan seramai 77 calon secara keseluruhannya iaitu 26 calon Juruaudit Gred W41, 48 calon Penolong Juruaudit Gred W29 dan 3 calon (KPSL) Penolong Juruaudit Gred W36.

3.2.1 Analisis Keputusan Peperiksaan Siri 2 Tahun 2018 Bagi Juruaudit Gred W41

PERKARA	ANALISIS/ PERIHAL CALON	BAHAGIAN B(I)		BAHAGIAN B(II)		BAHAGIAN B(III)	
		PERLEMBAGAAN DAN UNDANG-UNDANG		PERAKAUNAN		PENGAUDITAN	
		Bil. Calon		Bil. Calon		Bil. Calon	
A	1. Bilangan Menduduki Peperiksaan	13		20		13	
B	Analisis Pencapaian Calon Mengikut Bahagian	Bil. Calon	(%)	Bil. Calon	(%)	Bil. Calon	(%)
	1. Lulus	12	92.3%	11	55.0%	9	69.2%
	2. Kandas	1	7.7%	7	35.0%	3	23.1%
	3. Tidak Hadir	0	0.0%	2	10.0%	1	7.7%
	JUMLAH	13	100.0%	20	100.0%	13	100.0%

3.2.2 Analisis Keputusan Peperiksaan Siri 2 Tahun 2018 Bagi Penolong Juruaudit Gred W29

PERKARA	ANALISIS/ PERIHAL CALON	BAHAGIAN B(I)		BAHAGIAN B(II)		BAHAGIAN B(III)	
		PERLEMBAGAAN DAN UNDANG-UNDANG		PERAKAUNAN		PENGAUDITAN	
		Bil. Calon		Bil. Calon		Bil. Calon	
A	1. Bilangan Menduduki Peperiksaan	36		42		36	
B	Analisis Pencapaian Calon Mengikut Bahagian	Bil. Calon	(%)	Bil. Calon	(%)	Bil. Calon	(%)
	1. Lulus	25	69.4%	20	47.6%	29	80.6%
	2. Kandas	7	19.4%	19	45.2%	4	11.1%
	3. Tidak Hadir	4	11.2%	3	7.2%	3	8.3%
	JUMLAH	36	100.0%	42	100.0%	36	100.0%

3.2.3. Analisis Keputusan Peperiksaan Tahun 2018 KPSL Bagi Penolong Juruaudit Gred W36

PERKARA		ANALISIS/ PERIHAL CALON	BAHAGIAN B(I)		BAHAGIAN B(II)		BAHAGIAN B(III)	
			PERLEMBAGAAN DAN UNDANG-UNDANG		PERAKAUNAN		PENGAUDITAN	
			Bil. Calon		Bil. Calon		Bil. Calon	
A	1.	Bilangan Menduduki Peperiksaan	2		2		3	
B	Analisis Pencapaian Calon Mengikut Bahagian		Bil. Calon	(%)	Bil. Calon	(%)	Bil. Calon	(%)
	1.	Lulus	0	0.0%	0	0.0%	0	0.0%
	2.	Kandas	2	100.0%	2	100.0%	2	66.7%
	3.	Tidak Hadir	0	0.0%	0	0.0%	1	33.3%
		JUMLAH	2	100.0%	2	100.0%	3	100.0%





Meningkatkan
Jalinan Antarabangsa

MENINGKAT JALINAN ANTARABANGSA

Dalam usaha memartabatkan nama Jabatan Audit Negara di persada antarabangsa, Jabatan telah melaksanakan peranan seperti berikut:

- Merancang, melaksana dan menjalinkan hubungan kepakaran dalam bidang pengauditan di peringkat antarabangsa bagi tujuan meningkatkan kompetensi dan kemahiran pegawai.
- Menjalin kerjasama dalam bidang pengauditan di peringkat serantau bagi memastikan pengauditan yang dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara sentiasa berkualiti dan menepati piawaian pengauditan antarabangsa.
- Menerapkan budaya pengauditan terkini di Jabatan Audit Negara

Pemilihan Program/ Aktiviti Jabatan di peringkat antarabangsa dirancang berdasarkan:

**Pelan Strategik JAN
2016-2020**

**Pelan Strategik
Akademi Audit
Negara
2016-2020**

**Penilaian Outcome
Based Budgeting
(OBB)**

Pada tahun 2018, sebanyak 40 program/aktiviti meningkatkan jalinan kerjasama antarabangsa telah dilaksanakan bagi menyokong pencapaian visi Jabatan sebagai Institusi Audit yang lebih bebas dan profesional serta bertaraf antarabangsa merangkumi aktiviti berikut:

**Urusan sekretariat
persidangan/ mesyuarat/
perbincangan (program)
di peringkat antarabangsa**

1

**Menguruskan
penganjuran program
sebagai hos yang melibatkan program
antarabangsa peringkat negara**

2

**Rundingan kerjasama
pengauditan sektor awam
penyediaan Memorandum Jemaah
Menteri dan dokumen persefahaman**

6

**Menguruskan penganjuran
program antarabangsa
melibatkan program serantau
yang dianjurkan di peringkat JANM**

3

**Menguruskan lawatan rasmi
delegasi daripada luar negara.**

5

**Pengurusan pegawai mengikuti
program luar negara
yang dianjurkan
di peringkat antarabangsa**

4

PRESTASI PELAKSANAAN PROGRAM ANTARABANGSA TAHUN 2018




PECAHAN PROGRAM MENGIKUT BIDANG



PECAHAN MENGIKUT SEKTOR

- Sektor Audit Prestasi
- Sektor Audit Kewangan
- Sektor Audit Tadbir Urus
- Sektor Negeri
- Pejabat Ketua Audit Negara
- Unit Audit Dalam



PENCAPAIAN DAN IMPAK PENGLIBATAN JABATAN AUDIT NEGARA DI PERINGKAT ANTARABANGSA TAHUN 2018

1

Pengerusi ASOSAI

Pengerusi ASOSAI bagi tempoh tahun 2015 hingga tahun 2018. Penyerahan jawatan Pengerusi Asosai kepada SAI Vietnam pada September 2018.

2

Pusat Latihan ASOSAI

Pengiktirafan Pusat Latihan ASOSAI kepada Akademi Audit Negara

3

11th ASOSAI Research Project

Ketua pasukan *Research Project* (11th ASOSAI) bertajuk *Methods for Developing Risk-Based Audit Plan*.

4

ASOSAI Journal

Ketua Audit Negara Malaysia telah memberi *message and foreword* di dalam *ASOSAI Journal* sebanyak 3 kali iaitu pada *ASOSAI Journal* keluaran April 2018, Oktober 2018 dan *ASOSAI Journal Special Issue* pada Disember 2018.

5

ASEANSAI LTAPII dan IDI Cooperative Audit

Penganjuran program ASEANSAI LTAPII dan IDI *Cooperative Audit Meeting* di Melaka pada bulan Julai 2018.

6

ASEANSAI Manual of Procurement

Terlibat dalam *Follow-up on the Workshop on Audit of Public Procurement (FUWAPP)*

7

Preparedness of SDGs

Laporan pengauditan berkaitan "*Preparedness of Sustainable Development Goals*" telah berjaya diterbitkan.

8

Trained Resource Persons

33 orang pegawai JAN telah berjaya dilatih di pelbagai peringkat di dalam 8 bidang utama pengauditan pada tahun 2018.

9

XXVI OLACEF General Assembly

Pengiktirafan oleh OLACEF (*Latina American SAs Region*) dengan menjemput JAN bagi mewakili ASEANSAI di Buenos Aires, Argentina.

KEANGGOTAAN/PENGLIBATAN JABATAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA



ASEAN SUPREME AUDIT INSTITUTIONS

ASEANSAI ditubuhkan pada 16 November 2011 di Bali, Indonesia.

Keanggotaan ASEANSAI terdiri daripada 10 ahli SAI daripada negara ASEAN:


1. Jabatan Audit Brunei Darussalam
2. *National Audit Authority of Kingdom of Cambodia*
3. *Badan Pemeriksa Keuangan Republik Indonesia*
4. *The State Audit Organization of Lao P.D.R*
5. Jabatan Audit Negara Malaysia
6. *Office of the Auditor General of the Union, the Republic of the Union of Myanmar*
7. *The Commission on Audit of the Republic of Philippines*
8. *Auditor General Office of Singapore*
9. *State Audit Office of the Kingdom of Thailand*
10. *State Audit of Vietnam*

Objektif ASEANSAI adalah bagi menjalinkan kerjasama, perkongsian pengetahuan dan pembangunan kapasiti Institusi Audit di kalangan negara ASEAN.

Portfolio Semasa SAI Malaysia

- Malaysia merupakan Timbalan Pengerusi bagi ASEANSAI (2017 – 2019) dan akan dilantik sebagai Pengerusi ASEANSAI (2019 – 2021) pada Perhimpunan ASEANSAI ke-5 pada bulan November 2019 di Kuala Lumpur, Malaysia
- Malaysia juga berperanan sebagai ahli kepada ASEANSAI Executive Committee (2017 – 2019) yang dianggotai oleh Pengerusi dan Timbalan Pengerusi ASEANSAI.
- Selain itu, Malaysia bergiat aktif sebagai *Chair of Knowledge Sharing Committee* dan ahli kepada *Strategic Planning Committee, Rules & Procedures Committee* dan *Training Committee*.

CARTA ORGANISASI ASEANSAI



PENYERTAAN JABATAN AUDIT NEGARA DALAM PROGRAM ASEANSAI

TAJUK PROGRAM	TEMPAT	TARIKH
<i>Interim Wrap Up Meeting On LTAPII Phase 2</i>	Manila, Filipina	5 - 7 Feb
<i>ASEANSAI Executive Committee Meeting 2018</i>	Vientiane, Lao PDR	19 – 20 Feb
<i>ASEANSAI SPC'S Meeting on Upgrading The Monitoring And Evaluation System</i>	Hanoi, Vietnam	19 - 23 Mac
<i>ASEANSAI Seminar On Increasing The Awareness Of The SDGS And Other Related Activities</i>	Jakarta, Indonesia	2 April
<i>ASEANSAI Donor Coordination Meeting</i>	Jakarta, Indonesia	3 April
<i>Follow-Up Workshop On The Audit Of Public Procurement (FUWAPP)</i>	Manila, Filipina	16 - 20 April
<i>Workshop on Conducting Awareness Knowledge Sharing on Good Practices about SAI Independence</i>	Bangkok, Thailand	15 - 17 Mei
<i>43rd ASEAN Audit Committee Meeting</i>	Jakarta, Indonesia	27 - 29 Jun
<i>ASEAN LTAPII Final Wrap up Meeting</i>	Melaka, Malaysia	23 - 25 Jul
<i>Workshop On Fraud Audit Investigation</i>	Jakarta, Indonesia	27 – 31 Ogos
<i>Peer Review: Final Evaluation of ASEANSAI Trilateral Cooperation Project in Strengthening the Capacities of Financial Audit</i>	Vientiane, Lao PDR	5 Sept
<i>ASEANSAI Course Design And Development Workshop On Financial Audit</i>	Manila Filipina	8 - 17 Okt
<i>ASEANSAI Workshop on Financial Audit</i>	Lao PDR	19 - 23 Nov
<i>IDI-ASEANSAI Financial Audit Workshop</i>	Vientiane, Lao PDR	30 Nov - 7 Dis
<i>Meeting with German International Cooperation (GIZ)</i>	Jakarta, Indonesia	3 Dis
<i>ASEANSAI Annual Monitoring and Evaluation Meeting</i>	Jakarta, Indonesia	4 - 7 Dis



Program: *Interim Wrap Up Meeting On LTAPII Phase 2* di Manila, Philippines pada 5 hingga 7 Februari 2018



Program: *ASEANSAI SPC'S Meeting on Upgrading The Monitoring And Evaluation System* di Hanoi, Vietnam pada 19 hingga 23 Mac 2018



Program: *ASEANSAI Seminar on Increasing the Awareness of the SDGs and Other Related Activities* di Jakarta, Indonesia pada 2 April 2018



Program: ASEANSI Chairperson, Dr. Vienthong Siphandone officially launched the ASEANSI Secretariat Office di Jakarta, Indonesia pada 2 April 2018



Program: ASEANSI Donor Coordination Meeting di Jakarta, Indonesia pada 3 April 2018



Program: Follow-up on the Workshop on Audit of Public Procurement (FUWAPP) di Manila, Filipina pada 16 hingga 20 April 2018



Program: *Peer Review: Final Evaluation of ASEANSAI Trilateral Cooperation Project in Strengthening the Capacities of Financial Audit* di Vientiane, Lao PDR pada 5 September 2018



Program: *IDI-ASEANSAI Financial Audit Workshop* di Vientiane, Laos pada 3 hingga 7 Desember 2018



Program: *Meeting with German International Cooperation (GIZ)* di Jakarta, Indonesia pada 3 Desember 2018



Program: *ASEANSAI Annual Monitoring and Evaluation Meeting* di Jakarta, Indonesia pada 4 hingga 7 Desember 2018



ASIAN SUPREME AUDIT INSTITUTIONS

